



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2843]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya [Ruangan 2884]

Rang Undang-undang Pehakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah [Ruangan 2902]

USUL-USUL:

Ucapan-ucapan Penangguhan—

Hospital di Pulau Pinang—Menambahkan [Ruangan 2943]

Politik Hal Ehwal Luar Negeri—Perubahan Pesat [Ruangan 2947]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 21hb Ogos, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

- Yang Berhormat NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

- Yang Berhormat **TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).**
- „ **TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).**
- „ **TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).**
- „ **TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).**
- „ **TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).**
- „ **DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).**
- „ **TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- „ **TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).**
- „ **TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).**
- „ **TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).**
- „ **TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).**
- „ **TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).**
- „ **TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).**
- „ **TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).**
- „ **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- „ **TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).**
- „ **TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).**
- „ **DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).**
- „ **TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).**
- „ **TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).**
- „ **TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).**
- „ **TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).**
- „ **TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).**
- „ **TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).**
- „ **DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).**
- „ **WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).**
- „ **TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).**
- „ **TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).**
- „ **TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).**
- „ **DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).**
- „ **TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).**
- „ **TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).**
- „ **RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).**

- Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI DATUK TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, P.I.S., M.B.E.
(Johor Bahru Timor).

- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DO'A

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

YUNIT KHAS MENCEGAH KEKOTORAN—MENUBUHKAN

1. Dr S. Seevaratnam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk menubuhkan suatu yunit khas Kerajaan untuk mencegah dan mengurangkan kekotoran udara, air dan alam sekitar di Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, pada masa ini perkara pengawalan pengotoran adalah di bawah tanggungjawab beberapa Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan. Kementerian Kesihatan adalah bertanggungjawab berkenaan dengan kekotoran udara (air pollution) hasil daripada kilang-kilang perindustrian; Kementerian Perhubungan berkenaan dengan pengawalan kekotoran (pollution) hasil daripada asap keretapi dan juga kekotoran di dalam lautan-lautan akibat daripada ancaman pencemaran minyak; Jabatan Perikanan berkenaan dengan kekotoran air (water pollution) yang berbangkit daripada kegiatan racun-racun; dan Jabatan Parit dan Taliair berkenaan dengan "silting of rivers".

Baru-baru ini saya telah pun mengarahkan bahawa tindakan-tindakan mengenai pengawalan pengotoran alam hendaklah diselenggarakan oleh Kementerian Kesihatan. Sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan sebagai Pengerusi dan wakil-wakil daripada Kementerian itu, Kementerian Perhubungan, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Jabatan Perikanan dan Jabatan Parit dan Taliair telah dibentuk dengan diberi ketentuan tugas bagi mengkaji semua undang-undang yang ada berhubung dengan perkara ini.

KECUALIAN ASIA—HASIL LAWATAN P.M. AUSTRALIA

2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri

Australia ke Malaysia pada bulan Jun baru-baru ini. Adakah masaalah pertahanan dan kecualian Asia dibicarakan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, lawatan Perdana Menteri Australia adalah merupakan satu peluang dimana kita dapat bertukar-tukar fikiran mengenai hubungan kedua negara dan juga mengenai perkara-perkara serantau dan antarabangsa.

Cadangan kita untuk mengecualikan kawasan Asia Tenggara telah pun mendapat sokongan Perdana Menteri Australia itu.

Di bidang ekonomi, Australia telah berjanji akan membantu kita di dalam penyiasatan dataran (basin) Sungai Pahang dan menolong MARDI dalam penyiasatannya.

Berhubung dengan pertahanan, kita telah memberi jaminan kepada Australia iaitu penempatan tentera-tentera mereka disini di dalam kontek Peratoran Pertahanan Lima Negara adalah dialu-alukan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Apakah yang dapat disimpulkan dalam perundingan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Perdana Menteri Australia berhubung dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Australia kepada Malaysia dalam bidang Pertahanan, supaya Malaysia tidak bergantung dengan negara luar, ataupun Malaysia dapat berdiri di atas kakinya sendiri dalam bidang pertahanan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, dalam beberapa tahun yang lampau Australia telah memberi bantuan-bantuan kepada kita samada bantuan latihan dan bantuan perkakas-perkakas senjata untuk kita membesar dan meluaskan tentera kita dan bantuan itu terus diberi dari satu masa kesatu masa.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, saya percaya yang Perdana Menteri Australia telah menimbulkan soal berkaitan dengan penyewaan Pengkalan Udara (Air Base) di Butterworth dan juga latihan-latihan tentera Australia di Sekolah Peperangan Hutan di Johor, adakah keputusan tetap telah pun dibuat mengenai dua perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perkara-perkara ini tidak ada dibawa dalam perbincangan itu.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, apakah tindakan yang telah diambil terhadap seorang Pegawai Kementerian Luar Negeri yang telah membuat kenyataan yang tidak bertanggungjawab mengenai bantuan pertahanan Australia kepada negara kita semasa Perdana Menteri Australia membuat lawatan pada bulan Jun lepas?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, setahu saya, tidak ada seorang pun pegawai yang membuat kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Loh Jee Mee: Soal tambahan, Tuan Yang di Pertua. Kenyataan pegawai tersebut kepada pemberita-pemberita ialah samada kehadiran askar-askar Australia tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada negara, dan kemudiannya kenyataan itu ditarek balek oleh pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kenyataan itu tidak dibuat oleh pegawai yang tersebut, hanyalah dibuat oleh akhbar-akhbar Australia sahaja.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan Australia telah beberapa kali menyatakan, yang Kerajaan Australia berasa bimbang dengan kemungkinannya ada ancaman dari Pengkalan Russia di Lautan India, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat akan kebimbangan bagi Australia berkaitan dengan Russia dan kemudiannya Pengkalan Cina di Asia Tenggara dan kemungkinan adanya pertelingkahan perselisihan dengan polisi Pengecualian Kerajaan Malaysia kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, soalan ini tidak ada kena-mengena dengan soalan yang asal dan perkara ini pun tidak timbul dalam perbincangan dengan Perdana Menteri Australia.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Apakah kekuatan askar-askar Australia di Malaysia pada masa sekarang dan apakah sebabnya askar-askar Australia itu tidak digunakan oleh negeri kita di sempadan Malaysia-Thai dan Malaysia-Indonesia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, ancaman komunis terhadap negara kita ialah tanggungjawab kita bagi mengawasinya, jadi

kita tidak perlu pertolongan daripada mana-mana pihak, kita ada cukup kekuatan untuk menentang dan menghapuskan penganas-penganas komunis itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Sebagaimana yang d'katakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa di masa yang lalu Australia banyak memberi bantuan-bantuan yang merupakan latihan dan alatan kepada kita dalam bidang mempertanggungjawab pertahanan negara kita ini kepada kita sendiri, atau pun dari segi perkataan lain berdikari di atas kaki sendiri. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi tahu, adakah perundingan yang telah dibuat antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Australia dalam bidang kita mengadakan kerjasama untuk penubuhan bagi membuat alat-alat kelengkapan pertahanan secara joint venture antara Malaysia dengan Australia dan ditempatkan di Malaysia?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perkara ini tidak ada dibincangkan.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kami faham bahawa askar-askar daripada luar negeri itu tidak boleh disimpan dalam satu-satu negeri, adakah Kerajaan berjanji dengan Perdana Menteri Australia supaya dia tarek balek askar-askar Australia dari tanah air kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, tidak ada perjanjian semacam itu.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu kita, adakah Kerajaan Australia telah menukarkan pandangannya kerana Parti Buruh telah berjanji akan mengundurkan semua tentera-tentera Australia daripada Malaysia jikalau dia menang dalam pilihanraya besar?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, sekiranya Kerajaan Australia yang ada sekarang ini mempunyai pendapat yang bertentangan dengan Parti Buruh, tentulah dia tidak mengemukakan perkara ini?

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kalau kita ada mempunyai satu konsep pengecualian, askar-askar Australia tidak boleh duduk lagi dalam tanah air kita, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

berjanji dalam Rumah ini, pada masa akan datang bolehkah diminta Australia menarik balik askar-askarnya di tanah air kita ini?

Perdana Menteri: Itu soalan lain. Kalau Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan jawapan, boleh buat soalan lain. Perkara ini tidak ada kena-mengena dengan soalan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan, samada beliau membincangkan dengan Perdana Menteri Australia mengenai konsep pengecualian untuk Asia Tenggara, dan jika ada, apa pandangan Kerajaan Australia mengenai perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu patut dengar atas perkara ini, saya sudah jawab tadi. Perkara ini, kalau kerap kali tidak didengar akan merugikan masa sahaja untuk menjawabnya.

STALIN—BUKU KARANGAN ISSAC DEUTSCHER

3. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dengan tegas samada buku yang bertajuk "STALIN" yang dikarang oleh Issac Deutscher diharamkan dengan rasminya dari dibawa masuk dan dijual serta diedarkan di Malaysia; jika ya, nyatakan sebab-sebab pengharaman tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, buku berjudul "STALIN" yang dikarang oleh Issac Deutscher tidak diharamkan kemasukannya ke dalam negeri ini.

FILEM-FILEM "X"— CERITA-CERITA LUCAH

4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa tindakan yang Kerajaan bercadang hendak ambil terhadap majallah-majallah seperti "Berita Filem" yang membawa cerita-cerita lucah yang lebih buruk daripada filem-filem "X".

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, majallah "Berita Filem" ini baharu sahaja dikeluarkan Permit untuk menerbitkannya pada 19hb Jun, 1972 ini dan sehingga sekarang pihak penerbitnya telah mengeluarkan dua keluaran. Setakat ini belum lagi

dapat dikesan unsur-unsur yang dianggap berkelakuan terhadap akhlak. Walau bagaimanapun Kementerian ini akan mengkaji pengeluaran-pengeluaran akan datang majallah ini dan jika didapati mengandungi unsur-unsur yang tidak diingini tindakan sewajarnya mengikut undang-undang yang berkenaan akan diambil terhadapnya.

TARAF PELABUHAN BEBAS PULAU PINANG

5. Tuan V. David minta Menteri Kewangan menyatakan dengan tegas samada menjadi tujuan Kerajaan untuk menarik kembali secara bersistem taraf Pelabuhan Bebas Pulau Pinang.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di Pertua, kita mestilah menyedari hakikat bahawa Pulau Pinang tidak boleh selama-lamanya menikmati tarafnya sebagai satu Pelabuhan Bebas. Adalah mustahak, dari segi kepentingan negara dan juga kepentingan jangka panjang Pulau Pinang, supaya proses perindustrian dipercepatkan. Untuk mencapai ini perlulah chukai perlindungan dikenakan diseluruh Malaysia termasuk Pulau Pinang. Oleh yang demikian untuk mempercepatkan proses perindustrian di dalam negeri ini terpaksa taraf Pelabuhan Bebas Pulau Pinang ditarek semula sedikit demi sedikit.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Menteri Kewangan memberi penerangan dalam Dewan ini pada masa pilihan raya 1969 dahulu Kerajaan Perikatan telah berjanji dengan pengundi-pengundi bahawa apabila rakyat menyokong Kerajaan Perikatan free port status tidak boleh dihapuskan. Tetapi sekarang Menteri Kewangan telah berkata, bahawa ini tidak boleh jadi macam itu, adakah Kerajaan Perikatan sekarang ini tidak lagi menerima apa yang telah dijanjikan dalam tahun 1969 dahulu?

Tun Tan Siew Sin: (Dengan izin) Tuan Yang di Pertua, the Honourable Member does not seem very much addicted to the truth. The Alliance Party never made such a promise in 1969. The promise was made by the Gerakan, as the Honourable Member is well aware.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kalau ada apa-apa rekod yang menunjukkan Kerajaan Pusat ada berjanji mengenai free

port status, bolehkah Menteri Kewangan resign daripada Dewan ini?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, that promise was not made by the Government, nor by anyone in authority.

Tuan T. S. Gabriel: (*Dengan izin*) Sir, Penang has lost much of its image as a result of its losing eventually its free port status. Would the Government reconsider its stand, to restore back the free port status to Penang?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, as Chairman of the Coordinating Council for Penang, the Chief Minister of Penang and I have agreed on what should be done for Penang and I hope this will be enough for the people of Penang.

Dr Chen Man Hin: Saya mahu menerangkan disini, minggu dahulu Chief Minister Pulau Pinang ada berkata beliau ada membuat satu rayuan kepada Kerajaan Pusat supaya beri balek free port status kepada Pulau Pinang. Dan Yang Amat Berhormat Chief Minister itu pun ada berkata oleh sebab perindustrian di Pulau Pinang berjalan sangat perlahan dan tidak cakap sahaja dan penduduk-penduduk banyak tidak bekerja, bolehkah Kerajaan timbangkan diberi balek free port status kepada Pulau Pinang?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, the Honourable Member should have digested that speech of the Chief Minister of Penang more carefully. He never suggested that Penang should get back its free port status. What he suggested was that the Federal Government should either consider restoring the free port status or give further financial help. I think there is a vast difference between the two.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, the Honourable Minister of Finance stated just now that Penang being a part of Malaysia should not enjoy extra rights than the other States of Malaysia. But, Sir, would the Minister of Finance recognise the economic facts that Penang has thrived for centuries—in fact, it was founded on this premise that it should be a free port. It has prospered and thrived on the fact that it was a free port and that is the *raison d'être*, the economic strength of Penang and if we look at in a broad-minded manner, ultimately the benefits from Penang will be translated to the rest of

Malaysia. So that being the case, that being the inherent fact of Penang, arising from its geographical position, its status as a port, the traditions and the ties which have been built up where the free port status of Penang is concerned, would the Government therefore consider extending the limits of the free port status of Penang, still keeping in consonance of our overall economic policy but developing and enhancing the economic peculiarity and uniqueness of Penang?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, of all the arguments put up in favour of restoring Penang's free port status, I would like to say the last argument is probably about the most stupid. It would be just as logical to argue that because for thousands of years we did not go about in jet-planes, we should not go about in a jet-plane.

The Federal Government is convinced that it is not in the long-term interest of Penang to restore its free port status—it is like putting the clock back. After all, Penang's main hope is to industrialise as rapidly as possible, not to depend on the little entrepot trade, which in any way would be lost with the passage of time, because countries like Indonesia, Thailand and Burma will in the due course of time be handling their own trade rather than depend on Penang.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan iaitu tujuan Kerajaan Pusat ialah hendak menghapuskan kebebasan pelabuhan Pulau Pinang. Bolehkah beliau menerangkan apa yang Kerajaan Pusat hendak membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, umpamanya memperluaskan Lapangan Terbang di Bayan Lepas?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, as I have stated already, we have a Coalition Government in Penang and this Coalition Government is doing very well, and I would advise Honourable Members opposite not to fish in troubled waters because those "waters" are not "troubled".

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini apakah yang sedang diambil untuk ganti-rugi (compensate) bagi Pulau Pinang kerana kehilangan kebebasan pelabuhan dan apakah

rakyat di Pulau Pinang boleh berharap dalam masa satu tahun, dua tahun, tiga tahun mengenai pekerjaan, what the people can expect in two or three years, in terms of new job creation and increasing incomes from this Compensation plan?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, I can assure Honourable Members opposite that they can expect more from the Alliance Government than they can from the Opposition benches opposite.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, just now the Minister of Finance denied making any promises during the 1969 elections, but I still remember the Chief Minister of Penang then made the promise: that if they were returned to power, the free port status would continue to exist. Now, he has made a categorical statement of denial of the same. Sir, we would like to know from the Minister of Finance how do they continue with the Coalition when the Gerakan advocates a free port status and the Alliance does not agree to it. Is this a "marriage of convenience" and they do not have any agreement over a definite policy?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, I was of course fully aware that the Honourable Member who just spoke has no love for the present Government of Penang. I fully appreciate that, but I think I can also assure him that there is complete understanding between the present State Government of Penang and the Federal Government.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, the Minister of Finance earlier on said that the

Tuan Yang di Pertua: Order, order.

Tuan Goh Hock Guan: Minta izin, Tuan Speaker.

Tuan Yang di Pertua: Nanti saya fikir dahulu. Baiklah.

Tuan Goh Hock Guan: Terima kasih. (*Dengan izin*) Sir, the Minister of Finance just now said that the Alliance Government in its wisdom has decided that free port status is bad for Penang and he accused my economic argument as the stupidest thing that he has ever heard from this side of the House. Well, Sir, that is a matter of opinion. The Government has not always been right. But, Sir, the people of Penang really believe that this free port status for

Penang is the cornerstone of their survival and prosperity. Could the people of Penang therefore be wrong, Sir, and the Government be right in this instance? Therefore I ask the Minister of Finance, in view of the burning desire of the people of Penang to retain at least a segment of the free port status of Penang, would not the Government therefore consider enlarging this free port status of Penang, accepting the fact that this is not good only for Penang but also for the rest of Malaysia?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, I suggest that the Honourable Member need not arrogate to himself the claim that he knows the views of the people of Penang.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Ada dua alasan sebab-sebab. Yang pertama sebab Kerajaan sungguhpun dia ada satu polisi perindustrian di Pulau Pinang tetapi sebab polisi ini ada dilaksanakan tersangat perlahan dan tidak cekap dan ramai orang tiada bekerja di Pulau Pinang dan kalau Kerajaan ada bertujuan memberi satu tourist policy yang baik kepada Pulau Pinang dan pelancung-pelancung yang sampai di Pulau Pinang boleh membeli barang-barang yang murah, bolehkah Kerajaan melaksanakan satu tourist policy yang baik kepada Pulau Pinang dan bolehkah Kerajaan menimbangkannya semula supaya taraf free port status diberi balik kepada Pulau Pinang.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, we have considered the needs of Penang Island by agreeing to set up this free trade area straightaway—I hope within the next month or two—at the Weld Quay area and we have also agreed to set up a number of free trade zones which will not only be the first but they will be very large ones and should enable Penang to set up export-orientated industries therein. So, it cannot be said that we have disregarded the special needs of Penang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Menteri Kewangan menyatakan apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tidak merupakan kehendak-kehendak penduduk-penduduk di Pulau Pinang tentang kebebasan Pelabohan Pulau Pinang. Saya hendak bertanya kepada beliau bolehkah beliau mengambil Gallup poll atau opinion

poll antara penduduk-penduduk di Pulau Pinang supaya mereka boleh menyuarakan kehendak-kehendak mereka tentang kebebasan di Pelabuhan Pulau Pinang?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, I would suggest that the Honourable Member conduct a Gallup poll when and if he comes to power.

Tuan V. David: Sir, I cannot agree with the Minister of Finance because

Tuan Yang di Pertua: No arguments!

Tuan V. David: I am sure the Minister of Finance is aware that Gerakan won the elections purely on this free port status argument and for supporting the free port status. Again, I just want to ask the Minister of Finance to tell this House, if Penang is purely depending on industrialisation, how many people so far have been employed by the various industries and how long will it take for full employment in Penang? Once there is full employment in Penang, and if the Government considers taking away the free port status, it can justify it, but not at this moment. Will the Minister consider extending the free port status at least for a number of years until such time as there is full employment in the State of Penang?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, we of course, do not agree with the Honourable Member who last spoke, and I personally feel that it would be a very sad day if he and I were to agree on any subject.

Tuan V. David: I did not ask him to agree. Sir, I am just asking him a question. Since he does not agree, I am sitting on the other side of the House. I just want to know

Tuan Yang di Pertua: Jadi hendak buat bertengkar disini tak boleh. Duduk!

Tuan Goh Hock Guan: Sir, just now the Minister of Finance stated that the only way to find out the feelings of the people of Penang is for me to get a mandate from the people of Penang, and this was also the reply that he gave to the Honourable Member for Batu. Sir, we are not the Government today, but the Alliance Government is the Government which is in charge of the well-being and the lives of the people of Penang and the people of Malaysia. Sir, the elections will be held in another 3 or 4 years time, but in the

meanwhile the acute problems of unemployment and poverty are present in Penang and the people are suffering. That being the case, Sir, is it not the duty of the Government to conduct a referendum to find out the wishes of the people of Penang? Itu mesti tanggungjawab Kerajaan, bukan tanggungjawab Opposisi disini.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, we in the Government are fully aware that we are responsible for the destiny of Penang, indeed of Malaysia, and I can assure the Honourable Member that we are fully aware of these responsibilities and we will act accordingly.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, Pulau Pinang, Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak adalah satu Malaysia. Adakah Kerajaan sekarang mahu tunduk kepada desakan daripada pihak Pembangkang oleh kerana orang-orang Malaysia berfikirkan penjajah itu adalah penjajah. Penjajah memberikan taraf pelabohan bebas kepada Pulau Pinang oleh kerana penjajah memang suka untuk memechah-belahkan rakyat di Tanah Melayu pada masa itu. Adakah Kerajaan Malaysia pada hari ini mahu tunduk dengan desakan daripada parti Pembangkang?

Tuan Yang di Pertua: Ini bukan soalan. Apa soalnya? Ini tak ada kena-mengena dengan soalan ini, ini berkenaan dengan parti.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua

Tuan Yang di Pertua: Tak boleh, kalau buat soalan lain, boleh saya izinkan.

K.W.S.P.—PERTIMBANGAN PENCARUM-PENCARUM PEREMPUAN

6. Tuan V. David minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja wanita bersara apabila berumur 45 tahun dan mereka terpaksa menunggu 10 tahun lagi untuk sampai keumur 55 tahun dan barulah dibenarkan mengeluarkan caruman mereka daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan samada beliau akan menurunkan had umur ini daripada 55 tahun kepada 45 tahun bagi

wanita-wanita dengan meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sepatutnya tahu, tujuan utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (K.W.S.P.) ialah untuk memberi jaminan kewangan kepada pekerja-pekerja pada masa tua mereka. Dengan berdasarkan kepada keadaan-keadaan di dalam negeri ini, umur yang telah ditetapkan untuk seseorang itu, lelaki dan juga perempuan, mengeluarkan wang carumannya daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ialah 55 tahun.

Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah membuat pertimbangan sama ada pencarum-pencarum perempuan patut dibenarkan mengeluarkan caruman mereka dari Kumpulan Wang itu pada umur 45 tahun. Di dalam penyelidikan mereka, Lembaga itu telah mendapati bahawa akaun pencarum-pencarum perempuan di dalam kumpulan umur 50 tahun hingga 54 tahun adalah lebih banyak daripada akaun-akaun pencarum-pencarum perempuan di dalam kumpulan umur 45 tahun hingga 49 tahun. Satu kajian lain telah menunjukkan bahawa adalah tidak benar pada keseluruhannya pekerja-pekerja perempuan di dalam lapangan swasta bersara pada umur 45 tahun. Di dalam perkhidmatan awam, walau pun telah ditetapkan bahawa pegawai-pegawai perempuan boleh bersara secara pileh-sendiri pada umur 45 tahun, mereka adalah dibenarkan bekerja lagi sehingga berumur 55 tahun.

Walau bagaimanapun umur 55 tahun itu adalah telah ditetapkan untuk tujuan mengeluarkan wang simpanan mereka daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, berdasarkan kepada apa yang difikirkan sebagai umur yang sesuai. Walaupun pekerja-pekerja perempuan dibenarkan bersara dari sesuatu pekerjaan itu sebelum berumur 55 tahun, tidaklah bermakna yang mereka itu patut diberi peluang untuk mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang tersebut pada ketika mereka bersara itu. Oleh yang demikian, perkara meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini tidaklah timbul.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Malaysian Trade Union Congress ada membawa

perkara ini kepada Menteri Kewangan beberapa kali, iaitu apabila perempuan-perempuan yang sudah sampai umur 45 tahun dan kena berhenti kerja, kalau dia tidak dapat wang itu, kalau dia mahu buat sebuah rumah atau membeli harta dan sebagainya bagi keselamatan hidupnya dalam umur persaraan, tidaklah dapat dilakukan. Saya minta Menteri Kewangan sama ada Kerajaan akan mengkaji balik perkara ini oleh kerana pekerja-pekerja diseluruh tanah air kita ada menyuarakan perkara ini dan mereka mahu umur di turunkan kepada umur 45 tahun bagi perempuan-perempuan untuk mengeluarkan wangnya itu.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, wanita-wanita juga mempunyai jangka umur yang lebih panjang daripada laki-laki di negeri ini. Pada tahun 1969 jangka umur laki-laki ialah 64 tahun, pada hal jangka umur wanita ialah 67 tahun—3 tahun lebih. Meski pun wanita bersara dari pekerjaan lebih awal daripada laki-laki, mereka boleh dijangka hidup lebih lama lagi. Umur 55 tahun bagi laki-laki dan perempuan mengeluarkan wang caruman mereka adalah difikirkan sesuai. Walau bagaimanapun jika wanita mahu hak yang sama bagi kerja yang sama mereka patutlah menyumbangkan sama banyak kepada Kumpulan Wang itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, adakah benar bahawa pekerja-pekerja percaya bahawa Kerajaan tidak mahu menurunkan umur itu oleh kerana Kerajaan sudah menggunakan wang itu untuk rancangan-rancangan Kerajaan, dan kalau diturunkan umur itu Kerajaan akan menghadapi kesulitan untuk membayar-nya. Saya cuma mahu tahu sama ada betul atau tidak.

Tun Tan Siew Sin: *(Dengan izin)* That is an utterly vicious and irresponsible statement on the part of the Honourable Member but I suppose one must accept what is typical of him. So you cannot expect very much more from him.

Tuan V. David: *(Dengan izin)* Sir, he is here to answer questions

Tun Tan Siew Sin: He should not object because he insinuated that the Federal Government will not be able to pay back this money to the contributors of E.P.F.

Tuan V. David: Sir, I want an answer from the Minister. If he is going to be arro-

gant in this House and if he assumes that he is not here to reply to questions

Tuan Yang di Pertua: He can be as arrogant as he likes and you can also be as arrogant as you like.

Tuan V. David: Sir, I want a categorical answer whether this money has been utilised for development projects. If it has not been used, then that is up to him to say so. I just want a clear answer on this. Whether it is vicious or not vicious is left to me.

Tuan Yang di Pertua: But it is certain that you made insinuations just now and those insinuations must be replied. That is all.

Tuan V. David: Sir, when I put my question, I just said this is what many feel and I just want the Minister to clarify whether this is true or not.

Tuan Yang di Pertua: It is not true—he just said so.

Tuan V. David: Well, according to the Minister, it is vicious and he said that I made a vicious statement. But it is not for the Minister to say whether we are vicious or not; it is for him to answer questions.

Tuan Yang di Pertua: Well, if it is so much not true, then it could be vicious.

Tuan V. David: Sir, it is true; it is a fact. The workers' money, Sir, is being utilised.

Tuan Yang di Pertua: I don't want to be involved in this question. (*Ketawa*).

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Speaker. (*Dengan izin*) Sir, about a year ago during Question Time, I asked the Honourable Finance Minister whether he would consider allowing women employees who worked for the Government to withdraw their E.P.F. money when they retire at the age of 45 instead of having to wait for another 10 long years. The Finance Minister then, Sir, promised to look into this matter, believing that there is some merit in the proposal. That being the case, Sir, since there is merit in that proposal to allow women to withdraw the money, because they needed the money to build a house or to pay for their children's education, why should not Government implement it immediately? What is the difficulty about that?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, it was with that consideration in view that the Board of the E.P.F. has allowed contributors, both men and women, to withdraw 1/3 of their contributions on reaching the age of 50 for the purpose of building houses and things like that. But we must remember that the primary purpose of E.P.F. is to provide for security in one's old age and clearly allowing withdrawal of more than this amount would defeat the primary purpose of the Fund.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, is the Government assuming that it knows better in running the lives and the future of the people of this country—is it assuming that it knows what is best for the people when the people themselves, these women Government employees, need the money and they know how to plan for their future? Is the Government, therefore, assuming that Government knows better in planning for the future of these people?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, the Government is certainly convinced that it knows far better than the Opposition how this Fund should be dealt with.

Tuan Goh Hock Guan: Sir, that is a totally uncalled-for remark.

Tuan Yang di Pertua: Well, I saw that it was uncalled-for when you made that statement first of all.

JOHOR BAHRU KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS—CADANGAN

7. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang hendak menjadikan Johor Bahru sebagai Kawasan Perdagangan Bebas; jika ya, bila dan adakah tarafnya akan sama dengan Pulau Pinang; dan
- (b) samada Kerajaan Negeri Johor telah diberitahu secara rasmi tentang cadangan ini.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, nampaknya perkataan Kawasan Perdagangan Bebas yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam "context" soalnya itu sama ertinya dengan Kawasan Perdagangan Bebas yang sekarang ini sedang didirikan di kawasan "Weld Quay" di Pulau Pinang.

Suka saya menerangkan disini bahawa Kawasan Perdagangan Bebas yang didirikan ini adalah untuk menggalakkan perdagangan "entrepot" Pulau Pinang dan juga untuk membantu Pulau Pinang mengatasi masalah ekonominya didalam masa peralihan ini.

Sebagai Ahli Yang Berhormat itu sedia maalam kedudukan ekonomi negeri Johor tidaklah sama dengan kedudukan ekonomi negeri Pulau Pinang yang pada masa lalu banyak bergantung kepada Perdagangan "entrepot". Oleh yang demikian daripada segi ekonomi, saya tidak mendapati apa² sebab untuk mengambil langkah yang sama untuk Johor Baharu. Dengan penjelasan ini soalan yang lain itu tidaklah timbul sama sekali.

BAS-BAS SEKOLAH—KEBENARAN JABATAN PENGANGKUTAN

8. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapakah beliau membenarkan setengah sekolah menjalankan bas-bas sekolah kepunyaan sekolah itu sendiri yang sudah terialu buruk dan lama, iaitu bas-bas yang tidak boleh dipakai oleh syarikat-syarikat kenderaan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, saya tidak pernah membenarkan. Sebelum lesen dikeluarkan kepada lori-lori dan bas-bas Jabatan Pengangkutan Jalan akan memeriksa lori-lori dan bas-bas tersebut. Disamping itu semua lori-lori dan bas-bas diperiksa tiap-tiap enam bulan untuk menentukan kesesuaiannya. Lesen tiada dikeluarkan jikalau didapati Jentera-Jentera itu tiada sesuai. Jika Ahli Yang Berhormat dari Parit mengetahui ada bas-bas sekolah atau lori-lori yang difikirkan tidak sesuai dan terlalu buruk, saya harap kerjasama Ahli Yang Berhormat dan bolehlah membuat aduan dan memberikan nombor-nombor pendaftaran bas atau lori-lori itu kepada Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor yang berdekatan seperti di Ipoh oleh kerana Ahli Yang Berhormat mewakili kawasan Parit, dan tindakan segera untuk memeriksa kenderaan tersebut boleh dibuat. Setelah diperiksa didapati benar tidak layak, digunakan maka akan diperintahkan supaya diperbaiki dan diperiksa semula, apabila didapati sesuai dan layak digunakan baharulah kebenaran diberikan untuk berjalan dijalanraya.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Bas-bas yang membawa penumpang murid-murid sekolah itu sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri Perhubungan tadi telah diperiksa di Pejabat Pendaftaran Kereta-kereta. Siapakah yang memeriksa bas-bas itu? Adakah jurutera ada mempunyai kelayakan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sebagaimana mengikut Undang-undang Lalulintas (Traffic Ordinance) mereka adalah qualified atau mempunyai kelayakan. Kalau tidak ada, mereka tidak boleh menjalankan pemeriksaan.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, apa yang ada pada pengetahuan saya dan saya tahu, saya duduk di Pejabat Pendaftaran di Ipoh, waiiau pun saya wakil Parit, tidak ada seorang pun jurutera yang mempunyai ijazah untuk memeriksa kereta-kereta itu. Itulah sebabnya saya dapati bas-bas yang membawa murid-murid sekolah yang ada lagi masih No. AA, AB, tengah jalan—rubuh budak-budak tergalang hendak pergi sekolah. Jadi siapakah yang memeriksanya itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Apa soalnya?

Tuan Hashim bin Gera: Soalannya berapa orangkah jurutera yang ada ijazah, sebagaimana zaman orang putih dahulu, jurutera-nya itu ada ijazah; yang ada ini saya tengok pas Trade School sahaja (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya minta, Tuan Yang di Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat sudah lama dalam Dewan yang berbahagia ini tentulah telah meluluskan undang-undang (Pindaan). Memang zaman colonial, zaman British, zaman sekarang, bahkan zaman sekarang lebih lagi mahir daripada zaman dahulu. Tetapi barangkali Yang Berhormat itu hendak qualified mechanical engineer, ini bukan hendak memeriksa enjen, yang dia susah ini buruk, roda pusir-pusing. Jadi ini technician atau pun siapa foreman boleh menengok dan kita ada alat-alatnya semua sekali. . . .

Tuan Yang di Pertua: Dia (Tuan Hashim bin Gera) hendakkan orang putih katanya (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Dia kata masa British dahulu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah yang Berhormat Menteri Perhubungan memberitahu berapakah umur sebuah kenderaan itu yang layak digunakan dan sehingga umur berapa baharu tidak layak digunakan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Umur bas dan lori-lori 7 tahun, tetapi kalau 7 tahun pun diperiksa dan didapati baik, barangkali kerana budak sekolah, kita benarkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bagaimanakah kalau umur kenderaan itu lebih daripada 10 tahun.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kalau kereta private tidak jadi soal. Yang saya kata 7 tahun itu bas (public vehicles), tetapi kalau private 30 tahun, vintage car, kalau dia maintain, boleh dipakai.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Pernahkah atau tidak Menteri yang berkenaan menerima pengaduan semasa Yang Berhormat Menteri melawat keluar-luar bandar tentang adanya bas-bas yang telah buruk digunakan untuk mengangkut kanak-kanak sekolah.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Aduan memang selalu ada. Kita ada pemeriksaan kenderaan, kita perintah suruh periksa. Kalau dia tidak layak, emmobilise, tidak boleh jalan.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Menteri pernah menerima aduan yang seperti itu, adakah ini suatu bukti bahawa banyak bas-bas buruk ini digunakan untuk murid-murid sekolah.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu tidak betul, Tuan Yang di Pertua. Yang Berhormat itu barangkali ceritakan zaman lima tahun dahulu, di Besut ada bas berlanggar dengan kereta lembu (*Ketawa*) kalau saya tidak salah, oleh kerana kereta itu terlampau kuat besinya maka bersepai, kerana kayu kuat pun, dia berlanggar patah.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Daripada pengaduan-pengaduan yang pernah diterima oleh Yang Berhormat Menteri, adakah terdapat bahawa bas-bas ini juga digunakan di dalam kawasan bandar seperti di Kuala Lumpur.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat itu tidak usah agak-agak, kalau ada, tolong beritahu kepada saya sendiri, saya akan perintahkan dengan serta-merta: Stop. (*Ketawa*).

BAS-BAS SEKOLAH— BAYARAN YANG DIBENARKAN

9. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Menteri itu sedar bahawa Syarikat-syarikat Bas yang membawa kanak-kanak sekolah di Ipoh mengenakan kadar bayaran yang tidak berpatutan kepada ibubapa-ibubapa dalam mana bayaran tiap-tiap bulan bagi tiap-tiap seorang kanak-kanak dalam kawasan Bandar Ipoh ialah \$8 walaupun sekolah itu dibuka untuk selama 3 atau 4 hari sahaja, dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil terhadap Syarikat-syarikat Bas ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan-raya telah menetapkan tambang-tambang bas sekolah ini kerana cukainya istimewa, jadi dikenakan 2 sen pada tiap-tiap satu bulan atau sebahagian daripada satu batu kalau kira panjang sebulan \$1 pada seorang murid-murid sebatu. Kalau bas sekolah ambil murid itu 8 batu dari sekolah kerumah dia kalau sebulan \$1 kalau dia kata \$8 patut juga, tetapi ini mengikut aturan. Apabila saya sudah beri tahu ini, kalau ada yang ambil lebih—lekas repot, kita akan periksa, kita akan tarik balek permit bas sekolah itu.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan, benar bas sekolah di dalam kawasan Ipoh yang mempunyai sekolah mengambil murid bayarannya tidak lebih daripada \$6, tetapi saya kemukakan dalam Parlimen ini ialah syarikat bas mengangkut budak sekolah, mithalnya saya katakanlah di kawasan saya, Rapat Setia, bas sekolah mengambil \$6, tetapi syarikat bas yang luar ini mengambil \$8 walau dibuka dua hari pun sekolah itu, dia minta \$8 juga kerana dia tunjukkannya surat dari kelab; hukuman dari kelab! Jadi kuasa kelabkah, atau kuasa Menteri Perhubungan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kalau Ahli Yang Berhormat itu tulis menyatakan ada kelab yang berbuat begitu, saya boleh menyiasat. Sekarang ini soalnya lain. Tulis dengan saya, saya boleh periksa dan panggil kelab itu. Perintah Kerajaan, dia mesti ikut.

Tuan Hashim bin Gera: Jika saya menulis surat kepada Menteri Perhubungan, adakah Menteri Perhubungan akan mengambil tindakan dengan secepat mungkin?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, janganlah cabar (*Ketawa*). Tulislah, kita akan siasat; ini hendak cabar-cabar, bukan tempatnya.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri Perhubungan, jika seorang penuntut membayar \$8 sebulan, tetapi kalau di dalam satu bulan pergi ke sekolah dua tiga hari sahaja, bolehkah Kementerian Perhubungan menimbangkan perkara ini supaya mengurangkan cukai kepada syarikat-syarikat bas supaya mereka boleh mengurangkan tambang bas kepada murid-murid yang menggunakan bas itu dua tiga hari sahaja dalam bulan Disember?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kalau Ahli Yang Berhormat dari Batu ini boleh bawa perkara ini, tentulah saya akan arahkan Director-General atau Ketua Pengarah Jabatan Kenderaan menimbangkan dan berunding dengan pihak-pihak bas itu. Yang saya cakapkan ini bas sekolah istimewa, yang kecil \$70 cukainya. Dengan sebab itu, dia mesti tidak boleh ambil lebih.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan menimbangkan satu syor bagi system of free bus fare untuk tiap-tiap murid-murid sekolah di tanah air kita sebagai satu Kerajaan yang mahu berkhidmat untuk rakyat.

Tan Sri Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat dari Bungsar barangkali dia tidak dengar baik-baik, saya sudah jawab tadi, ini istimewalah yang katakan 2 sen satu batu atau \$1 sebulan satu batu pada budak-budak sekolah. Ini istimewa. Cukai pun istimewa, bas istimewa, apa lagi hendak. Kerajaan Perikatan sahaja yang boleh mengadakan macam itu.

Dr Tan Chee Khoon: Walau pun kami sedar, bas untuk penuntut-penuntut lesennya istimewa, bolehkah Menteri Perhubungan menimbangkan bagi syarikat-syarikat bas menjalankan basnya dengan tidak ada bayaran cukai supaya mereka boleh mengurangkan tambang bas kepada murid-murid.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, selagi saya tidak menerima

permohonan-permohonan daripada mereka, saya tidak dapat hendak timbangkan. Ahli Yang Berhormat dari Batu dia cakap, keluar angin masuk asap, susah, ini cerita orang (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua

Tuan Yang di Pertua: Cakap keluar angin masuk asap tidak boleh.

LESEN-LESEN DIKELUARKAN KEPADA PENIAGA-PENIAGA

10. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah pengurus-pengurus getah, pembungkus, pengeksport dan "shippers" di seluruh negara dan sejauh mana kejayaan yang telah di capai di dalam usaha mengalihkan pusat operasi pasaran getah dunia ke Kuala Lumpur.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, jumlah lesen-lesen yang di dikeluarkan kepada peniaga-peniaga, pembungkus dan pengeksport adalah seperti berikut:

	1970		1971
Peniaga-peniaga ...	2,779	...	N.A.
Pembungkus ...	440	...	439
Pengkepal ...	131	...	139

Rakan saya Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa menyampaikan kenyataan Kerajaan kepada Dewan pada 8hb Ogos mengenai perubahan-perubahan yang di cadangkan bagi sektor-sektor di dalam perusahaan getah Malaysia telah menyatakan bahawa penubuhan Pemasaran Getah Malaya dalam tahun 1962 sebanyak 45% daripada getah-getah telah di pindah kepada pasaran Kuala Lumpur. Dan dengan adanya penubuhan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia yang baharu ini, adalah di jangka banyak lagi perniagaan getah akan di selenggarakan oleh Pasaran Kuala Lumpur.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dalam usaha mengalirkan Pusat Operasi Pasaran Getah Dunia ke Kuala Lumpur, adakah Kerajaan Malaysia berhubung dengan lebih erat dan perasaan muhibbah dengan lain-lain negeri seperti Singapura dan London, adakah perhubungan ini telah diambil?

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya fikir saya telah

jawab ini dalam perbahathan dalam Rang Undang-undang yang lepas.

PEKERJA-PEKERJA BARU DISEKTOR PERKILANGAN

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pekerja-pekerja baru yang telah diwujudkan disektor-sektor perkilangan pada tahun 1971, tahun pertama berjalannya Rancangan Malaysia Kedua.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, dalam tahun 1971; jumlah pekerjaan di dalam sektor perkilangan dianggarkan bertambah sebanyak 15,000 menjadi 251,000 iaitu tambahan sebanyak 6.5% daripada tahun 1970. Ini merupakan satu kemajuan jika di bandingkan tambahan sebanyak 5.8% yang tercapai dalam 1970.

Tuan Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Menteri ini sedar, berapa bilangan pekerja-pekerja di dalam ladang tebu di Perlis, Perlis Plantation Berhad, dan berapa bilangan pekerja yang telah diberhentikan akibat daripada kegiatan berpolitik?

Tuan Yang di Pertua: Itu soal lain. Sila, kalau ada jawapan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tidak payah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, adakah ini termasuk pekerja-pekerja yang bekerja sebagai buruh kontrak dan kontrak-kontrak di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ini ialah jumlah umum, jadi tidak dapat saya menyatakan dengan tepatnya, adakah ini termasuk bilangan-bilangan pekerja kontrak. Kalau kontrak itu berpanjangan memang termasuk. Kalau kontrak itu selama satu atau dua minggu, atau pun sebulan, saya ingat, ini tidak termasuk.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apakah pekerja-pekerja yang bekerja dengan kontrak-kontrak kerana menebas, menebas, atau pun yang membuat rancangan-rancangan pembukaan tanah termasuk juga atau tidak?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tidak termasuk.

ESTET PERUSAHAAN DI TELOK ANSON—MENUBUHKAN

12. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada, ada apa-apa rancangan untuk menubuhkan suatu estet perusahaan di kawasan Telok Anson bagi mewujudkan pekerjaan-pekerjaan untuk mereka yang baru tamat persekolahan di kawasan itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di Pertua, saya telah menyatakan beberapa kali di Dewan ini bahawa pembukaan ladang-ladang perusahaan akan di selenggarakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan akan menasihati dan membantu Kerajaan Negeri memajukan ladang-ladang perusahaan yang sesuai dan menggalakkan pelabor-pelabor supaya menimbangkan kawasan-kawasan ini untuk mendirikan projek-projek mereka.

Walau bagaimanapun, daripada keterangan yang diterima daripada Kerajaan Negeri Perak, saya telah difahamkan bahawa sebuah ladang perusahaan sedang dipertimbangkan dalam kawasan Telok Anson. Samada kawasan ini sesuai untuk tujuan ini maseh belum lagi ditentukan oleh Kerajaan Negeri dan saya yakin yang mereka akan menghubungi FIDA berkenaan perkara ini sebelum menetapkan rancangan-rancangan tersebut.

Tuan Yang Di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 13 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).

KAWASAN PERUSAHAAN DI BATANG PADANG

13. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan manakah kawasan-kawasan dalam Daerah Batang Padang, Perak, yang telah diperuntukkan bagi kemajuan perusahaan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah pun saya jawab di dalam persidangan Dewan yang lepas. Dari keterangan-keterangan yang diterima daripada Kerajaan

Negeri Perak, saya mendapat tahu bahawa satu estet perusahaan sedang di cadangkan bagi Kawasan Sungei Slim di daerah Batang Padang. Samada kawasan ini sesuai untuk tujuan ini belum lagi dipastikan oleh Kerajaan Negeri dan saya yakin mereka akan berhubung dengan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan atau FIDA berkenaan perkara ini sebelum menetapkan rancangan-rancangan.

PERSATUAN NELAYAN TANJONG KARANG—PENUBUHAN

14. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Pertanian dan Perikanan memandangkan bahawa Ketua Pengarah Perikanan, Malaysia telah menyatakan di dalam suratnya Bil Prk. ML 999: I (26) bertarikh 22hb Jun, 1972 yang beliau telah bersejua menghantarkan beberapa orang pegawai dari Ibu Pejabat untuk memberi taklimat kepada nelayan-nelayan Tanjong Karang mengenai penubuhan Persatuan Nelayan pada 10hb Julai, 1972, menyatakan:

- (a) mengapa tidak seorang pegawai pun dari Ibu Pejabat telah hadir apabila beratus-ratus nelayan telah menunggu;
- (b) samada Menteri memandang berat ke atas kehilangan pendapatan sehari bagi nelayan-nelayan ini dan apa tindakan yang beliau bercadang hendak ambil mengenai perkara ini; dan
- (c) samada Menteri akan memberi sagu hati atau menghantar surat kepada nelayan-nelayan meminta maaf kerana menyebabkan mereka menunggu dan membuang masa mereka dengan sia-sia.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):

- (a) Saya merasa dukacita tentang perkara yang telah berlaku itu. Ibu Pejabat Perikanan telah bercadang untuk menghantar pegawainya yang menjalankan tugas berkaitan dengan projek penubuhan persatuan nelayan. Tetapi apabila pegawai itu telah didapati tidak dapat menghaziri perjumpaan Mesyuarat Agung Kesatuan Nelayan itu oleh satu sebab yang tidak dapat dielakkan 2 orang pegawai yang bertugas bagi rancangan penubuhan Persatuan Nelayan di Negeri Selangor telah dihantar untuk memberi penerangan atas penubuhan Persatuan Nelayan.

(b) Perjumpaan ini ialah mesyuarat Agung Kesatuan Nelayan Bumiputra, oleh itu tidak timbul masalah kehilangan pendapatan.

(c) Tidak berbangkit.

LESEN PUKAT TUNDA—BILANGAN

15. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama bilangan lesen pukat tunda yang dibarui bagi 1972 di tiap-tiap negeri di Malaysia dan jumlah lesen yang telah di tolak dan sebab-sebabnya.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Sehingga bulan Julai, 1972, sebanyak 3,394 lesen-lesen pukat tunda telah dibaharui diseluruh Malaysia Barat seperti berikut:

Kedah/Perlis	...	...	348
Pulau Pinang	...	...	249
Perak	...	...	1,539
Selangor	...	...	208
Johor	...	...	301
Pahang	...	...	250
Trengganu	...	...	339
Kelantan	...	...	160
			3,394

Sehingga ini tidak ada permintaan untuk membaharui lesen yang telah ditolak.

NELAYAN-NELAYAN MASUK KEPERAIRAN INDONESIA—HUKUMAN

16. Tuan V. Veerappen minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah-setengah daripada nelayan-nelayan kita yang masuk perairan Indonesia telah dihukum berat dan bot serta alat-alat penangkap ikan mereka dirampas, dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil ke atas nelayan-nelayan Indonesia yang masuk ke perairan kita.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Saya sedar dari berita-berita dalam akhbar bahawa ada nelayan-nelayan kita

yang telah ditangkap kerana masuk ke perairan Indonesia dan mereka itu telah didenda dalam mahkamah Indonesia. Bagi nelayan-nelayan Indonesia masuk ke perairan Malaysia didapati tidak banyak. Dalam hal-hal ini pihak TLDM bersama-sama dengan Polis yang mengambil langkah-langkah untuk membawa mereka kemahkamah.

LEBOHRAYA TIMUR/BARAT— PEMBINAAN

17. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada terdapat apa-apa perkembangan baru mengenai pembinaan projek Jalanraya Pantai Barat-Pantai Timur; jika ya, berikan laporan perkembangan-perkembangan tersebut.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Pembinaan Lebohraya Timur/Barat sedang dilakukan dengan lancarnya dari kedua-dua belah bahagian iaitu dari Grik, Perak dan Jeli, Kelantan.

Kemajuan-kemajuan di Bahagian Timur:

Kerja-kerja tanah sejauh 10 batu sudah pun mencapai ketinggian 75% siap.

Pembetung-pembetung (culverts) telah pun dipesan dan telah pun sampai mengikut jadualnya sejak bulan ini.

Rekabentuk jambatan-jambatan di Sungei Rui, Sungei Perak sedang dijalankan. Kontrektor akan memulakan kerjanya dalam bulan Mei, 1972.

Kemajuan-kemajuan di Bahagian Barat:

Kerja-kerja tanah telah pun mencapai angka 85% siap bagi sepanjang 8 batu.

JURURAWAT-JURURAWAT TAMAT LATIHAN—BILANGAN

18. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan jururawat-jururawat yang telah tamat latihan tiap-tiap tahun daripada Sekolah-sekolah Latihan Jururawat.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Keputusan Peperiksaan Jururawat

Terakhir calon-calon yang lulus pada tahun 1963 hingga tahun 1972:

1963—113
1964—255
1965—175
1966—217
1967—203
1968—133
1969—332
1970—195
1971—147
1972—307

Calun-calon yang dijangka lulus:

1973—273
1974—397
1975—315

Sehingga 1975 dan seterusnya adalah dijangka pengeluaran tiap-tiap tahun dari masa tersebut kira-kira 400.

PENYAKIT TAUN— BILANGAN YANG MATI

19. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa penyakit taun sedang merebak di negeri ini; jika ya, sila nyatakan:

- bilangan orang yang mati akibat penyakit ini;
- bilangan yang disahkan mengidap penyakit ini; dan
- langkah yang berkesan yang telah diambil untuk mencegah wabak ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Penyakit Taun telah berlaku semula di Malaysia apabila satu kes yang sah dan satu kematian dilaporkan di Kuala Lumpur pada 11-4-72 dan seterusnya pada keesokan harinya pula negeri Melaka melaporkan 1 kes sah penyakit taun. Sejak tarikh tersebut daerah-daerah lain juga telah terlibat dan 8 buah negeri (7 di Malaysia Barat dan 1 di Malaysia Timur) telah terlibat dalam wabak baharu-baharu ini.

2 kes penyakit taun yang disahkan dan pembawa-pembawa penyakit-penyakit "symptomless" adalah didapati dengan luasnya di negeri-negeri pantai barat. Penyakit ini tertumpu dan banyak didapati di Pantai Remis, daerah Dinding dan berikutnya di

Tanjong Piandang, daerah Krian dalam negeri Perak:

(a) *Jumlah kematian disebabkan penyakit taun*—(hingga 3-8-72) 6 kematian dilaporkan (5 dari Malaysia Barat dan 1 dari Malaysia Timur).

(b) *Jumlah bilangan penyakit taun yang di-sahkan*—(hingga 3-8-72) 218 kes, 170 kes di Malaysia Barat dan 48 kes di Sarawak, Malaysia Timur, telah dilaporkan.

Sebagai tambahan kepada kes 2 tersebut, 213 pembawa penyakit "symptomless" atau yang sendirinya tidak mempunyai tanda-tanda sakit itu telah dikesan.

(c) *Tindakan yang diambil*—Satu Jawatankuasa Kebangsaan Mengawal Penyakit Wabak dan sebuah Bilik Gerakan telah dibentuk di Kementerian Kesihatan. Di negeri-negeri dimana kejadian penyakit taun berlaku Jawatankuasa-jawatankuasa Mengawal Penyakit Wabak telah dibentuk. Bilik-bilik Gerakan negeri telah diminta melaporkan ke Kementerian Kesihatan tiap-tiap pagi kedudukan terbaharu mengenai kes-kes penyakit yang didapati, keputusan-keputusan penyelidikan, orang-orang ada hubungan dengan pesakit dikesan, bilangan perigi-perigi yang dibubuh ubat kulorin dan bilangan orang-orang yang diberi ubat pencegahan.

Langkah-langkah diambil untuk mengawal wabak ini ialah seperti berikut:

- (1) Pengasingan dan rawatan dibuat bagi kes-kes penyakit taun, juga mereka-mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan pesakit akan hanya di benarkan balik ke rumah selepas 3 kali berturut-turut tiap-tiap hari contoh najis diambil (swab) dan dipastikan tidak lagi mengandungi kuman.
- (2) Semua mereka-mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan pesakit di kawasan-kawasan kes penyakit taun berlaku diambil contoh najis (swab) untuk dipereksa.
- (3) Semua punca-punca yang berhubung dan boleh menyebabkan penyakit seperti (contoh-contoh air, makanan, jamban dan lain-lain lagi) telah diambil untuk dianalisa di makmal.

(4) Mengawasi segala kes-kes cirit-birit dan mengambil contoh najis (swab) dari pesakit cirit-birit walau ringan pun penyakit itu untuk diperiksa. Polis adalah diminta melaporkan kematian disebabkan cirit-birit atau muntah-muntah.

(5) Orang-orang yang ada mempunyai hubungan rapat dengan pesakit taun diberi ubat, iaitu ubat tetracycline.

(6) Memberikan ubat pencegahan iaitu ubat vaccine taun kepada mereka-mereka yang ada hubungan rapat dengan pesakit taun dan masyarakat setempat.

(7) Menggiatkan lagi usaha-usaha memperbaiki kebersihan kawasan sekeliling termasuklah membubuh ubat klorin ke dalam perigi-perigi, pembasmian kuman ke atas alat-alat mereka, jamban-jamban dan lain-lain lagi.

(8) Aktibiti-aktibiti dalam bidang Pelajaran Kesihatan telah dipergiatkan bagi menasihatkan orang ramai minum air yang sudah dimasak, makan makanan panas yang baharu dimasak dan menjaga dengan sebaik-baiknya taraf kebersihan diri sendiri.

(9) Mempergiatkan usaha memeriksa pedagang-pedagang bata-trade, terutama sekali dari Indonesia, penyakit cirit-birit dan memberi ubat pencegahan kepada semua pedagang-pedagang yang tidak mempunyai sijil penerimaan vaccine taun yang sah.

Kedudukan ini nampaknya telah dapat dikawal dikebanyakan kawasan-kawasan, tetapi penyakit ini masih boleh berjangkit dalam daerah Krian dalam negeri Perak dan mungkin juga kejadian di sana sini akan berlaku dalam negeri dari masa ke semasa. Langkah-langkah kawalan yang dibentuk telah menunjukkan sangat berkesan kecuali di Krian, di mana keadaan masih susah sedikit hendak dikawal.

KILANG-KILANG GULA DI MALAYSIA

20. Tuan Tai Kuan Yang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan kilang-kilang gula yang mempunyai ladang tebunya sendiri menyebabkan mereka tidak payah membeli

gula mentah dari luar negeri dan juga menyatakan keluasan ladang-ladang itu yang dipunyai oleh tiap-tiap kilang; dan

- (b) bilangan kilang-kilang gula yang tidak mempunyai ladang tebunya sendiri yang menyebabkan mereka membeli gula mentah dari luar negeri.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kedua-dua kilang penapis gula yang ada sekarang ini di Malaysia iaitu Malayan Sugar Manufacturing Berhad dan Central Sugar Berhad, bersama-sama dengan lain-lain penanam modal, termasuk FELDA, telah menubuhkan sebuah syarikat yang diberi nama Syarikat Gula Felda (Perlis) Sendirian Berhad untuk memajukan sebuah ladang gula tebu seluas 20,000 ekar bersama-sama dengan kemudahan-kemudahan mengilang gula. Walau bagaimanapun, ladang tersebut baharu sahaja dimajukan dan belum lagi dapat mengeluarkan gula mentah. Oleh hal yang demikian, kedua buah kilang penapis gula yang ada sekarang ini maseh mengimpot gula mentah untuk ditapis di dalam negeri. Satu lagi projek gula tebu yang dimajukan oleh Gula Perak Berhad seluas 22,000 ekar, telah pun mengadakan kemudahan-kemudahan mengilang dan setakat ini kilang tersebut dapat mengeluarkan 15,000 tan gula tiap-tiap tahun.

BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DI SEKOLAH-SEKOLAH

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menentukan yang terdapat bilangan guru-guru yang cukup di sekolah rendah dan menengah, yang faham di dalam Bahasa Malaysia untuk mengajar pelbagai perkara kepada murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) supaya murid-murid ini akan menerima pelajaran yang patut mereka terima, dan bukannya seperti sekarang di mana murid-murid diajar sedikit sahaja semata-mata kerana guru-guru mereka tidak cukup tahu Bahasa Malaysia untuk menyampaikan pengetahuan dan pengalaman mereka.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Datuk Onn): Selaras dengan dasar Kementerian Pelajaran menukar bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah dan Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris dari Bahasa

Inggeris ke Bahasa Malaysia menurut jadual yang telah ditetapkan, Kementerian saya telah pun melancarkan suatu rancangan latehan semula yang intensif yang akan meliputi seramai 5,687 orang guru-guru di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris dan 10,586 guru-guru di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris. Rancangan ini memakan belanja kira-kira 5 juta ringgit.

Suka saya menyebutkan di sini bahawa guru-guru ini baik guru-guru di Sekolah-sekolah Rendah mahu pun di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris telah pada suatu masa dahulu mempelajari Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa kedua ketika dalam latihan mereka. Latihan semula yang dilancarkan ini ialah bertujuan meninggikan lagi kebolehan bertutur guru-guru ini di dalam Bahasa Malaysia supaya mereka itu mencapai suatu peringkat kefasihan yang tinggi untuk menyampaikan pelajaran di dalam Bahasa Malaysia.

Rancangan latehan semula bagi guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris telah dimulakan pada tahun 1970 dan akan tamat pada tahun 1974. Bagi guru-guru sekolah menengah pula rancangan ini telah berjalan mulai daripada tahun 1971 dan akan tamat pada tahun 1977.

Selain daripada itu, mulai daripada tahun 1970 semua guru pelatih di dalam Maktab-maktab/Pusat-pusat Latihan Perguruan telah diberi latihan Bahasa Malaysia yang lebih intensif lagi dan dikehendaki menjalani latehan praktik mengajar melalui perantaraan Bahasa Malaysia semasa latehan perguruan mereka.

Rancangan latehan semula yang dilancarkan pada tahun 1970 adalah seperti berikut:

(a) Guru-guru Sekolah Rendah

Pusat-pusat latihan bagi guru-guru ini diadakan di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur dan di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru pada tahun 1970 di mana seramai 1,500 orang guru-guru telah menerima latehan mereka. Pada tahun 1971 latehan ini diadakan juga di Maktab Perguruan Kota Bharu. Setakat ini seramai 3,700 orang guru-guru di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris telah mengikuti kursus-kursus tersebut.

(b) *Guru-guru Sekolah Menengah*

Latehan semula bagi guru-guru Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris yang bermula pada tahun 1971 telah diadakan di Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur, Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur, dan di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru. Adalah dijangka seramai 3,264 orang guru-guru Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris akan selesai mendapat latehan Bahasa Malaysia pada penghujung tahun 1972 ini.

Di dalam kursus ini guru-guru bukan sahaja diberi pengetahuan yang cukup mengenai Bahasa Malaysia malahan mereka itu juga diberikan latehan praktik mengajar di dalam Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah semasa latehan ini berjalan. Pada penghujung kursus-kursus mereka ini suatu ujian penilaian diadakan bagi mereka untuk menentukan setakat mana taraf kefasihan Bahasa Malaysia mereka itu telah dicapai. Bagi mereka-mereka yang lulus, suatu Sijil kecakapan diberikan kepada mereka.

Rancangan ini telah dapat dijalankan dengan sempurna dan kemajuan yang dicapai adalah sangat-sangat menggalakkan. Kita merasa yakin bahawa rancangan latehan ini memberi faedah yang besar kepada guru-guru yang kurang fasah di dalam Bahasa Malaysia dan akan menjamin pula taraf pelajaran di semua sekolah apabila rancangan merubah Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris ini kepada Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Kebangsaan selesai dilaksanakan.

**OTOMATIK PROMOTION—
LAPURAN RAHMAN TALIB**

22. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat rancangan-rancangan untuk memberhenti atau menyusun semula sistem kenaikan automatik yang terdapat sekarang.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Tidak. Sistem ini adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip "Universal Education" yang berkehendakkan setiap kanak-kanak diberi pelajaran sehingga umur 15 tahun iaitu

sembilan tahun pelajaran tanpa sekatan. Prinsip ini juga telah menjadi satu daripada syor-syor Lapuran Rahman Talib tahun 1960.

"Otomatik promotion" adalah mustahak memandangkan pada tiap-tiap tahun kadar kemasukan kanak-kanak berumur enam tahun atau lebih ke darjah satu ialah kira-kira 95%. Setiap orang murid berhak mendapat tempat di bangku sekolah dan sekiranya kita menghapuskan sistem "otomatik promotion" maka ini bermakna murid-murid yang tidak dinaikkan darjah terpaksa mengulang pelajaran mereka dalam kelas yang sama dan ini akan menghalang kemasukan murid-murid baru diberbagai peringkat.

Mengikut perangkaan-perangkaan antara tahun 1957-1963 apabila Peperiksaan Masuk ke Sekolah Menengah (MSSEE) diadakan cuma 30% hingga 35% bilangan murid-murid yang mendapat kenaikan ke peringkat sekolah-sekolah menengah dan bilangan keciciran (drop-out) adalah amat tinggi. Sebaleknya melalui sistem automatik ini jumlah kanak-kanak yang dapat melanjutkan pelajaran menengah telah bertambah dengan banyaknya dan jumlah mereka yang tercicir adalah kira-kira 35% sahaja.

**JAWATANKUASA PENYELARAS
MENGENAI BANTUAN PENUNTUT-
PENUNTUT SEKOLAH**

23. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Parlimen untuk mengkaji masalah buku-buku teks di sekolah-sekolah termasuk aspek-aspek penyelarasan dan pencetakan dan mencari jalan yang paling baik untuk menentukan supaya buku-buku teks tidak lagi menjadi beban kepada orang-orang miskin yang menyebabkan kemunduran di kalangan murid-murid yang miskin.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Tidak. Kerajaan telahpun melantik sebuah Jawatankuasa Penyelaras Berkenaan Dengan Pemberian Bantuan Kepada Penuntut-penuntut Sekolah. Salah satu daripada tugas Jawatankuasa ini ialah mengkaji masalah buku-buku teks di sekolah-sekolah.

Kementerian Pelajaran telahpun menjalankan beberapa usaha untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh ibu-ibu

bapa mengenai penyediaan buku-buku teks untuk kanak-kanak sekolah. Sebanyak \$1.2 juta dibelanjakan pada tiap-tiap tahun untuk keperluan membekalkan buku-buku teks percuma kepada penuntut-penuntut di bandar dan di luar bandar yang tidak mampu membeli buku-buku teks mereka. Pemberian buku-buku teks percuma ini juga disediakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Kebajikan Am.

Di samping itu Kementerian Pelajaran telah juga mengadakan dialog dengan Persatuan Penerbit-penerbit Malaysia untuk menjamin supaya ibu-ibu bapa tidak dibebankan dengan harga buku-buku teks yang mahal. Hasil daripada dialog ini Persatuan Penerbit-penerbit Malaysia telah bersetuju menurunkan harga buku-buku yang dicetak oleh mereka sebanyak 10% dalam tahun 1973 dan 10% lagi dalam tahun 1974.

Usaha-usaha seterusnya akan dijalankan dari semasa kesemasa untuk menjamin bahawa harga buku-buku teks yang berpatutan dapat disediakan untuk kanak-kanak sekolah kita bagi mengelakkan masalah ini menjadi suatu beban yang besar kepada ibu-ibu bapa.

SISTEM KENAIKAN OTOMATIK— KAJIAN KECICIRAN

24. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar sistem kenaikan automatik telah menyebabkan banyak murid-murid tercicir dari sekolah-sekolah; jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil atau dirangkaikan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa sistem kenaikan automatik menyebabkan murid-murid tercicir kerana tidak ada bukti-bukti sehingga hari ini, yang menunjukkan perkara ini berlaku. Kajian mengenai keciciran sedang dijalankan pada masa ini dan apabila terbit laporan akhirnya pada penghujung tahun ini kelak baharulah dapat kita memastikan sebab-sebab yang sebenar yang membawa kepada keciciran murid-murid di sekolah.

Saya ingin juga menambah di sini bahawa jikaau diteliti pendaftaran di sekolah pada hari ini, kita dapati kenaikan otomatiklah

yang menyebabkan lebih banyak murid-murid berdaftar di sekolah-sekolah rendah dan menengah rendah, tetapi tidak sebaliknya.

UNIVERSITI KEBANGSAAN— MAJLIS UNIVERSITI

25. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Universiti Kebangsaan mempunyai sebuah Majlis Universiti yang sah; jika tidak, kenapa.

Tuan Hussein bin Datuk Onn: Universiti Kebangsaan belum mempunyai Majlis Universiti seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 15 Jadual kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 kerana Perlembagaannya belum diluluskan lagi. Tetapi ia mempunyai satu Lembaga Pengurus yang dibentuk mengikut Seksyen 18 Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 yang membolehkan Yang di Pertuan Agong memperuntukkan apa-apa peruntukan peralihan yang difikirkan perlu bagi tujuan mencapai matlamat-matlamat Universiti itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Perlembagaan Universiti Kebangsaan mengikut Jadual kepada Akta telah siap di gubal dan akan dikemukakan kepada Kabinet tidak lama lagi.

ELAUN BIASISWA PENUNTUT— MENAMBAHKAN

26. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang menambahkan elaun-elaun Biasiswa penuntut-penuntut.

(a) di Universiti Malaya dari \$80 sebulan pada masa sekarang ke \$120 sebulan; dan

(b) di Institut Teknologi Mara dari \$15 sebulan pada masa sekarang ke \$50 sebulan.

memandangkan kepada belanja hidup yang tinggi pada masa sekarang supaya dapat membantu penuntut-penuntut dari terjerumus ke dalam kesusahan-kesusahan kewangan supaya mereka dapat menumpukan sepenuhnya terhadap pelajaran mereka.

Tuan Hussein bin Datuk Onn:

(a) Tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat elaun biasiswa yang diberikan kepada seseorang penuntut di

Universiti-universiti tempatan, termasuk Universiti Malaya, ialah sebanyak \$1,800 setahun atau \$157.50 sebulan.

- (b) Perkara ini terpulanglah kepada pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana Institut Teknologi Mara adalah di bawah tanggungannya. Pihak berkuasa I.T.M. menganggap elaun \$15 sebulan itu sebagai mencukupi bagi penuntut-penuntut membeli keperluan harian sabun mandi, ubat gigi dan lain-lain. Walau bagaimanapun bagi penuntut-penuntut yang mengikuti kursus Perundangan di I.T.M. di bawah biasiswa Persekutuan, mereka akan diberi elaun \$50 sebulan sebagai "wang saku".

ANCAMAN S.C.O. DI SARAWAK

27. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Perdana Menteri samada tindakan-tindakan yang dijalankan sekarang di Sarawak memadai untuk menghapuskan keganasan SCO dalam negeri itu dalam tempoh yang agak lebih singkat lagi.

Perdana Menteri: Saya adalah berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil sekarang untuk menentang ancaman SCO di Sarawak. Langkah-langkah ini termasuk perisytiharan Bahagian Ketiga sebagai satu kawasan keselamatan khas, penubuhan Area Security Units, perlancaran pendaftaran penghuni, penubuhan Pasukan Kawalan dan langkah-langkah yang lain untuk membantu operasi Pasukan Keselamatan yang telah diperhebatkan. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil langkah-langkah yang lebih tegas, jika perlu.

Selain daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, adalah mustahak supaya penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang terlibat memainkan peranan mereka dengan memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak berkuasa supaya pegganas-pegganas komunis dapat dihapuskan sama sekali, dengan secepat mungkin.

RUSSIA—MEMBENDUNG PENGARUH

28. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Setiausaha Luar British telah membuat bisikan kepada Malaysia tentang

rancangan British hendak membendung pengaruh Russia di seluruh Asia. Jika ada apakah sikap kita dalam masaalah ini.

Perdana Menteri: Tidak. Kita tidak diberitahu mengenai rancangan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

HARI PEMBEBASAN AFRIKA SELATAN

29. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menerima 26hb Jun setiap tahun sebagai hari resmi antarabangsa untuk mengingati HARI PEMBEBASAN AFRIKA SELATAN supaya rakyat Malaysia dapat:

- menunjukkan perpaduan mereka kepada berjuta-juta rakyat Afrika yang tertindas; dan
- mendedikasikan semula diri mereka kepada penolakan sepenuhnya dasar perkauman dalam semua manifestasinya.

Perdana Menteri: Pendirian Malaysia menentang polisi-polisi Apartheid Afrika Selatan adalah diketahui umum. Kita telah sentiasa mengutuk Afrika Selatan kerana mengekalkan polisi "racism" dan diskriminasi ke atas orang-orang Afrika dan orang-orang yang tidak berkulit putih (coloured people). Ahli Yang Berhormat mungkin tahu bahawa Malaysia telah pun menjadi Ahli Jawatankuasa Apartheid Bangsa-bangsa Bersatu untuk beberapa tahun. Malaysia juga adalah di antara negara-negara yang mula-mula sekali menyuarakan supaya Afrika Selatan disingkirkan dari Komanwel.

Memandangkan kepada hakikat di atas nyatalah bahawa Malaysia telah menunjukkan dengan sepenuh-penuhnya "solidarity" dengan orang-orang Afrika Selatan yang ditindas.

Oleh itu, saya fikir tidaklah perlu ditetapkan 26hb Jun tiap-tiap tahun sebagai Hari Pembebasan Afrika Selatan.

PERNAS—PINJAMAN KERAJAAN

30. Tuan V. David minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang disediakan daripada Kumpulan Wang Awam kepada PERNAS dan samada dibayar balik atau satu pengurniaan dan samada pihak Kerajaan mempunyai suara terhadap bagaimana

wang itu digunakan, dan jika ya, sila nyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh PERNAS selama ini dan keuntungan-keuntungan yang telah didapati oleh pertubuhan itu daripada perniagaan.

Perdana Menteri: Pada masa ini Kerajaan Persekutuan telah memberi dua pinjaman kepada PERNAS. Pinjaman pertama berjumlah \$15 juta telah diberikan dalam tahun 1970. Pinjaman tersebut tidak dikenakan apa-apa faedah. Jumlah pokok dari pinjaman tersebut akan dibayar balik dalam 10 kali ansuran yang sama mulai pada 31hb Disember, 1980.

Pinjaman kedua berjumlah \$100 juta telah diberikan kepada PERNAS pada tahun 1971/72. Tiada apa-apa faedah dikenakan terhadap pinjaman itu. Jumlah pokok dari pinjaman itu akan dibayar balik dalam 15 kali ansuran yang sama dimulai pada 31hb Jun, 1987.

Untuk memastikan bahawa wang Kerajaan digunakan dengan sebaik-baiknya maka di syartkan ke atas pinjaman tersebut iaitu seorang wakil Kerajaan hendaklah dilantik duduk dalam Lembaga Pengarah PERNAS. Bukan itu saja, PERNAS akan memberikan maklumat mengenai penggunaan wang pinjaman dan laporan-laporan kemajuan ke atas projek-projek yang telah atau sedang dilaksanakan kepada Perbendaharaan tiap-tiap setengah tahun sekali.

PERNAS juga dikehendaki untuk memberikan Kerajaan maklumat yang cukup dan yang terbaharu di atas apa-apa perkara berhubung dengan organisasi, kegiatan-kegiatan dan urusan-urusan PERNAS sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

PERNAS adalah sebuah syarikat berhad yang didaftarkan di bawah Akta syarikat-syarikat 1965. Bukanlah menjadi kebiasaan bagi syarikat-syarikat seumpama ini mengumumkan maklumat mengenai nilai hasil perniagaannya. Pihak Kerajaan tidak berniat mengecualikan PERNAS dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya daripada kebiasaan yang dijalankan oleh sektor swasta.

UNDANG-UNDANG BANGUNAN— MENYIAPKAN

31. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan bilakah suatu set

undang-undang bangunan yang baru akan siap, untuk memudahkan akitek-akitek dan pemaju-pemaju perumahan menyediakan kehendak-kehendak perumahan terutama dalam membina rumah-rumah murah.

Perdana Menteri: Suatu Akta mengenai bangunan sedang dirangka dan akan dibawa ke Parlimen untuk timbangan setelah diterima oleh Kabinet dan Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan.

TV BERWARNA—MENGADAKAN

32. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan TV berwarna dalam negeri ini dan samada Kerajaan sedar bahawa rakyat jelata sedang menunggu TV berwarna ini.

Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Memanglah matlamat jangka panjang kita untuk mengadakan colour TV, tetapi selepas kita dapat mengadakan liputan TV (black and white) ke seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun alat-alat teknik TV yang akan dibeli masa hadapan akan dilengkapi dengan "colour compatible". Begitu juga dengan kakitangan yang pergi berlatih ke luar negeri, akan diarah mempelajari aspek-aspek TV warna-warni.

NELAYAN MALAYSIA—TRAJEDI DI PULAU JARAK

33. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada trajedi di Pulau Jarak di mana 61 orang nelayan Malaysia ditahan, telah dirundingkan dengan negara yang terlibat. Apakah kesudahan kejadian itu dan apakah hasil rundingan itu.

Perdana Menteri: Setelah diberitahu mengenai kejadian itu Kerajaan Malaysia telah menghubungi pihak yang berkuasa Indonesia dan dengan usaha perwakilan kita nelayan-nelayan bersama dengan perahu mereka telah dibebaskan. Kejadian tersebut berlaku hasil dari kesalahan di dalam peta Indonesia yang digunakan oleh sebuah bot peronda laut pihak Indonesia yang menunjukkan bahawa Pulau Jarak kepunyaan Indonesia manakala yang sebenarnya ia adalah di dalam wilayah Malaysia. Kesalahan ini

telah pun dibetulkan dan pihak yang berkuasa Indonesia telah meminta maaf di atas kejadian tersebut.

KEMENTERIAN LADANG-LADANG— CADANGAN MENUBUHKAN

34. Tuan V. Veerappen minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan satu Kementerian Ladang-ladang untuk meninjau masalah pekerja-pekerja terutama memandangkan banyaknya pemecahan estet-estet.

Perdana Menteri: Kerajaan tiada bercadang hendak menubuhkan satu Kementerian Ladang-ladang untuk meninjau masalah-masalah pekerja-pekerja akibat daripada pemecahan estet-estet. Pada masa ini Kementerian Perusahaan Utama adalah bertanggungjawab bagi menyelaraskan perkara tanah termasuk pemecahan estet-estet dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah bertanggungjawab bagi mengkaji masalah semua pekerja-pekerja termasuk pekerja-pekerja di estet-estet.

STERLING—TURUNNILAI WANG

35. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) jumlah cadangan wang pertaruhan luar di dalam sterling sebelum turunnilai wang sterling;
- (ii) jumlah kerugian yang disebabkan oleh turunnilai ini; dan
- (iii) samada benar yang Menteri telah diberitahu mengenai tindakan hendak menurun nilai wang sterling oleh Kerajaan British; jika ya, kenapa harta-harta (assets) kita tidak dipindahkan keluar dari United Kingdom.

Tun Tan Siew Sin: Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa saya telah membuat satu kenyataan penuh berkenaan perkara ini bagi menjawab satu soalan yang dikemukakan kepada saya oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun pada 9hb Ogos yang lalu. Tidak ada apa-apa lagi saya hendak tambah.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PUSAT PENYELIDIKAN GETAH MALAYA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (21hb Ogos, 1972)

Tuan Yang di Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawabnya.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, saya akan menjawab dalam Bahasa Malaysia dan mohon izin juga menjawab dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, last Friday we heard before the House various remarks made by several Members with regard to the R.R.I.M. Bill which I introduced. There was a lot of comment on this. One common feature was the expression that their interest in the Institute was not sufficiently roused hitherto until this Bill was tabled in Parliament. It was not surprising that a lot remains unknown about what has been going on in the R.R.I. This is a sad admission on the part of Members when one considers the overriding influence of the rubber industry on the economic growth of this country. In this context, one would have thought that activities of the R.R.I. would have received priority attention.

I had always assumed that Members of Parliament had remained silent so far because they were satisfied with what I can only classify as the spectacular achievements of the R.R.I. I would add that the Institute had enjoyed the confidence, admiration and gratitude of the international rubber producing and consuming community at large. But it appears that some Honourable Members think otherwise. Now that they have spoken, I am disappointed to find that their silence partly reflects not only little understanding but also a misconception of the true state of affairs. It is therefore important that I spend sometime in rebutting some of the allegations made, and stressing the role of the Institute in the context of the interest of the industry in general and the smallholder sector in particular.

I, therefore, request your indulgence, Sir, to allow me to deal exhaustively with the remarks that have been made. This is necessary because it is most important for the Government, and especially for the smallholders, that the staff of the R.R.I. will not be demoralised, nor their enthusiasm, dedication and purposeful approach in the least undermined.

The first question related to the replanting programme. Let me at the outset emphasise once and for all that the Institute is not the body responsible for replanting activities. The Rubber Industry's Replanting Board was established for the sole purpose of administering and effecting replanting in the smallholders' sector. The Institute's role is to develop planting materials with ever increased yield capacities through research and development.

In this role there is no agricultural industry, nationally or internationally, which can match the success of the natural rubber industry. In 40 years the Institute contributed effectively to the development of planting materials, increasing yield capacities from 250 pounds in the 20's to over 2,000 pounds in the 60's. Materials capable of yielding nearly 3,000 pounds are now in the pipeline. This clearly amplifies the Institute's effectiveness. Every two years the Institute publishes planting recommendations. Most Members of Parliament have agreed that the estate sector has implemented these recommendations and has enjoyed the full benefits of research, but there are some who have alleged that the smallholders' sector has not enjoyed this benefit at all. This is not exactly true, Sir.

The smallholders' sector moved from the 200 pounds per acre per year national average to 400 and 500 pounds and is now having a general average yield per acre exceeding 700 pounds. The gap between the estates and the smallholders cannot be ascribed to the negligence or indifference of the Institute or the Replanting Board. The reason can only be ascribed to the following factor.

The conservativeness that is demanded on the part of the planners in the Replanting Board, because of the very size of the smallholdings. This necessitates that planting materials not only having higher yields but with proven satisfactory secondary characteristics are only used. The estate sector, on

the other hand, with large acreages, could afford to take the risk of new planting materials at an earlier stage. It is for this very reason that the Institute's efforts were oriented in developing techniques which would enable the smallholders' sector to bridge this time-gap. The three-part-three and the discriminating recommendation of the clones, district by district, have been formulated by the Institute for this very purpose, conscious of the special needs of the smallholders.

The Institute last year declared, based on proven facts and science, to the Government and to the Replanting Board that there is no more a case for smallholders to be satisfied with planting materials that are not the latest. Problems of the implementation of research findings have got to be treated as consequential. Problems are bound to crop up when a new innovation is introduced. When problems are identified, research must produce solutions. Progress in the smallholders' sector had therefore to move step by step. What I am pleased about, and what I hope will be fully recognised, is that the Institute has got a record in the past of sorting out the particular problems in the smallholders' sector and of promptly directing research efforts to formulate the right solutions. It is important this step-by-step methodology be adhered to if we want to avoid any innovation from being castigated and rendered ineffective.

R.R.I. sedar akan perlunya lain-lain amalan pertanian dalam sektor pekebun-pekebun kecil supaya diperbaharui. Dalam hal ini, perkara mengenai R.R.I. mestilah diberi penghargaan.

(1) Bahagian Penasihat Pekebun-pekebun Kecil R.R.I. terdiri dari 24 orang Pegawai Kanan, 52 orang lepasan Kolej Pertanian Serdang dan 296 kakitangan pembantu. Selebihnya Bahagian Nasehat Ladang mempunyai cuma 12 orang Pegawai Kanan dan 9 orang kakitangan pembantu dan dalam peruntukan, sebanyak \$16.4 juta; Bahagian Nasehat Pekebun-pekebun Kecil diuntukkan \$3,000,000 walhal Bahagian Nasehat Ladang atau pun estet menerima cuma \$1.25 juta sahaja. Dengan ini sahaja sudah nyata di manakah R.R.I. ini sebenarnya menumpukan perhatiannya.

(2) R.R.I. sedar bahawa bukan wang ringgit atau bilangan kakitangan dalam

satu-satu bahagian nasehat sahaja yang memberikan sumbangan yang berkesan untuk faedah pekebun-pekebun kecil. Perlulah ditegaskan bahawa penyelidikan di R.R.I. adalah berpandukan oleh kehendak-kehendak perusahaan seluruhnya. Dengan adanya penyelidikan oleh R.R.I. dalam bidang tanaman-tanaman kontan (inter-cropping), memperbaiki cara-cara mencantum pokok-pokok tiga bahagian, mengusulkan pembajaan yang lebih sesuai dengan tanah, menambahkan pusat-pusat penyelidikan berkelompok, mengemukakan kaedah menoreh dan menggunakan ubat penggalakan. Nyatalah bahawa usaha menyelidik itu diarahkan, terutama demi kebaikan pekebun-pekebun kecil. Menggalakkan pokok dengan ethrel yang memberi harapan besar dari segi meninggikan pengeluaran getah pokok-pokok yang ada, telah dimajukan oleh R.R.I., sebagai satu langkah segera yang akan menyelesaikan sedikit sebanyak masalah sosial ekonomi di kalangan pekebun-pekebun kecil sebagai suatu tindakan sementara.

Dengan mengenali bagaimana pentingnya kemajuan sedemikian itu, R.R.I. telah memperluaskan tanggungjawabnya dari menjadi hanya sebagai badan yang menjalankan penyelidikan kepada badan yang juga campur sedikit dalam perlaksanaan. Mithalnya dalam menjalankan satu projek menggunakan ethrel di kalangan 4,000 ekar kebun-kebun kecil di seluruh negara ini.

This development of transferring research benefits to the field is hot out of the oven and the Institute is eager that no time is wasted in establishing its implication to the small-holders' sector. It must be recognised in this context that research is imperative for the success of the industry. If we were to expand the role of the Institute from research to implementation, the efforts must inevitably become diluted and research must then suffer. The industry can ill-afford this in the challenges that lie ahead. It is in this context that I have reiterated that research must be stepped up and that implementation of all the research innovations be speedily applied in the smallholders' sector. I shall be introducing the dynamic measures designed by the Government through the Bill on the establishment of RISDA. Research innovations already produced by the Institute can place natural rubber in an unassailable position. What is required is extensive

implementation of research among the small-holders' sector. This task cannot be assigned to the R.R.I., no matter how much the R.R.I. wants to champion the cause of the small-holders. I shall revert to this when I speak on another matter later on.

Tuan Yang di Pertua, seperkara lagi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara ialah jika getah ditanam di lain-lain negeri, masalah yang berbangkit tentu sudah dapat diatasi lama sudah. Sebagai buktinya beliau telah dengan tegasnya menyebutkan beberapa nama negara. Malangnya tempat-tempat yang disebutkan itu tidak langsung boleh ditanam dengan getah, tetapi perlu diberitahu kepada Ahli Yang Berhormat ini bahawa getah telahpun ditanam orang dalam lebih dari 17 buah negeri dan tidaklah saya hendak melebihi-lebihkan cerita bila saya katakan bahawa Malaysialah yang mendahului negara-negara itu dalam setiap kemajuan di bidang getah asli. Ahli-ahli Yang Berhormat patutlah berasa bangga bahawa Malaysia jugalah yang mendahului negara-negara lain di bidang penyelidikan dan dari segi kemajuan dalam menyampaikan nasehat kepada pengguna-pengguna getah dan menjalankan penyelidikan di bidang penggunaannya.

Nyatalah Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara sudah lupa bahawa tikar permaidani yang dibentangkan di mana-mana sahaja itu mempunyai alas yang diperbuat daripada getah asli—sebenarnya melalui usaha penyelidikan oleh negara Malaysia. Penggunaan getah dalam permaidani berupa satu-satunya kegunaan getah cair yang utama sekali. Menggunakan getah untuk membuat jalan bukanlah satu langkah baharu. Malaysia telahpun mengusahakannya dalam beberapa tahun yang dahulu.

Let me now, Sir, refer to the question of end-use research. When I mentioned it in my statement immediately after being appointed Minister and again in this House, the need for an expanded end-use research, I was speaking on a new approach that the country must take. I was in no way belittling the efforts that had already been taken. Let me therefore elaborate. First, the Institute as by its very terms of reference been limited in its activities to research on production and on the raw product. In this respect, it has done a magnificent job. If the Institute were to have been given the responsibility of generating

new end-uses of rubber or for supporting the cause of industrialisation in Malaysia based on rubber, I have no doubt in my mind that they would have been equally effective by now.

By historical reason and because of special circumstances, end-use research was made the responsibility of the Malaysian Research Establishment sited in the United Kingdom. They too have been exceedingly successful in the past. Let me list their achievements in the consumer research.

- (a) The use of rubber in road surfaces.
- (b) The use of rubber in rail pads and bridge bearings.
- (c) The use of rubber in rubber springs.
- (d) The use of rubber in sealants in buildings.
- (e) The use of rubber in carpet backings.
- (f) The use of rubber in shock absorbers in car bumpers.
- (g) The use of rubber in winter tyres.
- (h) The use of rubber in heat resistant, flame resistant, reversion resistant and low temperature resistant formulations and applications.

While these applications have made considerable impact to the overall competitive position of natural rubber, it is almost impossible to quantify them. However, for example, the use of rubber in shock absorbers in the motor car bumpers, which is new, may represent something in the order of 30 to 40 lbs. of increased use of rubber per car manufactured. The use of rubber in all these applications is uniquely oriented to the structure of the natural rubber molecule.

The strategy, however, because of the changing supply and demand considerations after the War, was for the main thrust to be mounted in consolidating the traditional areas of use for natural rubber. This may have been the right strategy in the past. The Task Force has recommended, and the Government has agreed, that a new dynamic strategy must be accepted for the future.

Firstly, an aggressive approach to find new uses; secondly, to recapture lost uses; thirdly, to add strength and stamina to the industry by creating natural rubber manufacturing enterprises within Malaysia and

fourthly, such manufacturing industries wherever possible must be integrated with the producing industry, particularly in the rural sector in projects concerned with smallholders through the MRDC and the land development schemes. In this context, it now becomes absolutely essential that the R.R.I. be made a research and development institute not only for production research but also for consumption research. By this, I do not, and I repeat I do not, intend or even suggest that the N.R.P.R.A. which is sited in the U.K. should be folded up. The N.R.P.R.A. must continue to exist as the auxiliary arm of the efforts of the R.R.I. in undertaking what I can only aptly describe as "proximity research". By proximity, I mean existing in surroundings that are in close contact with consumer factories to whom we should continue to export our natural rubber in the future. The R.R.I.'s efforts, on the other hand, must be to generate adequate technical expertise and technological facilities to provide a powerful infrastructural support to give momentum to the industrialisation policy of Malaysia based on rubber.

The calibre of staff, Malaysian staff for that matter, who are professionally trained technologists, has already been groomed in the Institute and the establishment of the Specifications and Technology Division at the R.R.I. in 1970 promises that before long much can be expected of the R.R.I. in these new areas of research. So when Members of Parliament raised the issue of the need to find new uses of rubber they, in fact, were preaching to the converted.

Tuan Yang di Pertua, biarlah saya tegas-jua bahawa kita tidak patut menghadkan pandangan dan pemikiran kita hanya kepada kegunaan-kegunaan baru sekadar hendaknya membuat kari biji getah, atau mendapat petrol dari getah, atau menjadikan kayu getah sebagai kayu api, tetapi tentulah ada lagi kegunaan-kegunaan getah yang lebih menguntungkan yang memerlukan penyelidikan secara objektif. Saya berasa sukh hati mendapati bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya menyokong Kerajaan dan menyokong tujuan mempergiatkan penyelidikan di bidang kegunaan getah.

Ahli Parlimen bolehlah berbangga dengan adanya teras keanggotaan di R.R.I. yang terlatih. Bila tugas R.R.I. ini diperluaskan tidak

ada sebab bagi kita terus mengharapkan kepada jasa dari pakar-pakar di seberang laut atau pun mengharapkan sokongan dari badan-badan yang baru ditubuhkan dalam setahun dua ini untuk menjalankan tugas-tugas itu, sebagai yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu. Suka saya menegaskan dalam Dewan ini bahawa segala kegiatan penyelidikan—baikpun dalam bidang pengeluaran, kegunaan atau kegunaan-kegunaan baru—semuanya ini akan terkandung seelok-eloknya dalam tanggungjawab R.R.I.—sebuah badan yang mendapat setinggi-tinggi kepercayaan daripada Kerajaan daripada jasa yang sudah lepas.

Suka saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Batu bahawa Methyl methacrylate Graft Rubber (Getah MG) suatu rekaan yang dijayakan dalam tahun lima puluhan hasil kerjasama dari R.R.I. dan N.R.P.R.A. ialah campuran getah dengan plastik yang disatukan secara kimia. Tayar musim sejuk yang sedang direka adalah berupa campuran getah asli dengan getah tiruan, banyak dari getah yang digunakan itu adalah bercampur plastik atau getah tiruan. Adalah tujuan penyelidikan di Malaysia untuk menjamin bahawa dalam campuran semacam ini getah asililah yang akan digunakan lebih banyak.

Sekarang saya beralah kepada tohmah yang tidak berasas oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut yang memerlukan suatu kenyataan dari Kerajaan.

Tuduhan-tuduhannya menyentuh soal peribadi Pengarah R.R.I. Saya hendaklah berterus terang dalam Dewan ini mengenai apa yang sebenarnya berlaku di R.R.I. Rang Undang-undang yang telah dibentangkan dalam Dewan ini telah disambut baik dan perlu dilaksanakan dengan tegasnya dengan semangat dan didikasi daripada seluruh yang terbuka di dalamnya. Sektor pekebun kecil yang telah disebut-sebut sebagai sektor yang benar-benar memerlukan sepenuh-penuh pimpinan R.R.I. Tidak suatu apa yang mesti dibiarkan merintang tujuan Kerajaan mengatasi kesulitan-kesulitan pekebun kecil. Oleh itu, saya kira hal ini benar-benar berat bagi saya untuk menggalakkan interaksi di antara Pengarah dengan R.R.I. dan kemajuan R.R.I. dan perusahaan dan kejayaan perusahaan itu. Tuduhan-tuduhan

yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Besut menyentuh perkara-perkara berikut:

- (1) Perbezaan layanan-layanan di antara Bahagian-bahagian R.R.I., terutamanya Bahagian Nasihat Pekebun Kecil.
- (2) Perbezaan layanan mengenai Pegawai-pegawai Melayu berhubung dengan kenaikan pangkat.
- (3) Lagak Pengarah menguasai Ahli Lembaga.
- (4) Sikap tidak ambil peduli oleh Pengarah dan tidak adanya penghargaan dari Pengarah terhadap cita-cita negara.
- (5) Pengaruh Pengarah terhadap Timbalan Pengarah hingga menyebabkan Timbalan Pengarah meletakkan jawatannya.

Mengenai perkara (1) berhubung dengan perbezaan layanan terhadap Bahagian Nasihat Pekebun Kecil, biarlah saya menyatakan bahawa Bahagian Nasihat Pekebun Kecil adalah bahagian yang terbesar sekali di R.R.I., yang mempunyai kakitangan sejumlah 25% dari jumlah kakitangan R.R.I. dan mendapat peruntukannya berjumlah 19% dari Anggaran Belanjawan R.R.I., berbanding dengan kakitangan yang berjumlah hanya 2% dan belanjawan sebanyak 1.5% bagi Bahagian Nasihat Ladang. Dalam Bahagian Nasihat Pekebun Kecil, kakitangan bumiputra berjumlah 74% dari jumlah kakitangannya dan antara pegawai kanannya 63% adalah pegawai bumiputra dan bukan hanya 1% sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Besut. Bahagian Nasihat Pekebun Kecil mempunyai pejabat di setiap negeri di Malaysia Barat. Di semua negeri ini kecuali Perlis, Pulau Pinang dan Melaka ada pula Ibupejabat-ibupejabat Negeri, selain dari itu, diperingkat Negeri pula Pegawai Nasihat Getah ditempatkan dalam pejabat tertentu dan dipejabat mukim, rumah disediakan untuk Penolong Pegawai Penasihat Getah yang mempunyai alat kelengkapan. Tiap-tiap pejabat Negeri ada kemudahan yang lengkap untuk memenuhi kehendak-kehendak sebagai pejabat Perkhidmatan. Sebelum 1966, Pejabat-pejabat ini bertempat di Pejabat-Pejabat Pertanian sahaja. Sedikit demi sedikit semenjak tahun 1966 tiap-tiap negeri ini telah diberi kelengkapannya sendiri. Kerani-kerani dan pembantu-pembantu telah pun disediakan bila-bila diminta oleh

Ketua Bahagian Nasihat Pekebun Kecil. Berbanding dengan semua ini biarlah kita lihat kedudukan Bahagian Nasihat Ladang.

Cuma ada dua pejabat kawasan, satu di Butterworth dan satu lagi di Kluang. Keanggotaan kakitangan Bahagian Nasihat Ladang tidak ada hubungannya dengan Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil ataupun keluasan estet di negeri ini. Ahli-ahli Parlimen juga mestilah ingat bahawa Pejabat-pejabat Cawangan Bahagian Nasihat Ladang mengharapkan peladang-peladang datang ke pejabat mereka untuk mendapatkan kebanyakan daripada nasihat-nasihat mereka. Tetapi Pegawai Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil mesti pergi jauh menemui pekebun-pekebun kecil untuk memberi petunjuk-petunjuk. Oleh itu dasar yang sudah berjalan bertahun-tahun lamanya, adalah didapati lebih sesuai bagi kakitangan Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil diperingkat Mukim menggunakan motosikal daripada motokar. Inilah yang dikatakan pilih kasih. Pilih kasih sebab kereta tidak sesuai digunakan di kawasan-kawasan yang susah hendak dimasuki dengan kereta, maka tidakkah pegawai-pegawai itu diberi pinjaman untuk membeli kereta (motokar) sebab ia boleh mengendalakan kerja-kerja mereka di tempat-tempat yang susah. Ada pula kawasan-kawasan kebun-kebun kecil yang tidak boleh dihampiri kecuali dengan menyeberangi sungai atau melalui denai-denai dan jalan-jalan sempit. Kakitangan Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil telah dilengkapi dengan kenderaan-kenderaan yang sesuai dan ini termasuklah bot-bot. Inikah yang dianggap sebagai pilih kasih? Saya fikir Ahli-ahli yang Berhormat boleh menjawabnya dengan jelas. Tetapi, jika perlu, Pegawai-pegawai Nasihat Getah, mitalnya 53 dari mereka dan semua pegawai-pegawai kanan telah diberi pinjaman untuk membeli kereta. Kerana mereka ini tidak payahlah menyuruk ke sungai-sungai kecil dan jalan-jalan yang kecil. Tetapi menjadi dasar R.R.I. iaitu jika ada wang Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil mendahului pihak lain dalam R.R.I. dalam pertimbangan mendapatkan pinjaman memberi kenderaan. Permohonan dari Pembantu Luar pernah diketepikan demi kepentingan kemudahan-kemudahan pegawai Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil. Dasar ini mesti diteruskan kecualilah jika Ahli dari Besut boleh memikirkan bagaimana hendak memandu

kereta melalui jalan-jalan yang sempit dan bengkok-bengkok, yang hanya sesuai untuk basikal sahaja, atau menyeberangi sungai atau di atas air untuk mendapat pekebun-pekebun kecil.

Beraleh kepada diskriminasi terhadap pegawai-pegawai Melayu, berhubung dengan kenaikan pangkat dan betapa kurangnya bilangan pegawai-pegawai Melayu di R.R.I. seluruhnya. Beginilah penerangan saya: Semua kenaikan pangkat di R.R.I. adalah ditimbang oleh Jawatankuasa Perjawatan Lembaga R.R.I. yang dipengerusikan oleh Pengawal Penyelidikan atau Timbalannya. Semua lantikan-lantikan berjawatan tinggi adalah dengan berpanduan nasihat-nasihat perunding yang dilantik dari luar R.R.I. yang memberi nasihat kepada Jawatankuasa Perjawatan itu. Di dalam R.R.I. pula, Bahagian Pentadbirannya mempunyai suatu Jawatankuasa Kenaikan Pangkat yang dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah dan dianggotai oleh Penolong Pengarah yakni seorang bumiputra, dan Pegawai Kakitangan juga seorang bumiputra.

Jawatankuasa ini disertai pula oleh Ketua Bahagian yang berkenaan di mana kenaikan pangkat itu hendak di laksanakan. Syor-syor dari Jawatankuasa ini dan dari Pengarah juga diberikan kepada Jawatankuasa Perjawatan untuk sesuatu keputusan. Saya telah mengambil masa untuk menerangkan cara-cara ini supaya Ahli Parlimen ini tidak lagi tersalah faham bahawa cuma seorang sahaja yang membuat keputusan dalam hal-hal ini.

Beraleh kepada kenaikan pangkat dalam tahun ini yang telah disentuh dalam Dewan ini, saya hairan Ahli Yang Berhormat dari Besut mempunyai maklumat yang cukup tepat, tetapi dia sengaja melupakan segala butir-butirnya ataupun dia tidak mempunyai gambaran yang lengkap. Pada tahun ini 3 orang Melayu telah dinaikkan pangkat kebahagian A2 tetapi tarikh lantikan mereka ialah 1hb Jun, 1972. R.R.I. mestilah berjalan mengikut sesuatu peraturan tertentu mengenai kenaikan pangkat. Dari seramai 20 orang pegawai-pegawai kanan dari bangsa Melayu yang bertugas sekarang, 2 adalah jawatan superscale, 2 dalam Bahagian A1, 8 dalam Bahagian A2 dan 12 dalam Bahagian B. Sebagai dalil, Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil yang telah membuka jalan bagi lepasan-lepasan Kolej Pertanian

Serdang, (setelah cukup berpengalaman menunjukkan didikasi dan rajinnya) dinaikkan pangkat yang tertinggi sekali. Sebelum Pengarah yang ada sekarang ini dilantik, Bahagian Nasihat Pekebun Kecil mempunyai cuma 12 pegawai antaranya hanya 3 sahaja yang berijazah dan daripada semuanya, hanya seorang sahaja pegawai Melayu. Sekarang ada 20 orang pegawai Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil dan 12 daripadanya mempunyai ijazah dan dari angka ini 7 adalah pegawai-pegawai Melayu. Angka ini boleh jadi lebih banyak lagi jika tidak dengan sebab ada di antara mereka yang dipindahkan ke M.R.D.C., lantikan seorang lagi menjadi bakal Pengurus Pusat Percubaan R.R.I., pemindahan seorang lagi ke Bahagian Ekonomi dan Perancang, dan seorang lagi telah dipindahkan untuk mengelola Kursus Processing Instructor, di Pusat Percubaan. Apa yang lebih perlu ialah adanya rancangan latihan yang telah dimulakan untuk mencapai perseimbangan di jawatan-jawatan dalam R.R.I. di berbagai peringkat. Masaalah untuk segera mencapai kejayaan dalam usaha memperseimbangkan kedudukan ini adalah seperti berikut:

- (a) kurangnya orang-orang Melayu yang berijazah sains dalam negara ini—satunya hal yang telah membangkitkan masaalah dalam menganggotai institusi-institusi bercorak sains di negara ini untuk mencapai perseimbangan.
- (b) kurangnya orang-orang Melayu bersijil H.S.C. dalam aliran sains dan dalam institusi pengajian tinggi dalam kursus-kursus yang akan membawa kepada kelulusan berijazah sains. Tak payahlah saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian betapa sedikitnya penuntut-penuntut Melayu hari ini dalam Fakulti-fakulti Sains di Universiti-universiti dalam negeri ini.
- (c) Perusahaan getah berkehendakkan bantuan yang segera. R.R.I. telah dianggotai oleh lebih 60% pegawai-pegawai dagang sehingga 1966. Hanya setelah jawatan Pengarah telah diMalaysiakan barulah bilangan pegawai-pegawai dagang itu menjadi kurang sehinggalah sekarang menjadi hanya 4% sahaja.

Pengarah yang ada sekarang ini mewarisi suatu keadaan dengan mana bilangan pegawai-pegawai kanan berbangsa Melayu berjumlah hanya 3 orang.

Sebagaimana yang telah disebutkan tadi sekarang sudah ada 20 orang pegawai Melayu dalam jawatan kanan dan 18 orang lagi sedang menjalani latihan undergraduate atau pun postgraduate di seberang laut. Banyak lagi telah dirancang dan dihantar untuk melanjutkan pelajaran mereka. Pada masa ini dalam perjawatan kanan R.R.I., pegawai kanan Melayu berjumlah 14% dan pegawai-pegawai bahagian rendah berjumlah 38% yang memberi jumlah keseluruhannya sebanyak 36% berbanding dengan 38% Cina dan 26% India dan lain-lainnya. Pengarah sendiri, telah mengesyorkan kepada Lembaga R.R.I. bahawa selain dari rancangan biasiswa yang ada sekarang ini untuk latihan graduate dan post graduate biasiswa khas hendaklah diadakan untuk melatih anak-anak Melayu dari Tingkatan III walau pun turun lagi ke Tingkatan I ke atas mata-mata dalam bidang sains. Cadangan ini memerlukan kakitangan R.R.I. mendekati pelajar-pelajar itu dalam makmal-makmal R.R.I. semasa cuti. Tujuan ialah untuk mendatangkan keadaan yang sesuai dan peluang-peluang bagi pelajar-pelajar Melayu untuk mengikuti kursus berhubung dengan sains. Cadangan ini telah pun pula dilaksanakan setelah mendapat pindaan sedikit daripada M.R.F.B. kerana pelaksanaan.

Saya cuma menyebutkan setengah dari perkara-perkara yang penting mengenai rancangan latihan ini sebagai memberi bukti tentang pandangan jauh dan aliran pemikiran pehak yang berkuasa R.R.I. yang secukup dengan pemikiran Kerajaan berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru.

Sekarang beralah saya kepada soal peribadi Pengarah dan Pengaruhnya ke atas Lembaga. Tuduhan ini sangatlah aneh sedikit. Tuduhan bahawa ia tidak mengambil peduli dan tidak menghargai cita-cita negara memerlukan penjelasan daripada saya. Penerangan yang saya berikan tadi mengenai kerja-kerja R.R.I. telah menggambarkan bahawa Pengarah R.R.I. memang berminat terhadap dasar-dasar negara kita yang baharu ini. Tetapi patutlah saya jelaskan dengan lebih panjang lebar walaupun saya mengambil alih tanggungjawab berkenaan getah negara tahun ini, pengetahuan saya mengenai R.R.I. dan Pengarahnya bermula daripada masa saya berada dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dahulu selaku Menteri Muda saya telah menghargai

perasaan dan cita-cita Pengarah bagi memperbaiki sektor pekebun-pekebun kecil. Jika beliau boleh disalahkan barangkali beliau telah melebihi usahanya daripada tanggungjawab R.R.I. supaya lebih-lebih lagi dapat tenaga usaha R.R.I. itu disalurkan untuk memperbaiki sektor pekebun-pekebun kecil.

Biarlah saya sebutkan perkara-perkara yang telah di capai di bawah pimpinan beliau.

- (i) Bertambahnya bilangan dan mutu pegawai kanan dalam bahagian nasihat pekebun-pekebun kecil.
- (ii) Peralehan bahagian nasihat pekebun-pekebun kecil supaya lebih-lebih berpeluang mengadakan interaksi dengan bahagian-bahagian penyelidikan untuk menyesuaikan pendapat-pendapat baharu untuk melaksanakan segera dalam sektor pekebun-pekebun kecil.
- (iii) Bermulanya peranan R.R.I. dalam soal memproses kilang-kilang pusat untuk faedah pekebun-pekebun kecil yang sekarang telah terpisah dari R.R.I. dengan tertubuhnya M.R.D.C.
- (iv) Penyesuaian usaha-usaha bahagian penyelidikan dalam Bahagian Tumbuhan, Tanah dan Kimia untuk mendatangkan syur-syur khas mengenai benih cara-cara membiak, menoreh, membaja dan memproses.
- (v) Projek yang luas yang diusahakan oleh Pengarah baharu-baharu ini untuk membuktikan bahawa penggalakkan dengan ethrel boleh memberi keuntungan segera kepada sebahagian besar daripada pekebun-pekebun kecil yang menghadapi kesusahan.

Mengenai tuduhan atas peribadi Pengarah yang kuat kononnya menguasai dalam menjalankan tugasnya tidak usahlah saya bercakap dengan panjang lebar. Peribadi yang seperti itu mungkin boleh menjadi pengaruh baik, jikalau betul digunakan. Kalaupun pengaruh ini boleh di sukai dengan kejayaan yang sudah tercapai dalam R.R.I., saya hanya boleh menyatakan di sini bahawa saya ingin mendapat lebih banyak lagi pegawai-pegawai yang mempunyai strong personality untuk mempercepatkan perlaksanaan Rancangan Malaysia Yang Kedua dan lain-lainnya.

Sekarang saya beralih kepada soal dua orang Timbalan Pengarah yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut. Memang benar yang satu dari jawatan itu maseh kosong dan Timbalan Pengarah yang ada sekarang sudah pun meletakkan jawatannya. Kekosongan-kekosongan ini tidaklah diisi oleh Lembaga R.R.I. Sebenarnya M.R.F.B.lah yang mengiklankan, menerima dan memproseskan permohonan-permohonan dan membuat syor kepada saya sendiri tentang calon yang dipilih. Tuan-tuan sudah tentu boleh membenarkan saya menentukan yang dasar negara terutama sekali dasar mengenai menseimbangkan taraf kaum diberi perhatian dalam membuat pemilihan-pemilihan untuk jawatan tersebut.

Berkenaan dengan tuduhan yang mengatakan bahawa disebabkan oleh per selisihan faham dengan Timbalannya atau pun disebabkan Pengarah telah mendesak beliau meletakkan jawatannya, saya menyatakan setegas-tegasnya dalam Dewan ini perkara ini tidak benar sama sekali. Untuk membuktikan yang perkara ini tidak benar, saya membaca di sini petikan daripada surat perletakan jawatan dari Timbalan Pengarah yang bertarikh 1hb Jun kepada M.R.F.B.

"I wish to reassure the Board that this is a personal decision and casts no reflection whatsoever on the excellent work of the R.R.I. As a matter of fact, I shall leave with the fullest confidence that under the dynamic and creative leadership of the Director, the Institute will attain new heights of achievements in research and development geared to the modernisation and progress of the natural rubber industry."

Dalam suratnya kepada Timbalan Pengarah itu bertarikh 3hb Jun, Pengarah menjawab seperti berikut:

"Your resignation came to me as a personal shock. In a short period of time since your assumption to the office of the Deputy Director, the leadership qualities combined with the dedicated and inspired approach that you were obviously able to bring to bear, portended long term stability at the Institute's management directorial level. It is in this background that I was quite unprepared to receive the news of your resignation."

Timbalan Pengarah meninggalkan R.R.I. untuk bekerja dalam lapangan kelapa sawit dalam bidang mana kelayakan dan kebolehannya akan dapat dipergunakan sepenuhnya. Sebahagian besar dari kerja-kerja penyelidikan awalnya adalah berkaitan dengan perusahaan kelapa sawit dan inilah yang menjadi kesayangan yang utama.

Sebagai ringkasan saya suka hendak menegaskan bahawa tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap R.R.I. dan Pengarahnya bukan sahaja tidak berasas, akan tetapi Ahli Yang Berhormat dari Besut tidak sepatutnya membuat tohmah-tohmah yang sedemikian sebelum menyelidikkannya dalam-dalamnya lagi. Kerajaan telah cukup berkeyakinan kepada Pengarah dan penghargaannya kepada cita-cita negara dan kebolehannya untuk melaksanakan pada zahir dan batin segala maksud dan tujuan Bil-bil yang sedang dibincangkan sekarang. Suka saya menyebutkan juga bahawa Pengarah itu sendiri telah menjadi anggota yang aktif dalam task force yang menjadi asas kepada Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Ahli dari Besut tidak senang hati tentang peruntukan dalam bil bagi membolehkan Menteri memberi arahan-nya kepada Lembaga R.R.I. Sebabnya peruntukan itu dimansuhkan bukanlah sebab Pengarah atau sesiapa yang berkaitan dengan R.R.I., telah melebihi saya. Telahpun dinyatakan bahawa R.R.I. berkehendakkan peruntukan wang untuk rancangan penyelidikannya dengan wang dari M.R.F.B., dari itu patutlah R.R.I. menerima arahannya dari M.R.F.B. dalam hubungan ini dan demi perjalanan pentadbiran yang tertib dalam bil yang memberikan kuasa kepada saya baiklah M.R.F.B. diberikuasa mengawal perjalanan R.R.I. Saya suka memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu bahawa semenjak saya memegang jawatan, saya telah memberi arahan secara langsung kepada R.R.I. dan tidak pulalah ada sebarang kesulitan yang berbangkit disebabkan oleh amalan yang sedemikian walaupun dari R.R.I. atau M.R.F.B. saya telah menjalinkan pertalian secara langsung dengan Pengarah R.R.I. dan Pengawal M.R.F.B. (Dr L. C. Bateman).

Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam membangkitkan pendapat tentang perlunya

diperluaskan keanggotaan Lembaga ini dari kalangan pekebun-pekebun kecil dan telah mengesyorkan bahawa FELDA juga mestilah diwakili.

FELDA telahpun dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Lembaga M.R.F.B. Wakil dari FELDA dalam Lembaga R.R.I. tidak disebut kerana wakil-wakil ditulis dengan secara am sahaja. Jika Ahli dari Muar Dalam memandang berat tentang soal ini, kita mempunyai peruntukan dalam bil ini bagi Menteri membuat lantikan-lantikannya secara bebas. Saya boleh menimbangkan, menggunakan peruntukan ini untuk membuat lantikan atas FELDA menjadi wakil.

Sebagai penutup, biarlah saya beralih kepada tugas saya yang lebih seronok lagi. Di sini saya sukacita menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melawat ke Pusat Penyelidikan Getah dan Pusat Percubaan di Sungai Buluh, untuk memerhati dari dekat lagi apa yang dijalankan di sana. Saya yakin lawatan seperti ini adalah satu perkara yang akan menggalakkan semangat pihak-pihak yang bekerja. Beberapa Ahli Parlimen daripada luar negeri telah pun melawat pusat tersebut dan telah sangat tertarik hati dengan kegiatan-kegiatannya. Sekarang sampailah masanya wakil Parlimen kita pula membuat perhubungan rapat dengan R.R.I. terutama sekali setelah beberapa orang daripada mereka telah menunjukkan kecenderongan mereka mengenai kegiatan pusat tersebut. Saya sangat berharap mereka akan mengambil kesempatan dan peluang untuk mengetahui lebih penuh lagi kegiatan-kegiatan pusat tersebut. Pengarah pusat tersebut akan berhubung dengan Setiausaha Dewan Rakyat ini untuk menganjurkan lawatan sebelum tamatnya Persidangan Parlimen kali ini. Lawatan Ahli Yang Berhormat sekalian tentu sekali akan menjadi perangsang dan akan menggalakkan mereka mencapai kejayaan yang lebih tinggi lagi untuk Perusahaan Getah amnya dan untuk kejayaan pekebun-pekebun kecil amnya. Dari itu, saya nanti-nantilah kedatangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. *Jadual—*

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan pindaan bagi Jadual dalam Rang Undang-undang ini seperti yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pindaannya adalah seperti berikut:

Jadual—

*Sekshen 4 (1)—*Gantikan perenggan (f) dengan yang berikut:

“(f) six members appointed by the Minister of whom three shall represent the estate sector of the rubber industry from the nominations of the Rubber Producers’ Council and three shall represent the smallholder sector of the rubber industry;”.

Jadual—

*Sekshen 17—*Potong pindaan bagi sekshen 17.

Schedule—

*Section 4 (1)—*Substitute for paragraph (f) the following—

“(f) six members appointed by the Minister of whom three shall represent the estate sector of the rubber industry from the nominations of the Rubber Producers’ Council and three shall represent the smallholder sector of the rubber industry;”.

Schedule—

*Section 17—*Delete the amendment of section 17.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEHAK-BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN-KECIL PERUSAHAAN GETAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, Akta Lembaga Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 adalah bertujuan menubuhkan Lembaga Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah dengan maksud-maksud tersebut:

- (1) Mengadakan suatu badan pelaksanaan melalui mana segala hasil penyelidikan dan rekaan dalam berbagai segi bertanam getah akan dapat disalurkan kepada sektor pekebun kecil.
- (2) Memperhebatkan usaha-usaha bertanam semula di Ladang-ladang dan di kebun-kebun melalui suatu cara baru mengutip ses dan membagi-bagikannya.

Undang-Undang Tanam Semula Perusahaan Getah 1952 telah diluluskan dengan tujuan melaksanakan rancangan tanam semula dengan tegas dan berkesan untuk faedah estet dan pekebun-pekebun kecil. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu masih ingat bahawa suruhanjaya M.U.D.I.E. telah menumpukan perhatian kepada tugas yang boleh mendatangkan kejayaan kepada perusahaan getah asli Malaysia memandang kan adanya persaingan hebat dari perusahaan getah tiruan. Nasihat ini telah diambil dan diikuti oleh kerajaan, dan bukan sahaja suatu undang-undang telah pun dikuat kuasakan, tetapi mula-mulanya kerajaan memberi juga sumbangan wang terus menerus kepada sektor estet dan kebun kecil untuk mempercepatkan usaha bertanam semula itu. Sehingga hari ini pun Kerajaan masih juga memberi sumbangan kepada sektor-sektor pekebun-pekebun kecil.

Tindakan bertanam semula telah berlangsung sudah bertahun-tahun dan pada hari ini hampir-hampir 65% dari kebun-kebun kecil dan lebih dari 90% dari ladang-ladang besar telah bertanam semula. Tetapi masa telah berubah dan keperluan-keperluan perusahaan getah terutama sekali di kalangan pekebun-pekebun kecil telah menjadi semakin banyak.

Usaha-usaha penyelidikan dan rekaan yang di jalan oleh Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu (R.R.I.) telah menghasilkan banyak cara-cara berkenaan dengan benih, cara membiak, cara menoreh dan soal-soal agronomi. Pengetahuan teknologi untuk memodenkan sektor pekebun-pekebun bolehlah dikatakan sudah ada pada kita. Tetapi cara melaksanakan pendapat-pendapat baru pada sektor pekebun-pekebun kecil lain pula soalnya. Manakala sektor ladang dapat menerima dan melaksanakan pendapat-pendapat baru ini dengan cepatnya, sektor pekebun-pekebun kecil disebabkan tersangat kecil kebun-kebun mereka dan sebab adanya masalah-masalah sosioekonomi tidaklah begitu terdaya melaksanakan pendapat-pendapat baru dari research dengan bersendirian. Banyak masa terbuang sebelum sesuatu dapat dilaksanakan. Kerajaan dan perusahaan getah di negeri ini tidak boleh berpuas hati dengan keadaan yang sebegini. Baiklah saya mengulangi keadaan yang terdapat itu:

- (1) Kita sudah ada suatu peraturan yang keras untuk bertanam semula di kalangan pekebun-pekebun kecil. Tetapi aktiviti ini terhad cuma kepada pemberian benih, baja dan alat perkakas kepada pekebun kecil hanya semasa pokok masih muda sahaja.
- (2) Kerajaan, melalui Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia tidak menyediakan peruntukan untuk mendirikan kilang-kilang memproses getah pekebun-pekebun kecil untuk mengamalkan pendapat-pendapat baru hasil penyelidikan dengan mana pekebun kecil boleh mengharapkan pendapatan yang lebih lumayan.

Bagaimana pun, tidak pula ada suatu jalan yang teratur untuk melaksanakan amalan-amalan pertanian yang moden. Kekosongan inilah yang telah menyebabkan pekebun kecil ketinggalan di belakang ladang-ladang besar jika di kaji dari segi pengeluaran dan pendapatan. R.R.I. telah membuktikan iaitu benih-benih moden yang ditanam mengikut kaedah-kaedah pembiakan yang terbaharu boleh diamalkan oleh pekebun-pekebun kecil. R.R.I. juga telah menunjukkan bahawa pokok getah dewasa juga perlu diberi baja untuk kesuburan dan keteguhan perusahaan getah. Faedah-faedah dari menanam kontan semasa getah masih muda pun sudah terbukti. Barangkali apa-apa yang lebih penting dan

berfaedah lagi ialah cara penggalakan untuk menghasilkan lebih banyak susu getah. Penggunaan ubat-ubat penggalak mengikut peraturan kepada pokok-pokok yang diberi baja yang sesuai telah menghasilkan loji susu dari pokok-pokok pekebun kecil. Bagaimanakah cara-cara baru ini boleh dilaksanakan? Pekebun-Pkebun kecil berkehendakkan pendahuluan wang. Mereka berkehendak baja, ubat penggalak, benih-benih kontan dan lain-lain kelengkapan mengikut sesuatu saluran yang tersusun rapi. Jika tidak ada badan pelaksanaan yang sebegini untuk mendatangkan perkhidmatan yang terbabit segala pendapat-pendapat dari penyelidikan yang sekarang dapat dilaksanakan di sektor estet tidak akan terlaksana di sektor pekebun-pekebun kecil. Untuk mengatasi kelemahan ini dan mengadakan suatu persediaan yang tegas dan berfaedah maka sebuah Lembaga baharu ditubuh khasnya untuk menggalakan kemajuan sektor pekebun-pekebun kecil. Lembaga Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah termaktub dalam rang undang-undang ini mempunyai tugas-tugas seperti berikut:

- (a) Badan ini akan terus bertanggungjawab bagi tanam semula di kalangan pekebun kecil dan menjamin penggunaan benih-benih yang terbaik sekali.
- (b) Badan ini akan bertanggungjawab bagi merancang dan melaksanakan pendapat-pendapat baru di kalangan pekebun-pekebun kecil.
- (c) Badan ini akan berkerjasama dengan lain-lain badan kebangsaan yang bertanggungjawab mengenai penyelidikan pengembangan dan peruntukan wang pinjaman, soal-soal memproses dan memasarkan getah dengan tujuan memodenkan sektor pekebun-pekebun kecil seberapa cepat yang dapat.
- (d) Badan ini akan meliputi Malaysia Timur dan Barat.

Bantuan wang bertanam semula di sektor estet di bawah undang-undang yang ada sekarang ini adalah dibagi-bagikan melalui suatu tabung yang berasingan iaitu Tabung Kumpulan Wang A. Wang bantuan tanam semula kepada sektor estet ini diberikan jika ada bukti getah ada dihasilkan (on proof of production). Manakala tanam semula di kalangan estet sudah mencapai angka 90%, ada terasa kebimbangan yang keadaan ini

akan menjadi buruk jika kaedah memberi wang ini diteruskan lagi. Sebab negara ini sangat-sangat bergantung kepada getah asli kerajaan tidaklah boleh membiarkan keadaan ini berterusan.

Oleh itu rang undang-undang ini meminta perubahan supaya menyatukan kutipan ses tanam semula untuk ladang-ladang besar dan kebun-kebun kecil kedalam suatu tabung sahaja. Pembagian wang darinya akan berdasarkan kepada bukti yang seseorang itu benar-benar sudah bertanam semula. Perakara-perkara detail tentang peraturan dan rancangan-rancangan pembahagian wang ini akan dirumuskan sebelum akhir tahun ini. Dalam melaksanakan rancangan ini faktor-faktor sosial dan ekonomi di kalangan estet-estet kecil akan diberi perhatian sewajarnya. Rang undang-undang ini juga bertujuan menyatukan langkah dalam mempergunakan sumber-sumber tenaga buruh dan wang untuk mencapai setinggi-tinggi faedah dan keuntungan.

Dengan tertubuhnya lembaga yang di-kanunkan ini yaitu RISDA dalam rang undang-undang ini, dan pindaan kepada usaha-usaha penyelidikan dan menasihati di kalangan pekebun kecil di bawah kelolaan R.R.I. sudah tentu akan terhasil suatu rancangan yang boleh memodenkan sektor pekebun-pekebun kecil dengan cepatnya. Usaha memodenkan sektor pekebun kecil memerlukan juga usaha-usaha memperkokohkan kedudukan kebun-kebun yang terlalu kecil. Beberapa rancangan tanah telah pun dibuka untuk tujuan ini. Dengan tertubuhnya RISDA ini rancangan-rancangan tanah baru akan dapat dijayakan mengikut cara-cara baru ini.

Badan yang sebegini perlu diadakan dan mesti diadakan sekarang juga. Tujuan-tujuannya adalah menesabah dan praktikal. Pengetahuan-pengetahuan teknologi sudah memang ada. Penubuhan dan pelaksanaan badan ini hendaklah dijalankan secepat-cepat mungkin. Lembaga ini cuma boleh berjalan dengan jayanya hanya jika ada sikap yang baru di kalangan pekebun kecil untuk menerima perubahan. Pekebun-pekebun kecil hendaklah dengan penohnya mempergunakan peruntukan dan bantuan yang disediakan khas untuk mereka. Mereka hendaklah menanam klon-klon yang terbaharu sekali. Mereka hendaklah membaja pokok-pokok mereka dengan baja yang dipilih untuk tanah mereka.

Mereka hendaklah mengamali dengan setianya cara-cara berkebun yang moden yang disampaikan kepada mereka oleh Bahagian Nasihat Pekebun-pekebun Kecil R.R.I. Sebesar-besar keuntungan bukan sahaja bergantung kepada penjagaan pokok tetapi juga kepada susu yang diperolehi dari pokok itu. Semua ini hanya boleh dicapai sekiranya pekebun-pekebun kecil mengambil sikap jayadiri. Kerajaan berazam hendak membetulkan keadaan tidak seimbang dalam perusahaan getah asli ini. Pekebun-pekebun kecil hendaklah membuktikan yang mereka juga penuh berazam dan bertekad untuk menolong Kerajaan mencapai tujuan ini. Saya berbangga dengan adanya sambutan yang begitu baik dari pihak perusahaan seluruhnya yang menandakan bahawa langkah yang kita ambil ini akan tetap berjaya.

Saya juga sukacita mendapat tahu bahawa sentimen di kalangan estet pun menyokong langkah Kerajaan dalam Rang Undang-undang ini untuk menambah kemajuan di kalangan pekebun kecil.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Musa Hitam (Segamat Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang baharu sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan saya suka mengucapkan tahniah kepada pihak Menteri yang berkenaan di atas langkah-langkah yang tegas yang telah diambil olehnya berhubung dengan segala hal ehwal berkenaan dengan perusahaan getah di negara kita ini.

Di dalam seminggu dua yang lepas kita telah mendengar begitu banyak hujjah-hujjah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan berhubung dengan persatuan getah ini tetapi ada satu dua hujjah yang masih lagi belum dikemukakan dan saya suka mengambil kesempatan di sini menyebutkannya terutama sekali disebabkan bahawa pendapat saya yang hujjah-hujjah ini sangatlah penting terutama sekali berhubung dengan kedudukan ataupun nasib untung pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di Pertua, usaha-usaha yang sedang diambil oleh Kerajaan ke arah memodenkan sektor pekebun-pekebun kecil haruslah dipuji, dengan usaha-usaha ini saya berharap bahawa kesengsaraan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil akan dapat diatasi. Kemungkinan kejayaan ini ialah bergantung kepada proses memodenkan sektor pekebun-pekebun kecil dengan rancangan-rancangan tanaman semula dan pembukaan serta kemajuan tanah yang lebih teratur. Penubuhan badan khas untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil (RISDA), pada pendapat saya ialah selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah pekebun kecil. Langkah ini akan dapat memperkukuhkan lagi usaha-usaha Kerajaan serta mempercepatkan proses memodenkan sektor pekebun-pekebun kecil ini. Di samping itu, Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini mengingatkan bahawa kejayaan RISDA akan bergantung kepada beberapa sektor terutama sekali samada badan ini akan dapat menawarkan satu package deal kepada pekebun-pekebun kecil pada keseluruhannya. Package deal ini haruslah tergantung di dalamnya cara-cara pengeluaran yang lebih baik, perbelanjaan-perbelanjaan yang rendah, kemudahan-kemudahan pinjaman serta perbelanjaan pasaran yang lebih rendah. Soal package deal ini haruslah saya tegaskan oleh sebab perusahaan getah begitu kompleks dan banyak kaitannya di antara satu sama lain. Sekiranya satu sahaja kaitan tertinggal mungkin terbuntu apa-apa juga rancangan yang diusahakan. Di dalam hal ini, saya tidak menafikan bahawa Kerajaan Perikatan sendiri memanglah sedar dan sedang mengambil langkah-langkah yang begitu tegas. Lima Rang Undang-undang yang telahpun dikemukakan untuk perbincangan kita di Dewan ini ialah bukti kesedaran Kerajaan atas soal-soal pokok yang saya sebutkan itu.

Sungguhpun begitu, saya suka juga menarik perhatian Kerajaan bahawa keputusan sesuatu Undang-undang walau bagaimanapun jujur pun asasnya, tidak sentiasa akan dapat menentukan kejayaannya yang diharapkan. Sebagai misal sekiranya dasar kewangan ataupun fiscal policy Kerajaan sendiri tidak disesuaikan dengan hasrat sesuatu undang-undang itu dasar kewangan itu sendiri akan menghalang kejayaan sesuatu rancangan yang digubal melalui sesuatu

undang-undang seperti undang-undang yang sedang dibahaskan sekarang ini.

Keadaan ini mudah pula berlaku melalui sistem cukai yang dikenal sebagai indirect taxation. Saya berharap bahawa pehak-pehak yang berkenaan mengambil berat di dalam soal dasar kewangan atau fiscal policy ini dan mengkaji dengan telitinya samada dasar yang ada sekarang ini sesuai dengan usaha-usaha kita hendak mengatasi soal-soal yang bersangkutan dengan perusahaan getah amnya dan nasib untung pekebun-pekebun kecil khususnya.

Pengeluar-pengeluar getah telah dibebankan dengan bertambahnya perbelanjaan tempatan atau higher local cost walhal mereka sendiri sentiasa berusaha cuba mengurangkan belanja pengeluaran (production cost) untuk menghadapi masalah turun naik hasil mereka.

Kalau harga pengeluaran atau production costnya tinggi tetapi harga hasil yang rendah ini kita tidak akan menimbulkan suasana baik kepada perusahaan getah pada keseluruhannya. Keadaan ini sangatlah merbahaya sekiranya soal perseimbangan harga production dan harga hasil tidak dapat dicapai.

Usaha-usaha yang telah mengambil masa begitu lama dan memakan belanja berjuta-juta ringgit untuk penyelidikan serta mengatasi soal-soal berkaitan dengan perusahaan getah akan terbuang sahaja dan tidak bermakna sekiranya pengeluar-pengeluar tidak dipertahankan daripada harga pengeluaran yang semakin tinggi disebabkan oleh berbagai cukai cara indirect taxation yang saya sebutkan tadi.

Kita haruslah sedar, Tuan Yang di Pertua, bahawa perusahaan getah terutama sekali di kalangan pekebun-pekebun kecil sangatlah mudah terjejas oleh kenaikan kos, harga kenaikan (freight cost) yang terlampau tinggi dan harga-harga yang berlipat ganda yang terpaksa dibebankan oleh pehak pengguna nampaknya disalurkan pula balik kepada pengeluar sendiri. Nampaknya beban yang ditanggung oleh pengeluar ini akan terus-menerus berlaku dan tidak akan tertukar corak kerana ini adalah di luar kuasa kita untuk mengatasinya. Jadi kalaulah keadaan ini tidak bertukar corak, tetapi di samping itu sipengeluar dibebankan pula dengan local cost ataupun perbelanjaan tempatan yang

semakin naik, maka kehidupan sipengeluar semakin lama tentulah terhimpit di tengah-tengah dan tidaklah bermakna lagi. Pengeluar getah yang terdiri daripada estet-estet besar tidaklah begitu teruk oleh sebab mereka sendiri juga ialah pengguna ataupun ada hubungan rapat dengan pehak-pehak pengguna. Tetapi pekebun-pekebun kecil tidak dapat mempertahankan kedudukan mereka. Kalau pengeluar getah kita begitu merana, begitulah nanti ekonomi negara kita.

Berasas kepada pandangan-pandangan inilah, Tuan Yang di Pertua, saya berharap bahawa Kerajaan akan berhati-hati dan meneliti apabila menggubal atau mengkaji dasar kewangan atau fiskal policynya. Saya suka mengesyurkan di sini supaya Kerajaan mengkaji balik fiskal policynya yang ada sekarang ini berasas kepada asas serta semangat undang-undang berhubung dengan perusahaan getah yang sedang dibahaskan sekarang ini. Jangan-jangan nanti keuntungan yang diharap-harapkan nikmatnya oleh pekebun-pekebun kecil kita diheboh-hebohkan sahaja, tetapi hilang tertelan disebabkan oleh dasar-dasar fiskal yang ada sekarang.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'ad (Seberang Utara): Tuan Yang di Pertua, saya mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Pehakberkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah dan saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telahpun mengambil satu tindakan yang agak tegas sedikit untuk hendak memperbaiki kedudukan ekonomi orang-orang yang tidak berada, iaitu pekebun-pekebun kecil.

Sebagaimana yang saya sedia maklum pekebun-pekebun kecil ini terdirinya, saya percaya lebih kurang 2.5 juta daripada rakyat di negara kita ini, termasuk tuannya dan juga orang yang berkaitan, mencari kehidupan berkenaan dengan perusahaan getah pekebun-pekebun kecil ini. Ini adalah satu kumpulan yang sangat besar dan pehak Kerajaan mestilah mengambil satu daya usaha yang positif untuk memperbaiki kedudukan orang-orang yang tidak berada ini.

Bil ini adalah merupakan suatu Bil yang hendak memperbaiki kedudukan pekebun-pekebun kecil dan saya rasa dengan adanya Bil ini sahaja tidaklah akan dapat memperbaiki kiranya tidak ada pengawasan ataupun

pemerhatian yang lebih berat di atas pekebun-pekebun kecil ini.

Tuan Yang di Pertua, manakala saya semak perenggan 6, saya lihat ada tujuan-tujuannya yang tersebut di sini ialah tiga perkara. (a) pentadbiran Kumpulanwang, (b) pengurusan dan pengendalian dan (c) perancangan dan pelaksanaan. Saya dapati tidak ada disebut di dalam tujuan-tujuan ini untuk menjalankan satu usaha menggalakkan penubuhan kilang-kilang perusahaan yang akan menggunakan bahan-bahan getah asli supaya dijadikan barang-barang siap dan untuk dijual dan diekspot ke luar negeri. Saya dapati tujuan-tujuan ini tidaklah meliputi keseluruhannya. Oleh yang demikian saya berharap supaya pehak berkuasa ini akan mengkaji kemungkinan supaya menubuhkan ataupun mengadakan beberapa kilang-kilang perusahaan daripada getah di seluruh negara kita ini dan dimodalkan oleh pekebun-pekebun kecil sendiri dan pekerja-pekerjanya terdiri daripada pekebun-pekebun kecil sendiri dan barang-barang yang dibuat daripada getah ini, Tuan Yang di Pertua, sangat banyak dan bolehlah pakar-pakar menyiasat apakah barang-barang yang sesuai dibuat daripada getah, khasnya untuk digunakan dalam negara kita; yang kedua untuk diekspot ke luar-luar negeri. Saya percaya, jikalau galakan yang akan diberikan oleh Kerajaan untuk menubuhkan kilang-kilang ini mengeluarkan barang-barang yang siap, jikalau kita bertanding, harganya dengan barang-barang yang dibuat daripada luar negeri, saya percaya kita dapat mengatasi harga barang-barang itu dan kita boleh menjual lebih murah, jikalau kita bertanding dengan negara-negara lain.

Saya berharap pehak ini akan mengambil satu daya usaha untuk menyelidik kemungkinan mendirikan kilang-kilang ini dan kita adakan bukan pertandingan pemasaran getah asli, bahkan kita adakan satu pertandingan pengeluaran hasil-hasil atau barang-barang yang sudah siap dibuat daripada getah, sebab gaji pekerja-pekerja kita di sini pun murah; saya percaya perkara ini dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di Pertua, keadaan ataupun kedudukan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Barat yang ada sekarang ini, saya dapati adalah merupakan sebagai sebuah persatuan untuk memberi nasihat ataupun tunjuk ajar, ataupun menyatupadukan pekebun-pekebun kecil sahaja,

tetapi tidaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan sebarang ikhtiar dengan cara sendiri, untuk mengadakan modal, mithalnya sendiri, untuk mengadakan kilang sendiri, untuk pemasaran dan lain-lain. Oleh yang demikian, Tuan Yang di Pertua, untuk hendak memperkemaskan kedudukan pekebun-pekebun kecil ini, saya ingin mengesyorkan supaya mereka ini akan masuk menjadi ahli Persatuan Peladang yang digalakkan oleh Kerajaan penubuhannya di tiap-tiap negeri dan gunakan Undang-undang Persatuan Peladang itu sebagai sebuah badan perusahaan, badan perniagaan, badan memproses, badan pemasaran, badan kredit dan lain-lain. Dengan cara ini sahajalah, saya percaya akan dapat mempercepatkan lagi, memperbaiki kedudukan pekebun-pekebun kecil ini. Jikalau dengan secara yang ada sekarang ini saya tidak nampak dapat mempercepatkan, memperbaiki kehidupan mereka ini. Dengan cara mereka sendiri mengambil bahagian dengan cara sendiri, menurunkan modal, sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan mengurus kilang-kilang atau mengurus perusahaan mereka sendiri. Apa juga peruntukan dibahagikan kepada mereka sendiri. Inilah satu langkah yang paling baik sekali dan saya berharap kepada pihak pekebun-pekebun kecil sendiri ataupun pihak Persatuan Kebangsaan akan mengkaji kemungkinan menubuhkan atau memasuki Persatuan Peladang ataupun bergabung dengan Persatuan Peladang supaya dapat mereka bekerjasama sebagai satu badan yang kuat dan besar.

Tuan Yang di Pertua, Fasal 4 dalam Bil ini menyebutkan berkenaan dengan ahli-ahli yang menjadi sebagai wakil atau ahli Lembaga ini, iaitu tujuh orang wakil-wakil daripada Kementerian, iaitu orang Kerajaan; lima orang sahaja daripada pekebun-pekebun kecil dan dua orang daripada pihak estet. Pada pendapat saya, Tuan Yang di Pertua, wakil yang semacam ini tidaklah begitu adil, sebab perkara ini adalah berkaitan dengan nasib pekebun-pekebun kecil dan patut sekalilah perwakilan daripada pekebun-pekebun kecil ini majoritinya terdiri daripada mereka itu sendiri, bukanlah daripada orang yang lain dan saya harap pihak Kementerian ini akan mengkaji supaya memberi peluang lebih suara kepada wakil-wakil daripada pekebun-pekebun kecil ini, sebab nasib mereka sendiri; mereka akan

menggubal ataupun membuat rancangan-rancangan, membuat dasar bagi kebaikan mereka sendiri dan berkenaan dengan Fasal 4 (i), pihak estet mempunyai dua orang wakil. Sebenarnya pihak estet besar, sebagaimana yang saya anggapkan. Pada pendapat saya, ini tidak kena pada tempatnya yang wakil daripada pihak estet besar ini duduk sebagai ahli Lembaga pihak berkuasa ini, sebab pihak estet besar, mereka mempunyai satu badan yang kemas, yang kuat dan tidak perlu mereka adakan di dalam ahli-ahli pihak berkuasa ini.

Saya harap pihak Kementerian akan mengkaji akan masalaah ini supaya diberi lebih peluang kepada pihak pekebun-pekebun kecil untuk hendak menentukan nasib mereka itu pada masa hadapan.

Tuan Yang di Pertua, satu perkara yang saya agak akan memberi peluang lebih kepada pekebun-pekebun kecil ialah berkenaan dengan dasar tanaman semula yang dilaksanakan sekarang ini. Mengikut dasar ataupun kuasa yang diberi kepada pihak berkuasa ini hendak menggalakkan atau memodenkan pekebun-pekebun kecil untuk menanam getah mereka itu secara moden dan boleh mengeluarkan hasil yang banyak. Ini jikalau harga getah itu terjamin, maka bolehlah kita berikan galakkan kepada mereka itu supaya tanaman dapat mengeluarkan hasil yang banyak. Pada masa 6 tahun ke hadapan misalnya kalau harga getah ini jatuh lagi, saya percaya Kerajaan akan dituduh, kerana Kerajaan tidak mengkaji—menghalusi di atas perkara yang akan datang. Memanglah kita tidak tahu apa yang akan jadi pada masa hadapan. Oleh yang demikian, Tuan Yang di Pertua, saya mengesyorkan pihak tanaman getah semula ini akan membuat satu peraturan yang baharu supaya jikalau seseorang pekebun kecil hendak memohon menanam semula getahnya 5 ekar, maka pihak berkuasa ini akan meluluskan $2\frac{1}{2}$ ekar tanam getah dan $2\frac{1}{2}$ ekar lagi ditanam dengan jenis tanaman yang lain sebagaimana kelapa sawit misalnya, lada misalnya, pala, ataupun benda tanaman yang boleh mengeluarkan hasil. Dengan ini akan memberi satu jaminan kepada pekebun-pekebun kecil sekiranya harga getah jatuh, dia dapat hidup atau dapat hasil daripada ladang ladanya atau pun kelapa sawit, ataupun tanaman yang lain supaya dia mempunyai dua harapan bukan mempunyai satu

harapan sahaja semata-mata bergantung kepada getah sahaja. Inilah yang menyebabkan nasib pekebun-pekebun kecil kita menjadi merosot kerana mereka ini bergantung kepada tanaman getah semata-mata. Saya harap pehak berkuasa ini akan menimbangkan syor saya mudah-mudahan dapat satu perubahan atau pun jaminan baik kepada pekebun-pekebun kecil pada masa hadapan. Dan sekiranya pehak pekebun-pekebun kecil itu berkehendakkan tanaman lada misalnya yang mempunyai pasaran yang baik 100%, 5 ekar dia berkehendakkan tanaman lada benarkan dia tanam lada supaya dia akan mendapat hasil daripada kebunnya dan tidak disalahkan kepada pihak Kerajaan pada masa hadapan.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di Pertua, pekebun-pekebun kecil ini boleh dikatakan semuanya berharap kepada mata pencariannya atau bergantung mata pencarian atas kebun-kebun yang mereka punyai itu. Dan menoreh getah ini—bekerja dengan pekebun-pekebun ini cuma setengah hari sahaja daripada pagi sehingga pukul 12.00 tengah hari barangkali selesailah kerjanya, seorang boleh memesyin getah itu untuk waktu petang. Tetapi pada masa petang mereka ini tidak mempunyai apa-apa kerja di luar bandar. Ini satu masalah yang menyebabkan kekurangan pendapatan daripada pekebun-pekebun kecil sebab kerja mereka itu cuma sehari 4 jam sahaja. Apakah perkara atau jalan yang boleh mereka dapat kerja sambilan untuk hendak menambahkan mata pencarian? Ini satu perkara yang saya harap pehak berkuasa ini akan mengkaji supaya mengadakan projek-projek yang boleh menambahkan mata pencarian pekebun-kecil yang di luar-luar bandar itu. Misalnya diadakan kilang perusahaan cottage industry, atau pun perkara-perkara yang boleh mereka ini menambahkan mata pencarian. Dengan cara sedemikian ini, kita dapat memberi kelebihan pendapatan kepada mereka sekalian.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di Pertua, adalah mengenai masalah tanah-tanah pekebun-pekebun kecil ini yang tergadai. Saya percaya banyak di antara tanah-tanah mereka ini yang tergadai sebab mereka ini meminjam wang daripada pelesen getah mithalnya dengan cara jual janji, manakala tidak dibayar, maka dirampas tanah-tanah mereka itu. Ini satu perkara

yang sangat memberi kesusahan—penderitaan kepada pekebun-pekebun kecil. Mereka ini menjadi sebagai hamba dengan tidak secara langsung, sebab kebun itu kepunyaan orang lain mereka menoreh getah dan mereka tidak mendapat cukup pendapatan daripada titek peluh mereka itu. Dengan yang demikian, saya berharap pehak berkuasa ini akan mengadakan satu dasar supaya dapat menebus kebun-kebun yang telah pun digadai kepada orang-orang yang lain dan dengan cara beransur membayar balik kepada pihak berkuasa sehingga selesai hutang itu dan pulangkan balik tanah yang mereka gadai itu kepada mereka sendiri.

Tuan Yang di Pertua, satu perkara sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sama ada berjaya atau tidak berjayanya adalah bergantunglah kepada pehak pekebun-pekebun kecil sendiri. Saya bersetuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tetapi saya berharap pihak Kementerian ini mestilah mengambil daya usaha untuk memberi penerangan yang jelas kepada pekebun-pekebun kecil di atas segala espek untuk memperbaiki kehidupan mereka itu. Sekiranya tidak diberi penerangan, tidak diberi bantuan, tidak diberi tunjuk ajar kepada pekebun-pekebun kecil sebagaimana kita sedia maklum mereka bukanlah orang-orang yang pandai, atau orang yang bijak, melainkan orang yang mempunyai pelajaran yang rendah terpaksa diasuh supaya mereka ini tahu di atas nasib mereka itu dan mengikut nasihat-nasihat yang diberi kepada mereka itu.

Satu perkara yang saya berharap dapat memberi penerangan kepada mereka yang tegas mengenai cara-cara yang dijalankan oleh orang-orang tengah untuk hendak eksploitasikan kedudukan mereka itu, dengan cara penipuan, dengan cara kekecuan cara bermacam-macam. Inilah di antara perkara-perkara yang merusakkan kehidupan atau ekonomi pekebun-pekebun kecil. Jikalau diberi penerangan yang tegas kepada mereka ini manakala mereka tahu cara-cara yang diexploitasikan oleh orang-orang tengah ini, saya percaya mereka dapat mencari jalan untuk mengelakkan diri mereka itu menjadi mangsa kepada orang-orang tengah. Kerana kita sedia maklum, Tuan Yang di Pertua, ini menjadi sebagai adat dunia yang lemah

menjadi mangsa kepada orang yang kuat dan yang miskin menjadi mangsa kepada orang kaya dan lain-lainnya. Dengan cara semacam ini, Kerajaan mestilah mengambil perhatian yang lebih kepada orang-orang yang lemah ini supaya dapat dipimpin mereka itu untuk mereka dapat berdiri di atas kaki mereka sendiri dengan cara collective responsibility bagi membaiki nasib mereka itu. Dengan cara yang semacam ini, baharulah saya agak dapat mereka itu memperbaiki nasib mereka pada masa hadapan.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya berharap manakala Bil ini sudah diluluskan dan apa yang diusahakan oleh Kerajaan itu akan mendapat satu perubahan yang baik kepada pihak yang tersebut supaya sesuai dan selaras dengan rancangan Kerajaan untuk hendak membaiki nasib orang-orang yang tidak berada itu. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Miri Subis mengatakan getah ini dibawa oleh orang luar dan adanya estet-estet maka pihak-pihak pekebun-pekebun kecil mendapat nikmat daripada usaha atau pun daya utama yang dibawa oleh penjajah dahulu kepada negara kita ini.

Dan jikalau pihak Raja-Raja Melayu dahulu tidak beri tanah kepada orang-orang yang membawa benih getah ini, saya percaya mereka tidak akan mengcap nikmat pada masa ini. Yang tanah itu diberi oleh Raja-Raja Melayu dahulu dan dengan cara penjajahan mereka dapat mengambil seberapa luas tanah yang mereka suka, cuma membayar seringgiti sahaja sebagai satu perjanjian. Jadi janganlah pihak penjajah atau pihak estet-estet ini membangkitkan perkara ini kerana perkara ini adalah satu perkara mereka yang mendapat faedah yang lebih dengan diberi tanah-tanah oleh Raja-Raja Melayu pada masa dulu. Kalau dikaji, ditafsirkan tanah-tanah estet yang ada sekarang ini yang mereka dapat dengan cara percuma pada masa dahulu, saya percaya mereka akan sedar bahawa jasa baik daripada Raja-Raja Melayu dahulu yang dapat mereka ini menanam getah mengadakan estet-estet yang besar dalam negara kita. Saya harap manamana pihak Yang Berhormat janganlah bangkitkan perkara itu. Kalau dibangkitkan lagi barangkali akan ada satu bangkangan daripada pihak-pihak yang ada di sini.

Terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di Pertua, saya bangun sekali lagi menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan sekali lagi mengucapkan tahniah kepadanya kerana Rang Undang-undang ini merupakan satu, kalau tidak pun yang paling penting daripada 5 Rang Undang-undang yang telah dan akan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya menyokong ini kerana saya memandang bahawa ini adalah satu langkah yang positif bagi mempercepatkan dan memperbaiki lagi penanaman semula getah di kalangan pekebun-pekebun kecil.

Saya rasa pehak berkuasa yang mencadangkan ini sepatutnya ditubuhkan 5 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun penubuhan pehak berkuasa ini tidak terlambat sekiranya ia ada mempunyai konsep-konsep, daya usaha atau inisiatif dan pandangan atau imagination yang luas dalam menjalankan tugas-tugasnya yang berat kelak.

Biarlah saya huraikan sedikit apa yang saya maksudkan. Menurut angka-angka sah yang saya perolehi, di Malaysia Barat ada kira-kira 4.2 juta ekar tanah getah. Daripadanya 63% adalah kebun-kebun kecil iaitu kebun-kebun yang kurang daripada 100 ekar dan bakinya 37% itu ialah estet-estet. Berhubung dengan ini biarlah kita semua tahu akan kedudukan mengenai penanaman getah ini dan bila kedudukan ini telah terang baharulah kita boleh memikirkan cara-cara mengatasi kekurangan atau apa-apa keburukannya. Ibarat seorang doktor, sebelum dapat dia memberi ubat yang sesuai, hendaklah diketahui didiagnose terlebih dahulu sebelum diketahui penyakitnya dan demikianlah juga hal pekebun-pekebun kecil dengan masalah penanaman ini. Kedudukan dalam penanaman getah nampaknya sangat menarik. Kalau tidak masakan Yang Berhormat Menteri tadi telah dengan panjang lebar, dengan detailnya menerangkan usaha yang dijalankan oleh R.R.I. selama ini dan usaha-usaha membantu pekebun-pekebun kecil. Ini menunjukkan sangat penting perkara ini.

Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di Pertua, kita ada mempunyai, 4.2 juta ekar tanah terbahagi kepada 37% atau 1.54 ekar bagi estet dan 63% atau 2.65 juta ekar bagi kebun-kebun kecil.

Beberapa tahun dahulu kawasan-kawasan estet ini adalah lebih besar, tetapi baru-baru ini banyak estet telah menukar tanaman getah kepada kelapa sawit dan ada yang dipecah-pecahkan dan dikira sekarang sebagai kebun-kebun kecil. Itulah sebab-sebabnya maka kawasan estet sekarang lebih kecil daripada kawasan kebun-kebun kecil.

Walau bagaimanapun dengan keluasanya sebanyak 1.54 juta ekar itu, estet-estet boleh mengadakan 50% daripada pengeluaran getah di seluruh Malaysia. Ini bermakna dalam tahun 1970 ini angka yang saya dapat, estet-estet dapat mengeluarkan hasil pukluta sebanyak 1,016 pound pada satu ekar berbanding dengan 676 pound pada satu ekar bagi kebun-kebun kecil.

Saya juga telah diberitahu bahawa dalam tahun 1975 kelak, estet-estet akan dapat menambah pengeluarannya daripada pukluta 1,016 pound itu kepada 1,280 pound pada satu ekar.

Ini adalah suatu natijah dan satu hasil daripada beberapa faktor dan yang besarnya sekali ialah tanaman semula dengan benih getah yang tinggi pengeluarannya dan tinggi mutunya. Kalau kita tinjau ke belakang sedikit, dalam tahun 1955, estet-estet hanya mengeluarkan 490 pound seekar, berbanding dengan 1,016 pound dalam tahun 1970 dan 1,280 pound dianggarkan dalam tahun 1975 kelak. Ada kemungkinan dengan adanya penyelidikan getah yang sangat cergas ini bagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, pengeluaran getah ini boleh meningkat kepada 6,000 pound seekar tidak lama lagi. Khabarnya biji-biji benih ini sedang ditanam dalam percubaan.

Saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada kejayaan estet-estet ini ialah untuk membuat perbandingan dengan kedudukan kebun-kebun kecil, dan di sini diharapkan dapatlah kita sekalian memberi panduan kepada Pihak-Berkuasa yang akan ditubuhkan itu.

Banyak orang salah sangka, Tuan Yang di Pertua, bahawa kebun-kebun kecil ini adalah kepunyaan orang-orang Melayu atau bumiputra. Perkara yang sebenarnya patut dijelaskan di sini ialah daripada jumlah 2.65 juta ekar kebun-kebun kecil itu, lebihkurang separuh sahaja kepunyaan orang-orang Melayu. Oleh kerana orang-orang Melayu

boleh dikatakan tidak mempunyai estet, maka jumlah tanah getah dipunyai oleh orang-orang Melayu ialah 31% sahaja.

Berbalik semula kepada kebun-kebun kecil, iaitu pekebun-pekebun getah yang mempunyai kurang daripada 100 ekar. Saya dapati bahawa 2.65 juta ekar kebun-kebun kecil terbahagi kepada lebih kurang 390,000 keping tanah yang mana keping-keping kecil yang bertaburan di sana sini tiap-tiap satunya tidak lebih daripada 3 ekar adalah kepunyaan pekebun-pekebun kecil Melayu. Itulah sebabnya kita salah faham tentang pekebun-pekebun kecil ini kerana bilangannya banyak 370,000 keping-keping ini. Yang ramai pekebun-pekebun kecil ialah orang-orang Melayu, tetapi keluasan tanah-tanah mereka pada keseluruhannya tidak lebih daripada keluasan tanah pekebun-pekebun kecil bukan Melayu yang bilangannya kurang tentang jumlah pemunya, pemilik-pemilik tanah.

Hal ini terjadi oleh kerana dasar pen-jajahan dahulu iaitu orang-orang Melayu bila meminta tanah diberi kurang daripada 10 ekar kerana katanya takut tidak terbela, tidak terjaga. Orang-orang bukan Melayu lain ditegah memiliki keping-keping tanah yang kecil dan mesti meminta secara luas. Dasar ini seperti juga dasar mengilang padi dahulu. Orang-orang Melayu diberi lesen mengilang padi untuk makan sendiri sahaja (home consumption) atau untuk ambil upah sahaja. Tetapi orang-orang bukan Melayu diberi lesen mengilang untuk menjual beras dipasaran.

Di akhir tahun 1972, 92% daripada kawasan estet telah ditanam semula dengan benih-benih yang tinggi pengeluarannya. Tetapi hanya 63% sahaja daripada keluasan kebun-kebun kecil ditanam semula.

Tuan Yang di Pertua, mengikut Buku Merah Rancangan Malaysia Kedua, sungguh pun 63% daripada luas tanah getah yang berjumlah 2.65 juta ekar itu telah ditanam semula, yang bakinya iaitu kira-kira 1 juta ekar masih mempunyai pokok-pokok getah tua iaitu yang kurang susunya itulah kepunyaan orang-orang Melayu, yang saya katakan tadi dan tanah-tanah yang luasnya hanya 3 ekar bagi satu keluarga atau selebih-lebihnya 6 ekar.

Dengan adanya cadangan menubuhkan satu Pihak-Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, dan dengan fact-fact atau kenyataan-kenyataan yang saya terangkan itu, maka banyaklah perkara yang timbul di kepala saya. Hasrat saya, Pihak-Berkuasa yang akan ditubuhkan ini akan menerima cabaran-cabaran dan mengeluarkan hasil-hasil atau natijah dengan seberapa segera.

Di sini biarlah saya sebutkan sedikit apakah cabaran-cabaran itu.

Di masa ini pekebun-pekebun kecil di bayar \$750 bagi seekar dan sekiranya kebun getahnya kurang daripada 5 ekar, ditambah lagi \$50 menjadikan \$800 seekar. Bayaran cara ini telah membolehkan estet-estet menanam semula dan membolehkan 1.6 juta ekar daripada 2.6 juta ekar kebun-kebun kecil ditanam semula. Tetapi yang baki 1 juta ekar itu adalah kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Melayu yang sekiranya mereka menanam semula mereka tidak dapat menoreh getah langsung. Maksud saya sekiranya satu keluarga mempunyai hanya 3 ekar, pendapatan daripada kebun getah itu memang tidak boleh mencukupi kepada keluarga itu. Sekurang-kurangnya satu keluarga mestilah mempunyai 7 hingga 10 ekar sebagai keluasan ekonomik untuk dikerjakan dan memberi pendapatan yang perpatutan, iaitu kira-kira \$300-\$350 sebulan sebagaimana cita-cita dan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Tetapi dengan 3 ekar ini bermakna keluarga itu hanya boleh mendapat \$80-\$120 sahaja sebulan. Bagaimanapun untuk beroleh pendapatan \$80-\$120 ini, 3 ekar itu mestilah mempunyai pokok-pokok getah yang sehat bukan pokok-pokok getah yang tua sekarang ini, yang belum ditanam semula; tetapi sekiranya 3 ekar ini terdiri daripada pokok-pokok getah lama yang saya katakan ini boleh mengeluarkan hanya 250 pound sahaja berbanding dengan 1,016 pound bagi estet pada satu ekar, maka pendapatan keluarga Melayu ini hanyalah kira-kira \$50 sahaja sebulan. Masalah sekarang, Tuan Yang di Pertua, ialah bagaimanakah keluarga ini boleh mengambil faedah daripada rancangan pemanaman semula, sungguhpun ia mengetahui akan gunanya bertanam semula itu? Sekiranya keluarga ini menanam semula ketiga-tiga ekar tanahnya, maka ia tidak akan mendapat apa-apa pendapatan lagi dalam masa 5 tahun yang akan datang

sehingga getah baharu ini boleh ditoreh. Keluarga ini juga tidak dapat menanam beransur-ansur seperti pekebun-pekebun kecil yang mempunyai lebih daripada 10 ekar, iaitu dengan menanam $\frac{1}{3}$ atau 1 ekar pada tahun yang pertama, $\frac{1}{3}$ lagi pada tahun yang ketiga dan yang bakinya $\frac{1}{3}$ lagi pada tahun yang kelima, oleh kerana $\frac{1}{3}$ daripada 3 ekar ini bermakna besar kepadaanya dari segi pendapatan.

Masalah yang seperti ini bukannya masalah satu atau dua keluarga sahaja. Ini ialah masalah sebanyak 250,000 keluarga atau $\frac{1}{4}$ juta keluarga yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Melayu yang mempunyai kebun-kebun kecil yang kurang daripada 6 ekar. Inilah sebabnya maka sehingga hari ini manakala estet-estet dan kebun-kebun kecil yang lebih besar kawasan-nya telah habis menanam semula dan sedang menikmati pengeluaran getah yang tinggi, masih lagi tinggal 1 juta ekar yang belum ditanam, mengikut Buku Merah dan ianya dapat mengeluarkan lebih kurang 250 pound pada tiap-tiap satu ekar.

Masalah ini mestilah diatasi oleh Badan yang hendak ditubuhkan ini. Satu daripada cara-caranya ialah dengan menambahkan lagi bayaran penanaman semula iaitu daripada \$800 kepada tidak kurang daripada \$1,000 cadangan saya bagi tiap-tiap satu ekar yang ditanam semula. Mungkin tambahan ini belum mencukupi dan mungkin juga keluarga yang mempunyai kepingan tanah yang terlalu kecil itu dibeli oleh Badan ini bila ditubuhkan kelak, ini cadangan saya, dan keluarga-keluarga yang terlibat diberi tanah yang lain seperti dalam Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) untuk membolehkan mereka memulakan penghidupan yang baharu di atas kepingan-kepingan tanah yang luasnya lebih ekonomik.

Bila saya mengesyurkan supaya menambahkan wang untuk menanam semula ini, saya memang telah memberi fikiran yang mendalam dalam hal ini. Keluarga yang belum lagi menanam semula disebabkan kebun-kebun mereka yang terlalu kecil itu, telah membayar sumbangan melalui cess penanaman semula pada tiap-tiap pound yang dikeluarkan oleh mereka semenjak cess ini dikenakan ke atas mereka iaitu mulai daripada awal bulan Januari 1952. Tahun ini genaplah 20 tahun program penanaman

semula ini berjalan, iaitu genap satu jenerasi dan beberapa tahun lagi penanaman semula peringkat kedua pula bagi estet-estet dan kebun-kebun kecil yang lebih besar kawasan-nya akan bermula menurut hemat saya. Dalam Peringkat II penanaman kedua ini, saya percaya, estet-estet dan kebun-kebun kecil yang lebih besar akan diberi benih-benih yang membolehkan mereka mengeluarkan lebih daripada 2,000 pound pada tiap-tiap satu ekar. Bagi pekebun-pekebun kecil yang kurang daripada 6 ekar ini, sungguhpun mereka telah membayar cess semenjak 20 tahun yang lampau, iaitu mulai tahun 1952, belum lagi berpeluang menikmati penanaman semula. Oleh itu sekiranya diberikan tambahan kepada mereka untuk membolehkan mereka menanam semula, maka wang tambahan ini adalah terbitnya daripada wang mereka sendiri yang telah terkumpul sejak 20 tahun yang lampau.

Di masa ini, Tuan Yang di Pertua, ada dua saluran cess yang dipungut oleh Kerajaan sebagaimana yang saya ketahui. Cess yang dipungut daripada estet dan cess yang dipungut daripada pekebun-pekebun kecil yang luasnya kurang daripada 100 ekar. Cess ini ialah sebanyak $4\frac{1}{2}$ sen pada tiap-tiap satu pound getah yang diekspot. Cess yang dipungut daripada estet-estet itu dipulangkan balik kepada estet-estet itu tanpa syarat, tetapi cess yang dipungut daripada pekebun-pekebun kecil adalah disimpan dan dibayar balik kepada pekebun-pekebun kecil bila mereka menanam semula. Inilah yang saya katakan tadi bahawa separuh pekebun-pekebun kecil, terutamanya yang tidak berdaya menanam semula, telah membayar cess sejak 20 tahun yang lalu, tetapi sebaliknya tidak berpeluang menerima balik wang bayaran mereka itu. Juga sebahagian daripada cess yang dipungut daripada pekebun-pekebun kecil ini digunakan bagi bayaran Pentadbiran Pejabat Penanaman Semula Pekebun-pekebun Kecil. Ini berjumlah lebih kurang \$10 juta setahun, sungguh pun sepatutnya perbelanjaan Pentadbiran ini dibiayai oleh Kerajaan seperti Lembaga-lembaga dan Badan-badan Berkanun yang lain.

Saya fikir cess sebanyak $4\frac{1}{2}$ sen satu paun ini adalah terlalu tinggi di masa harga getah telah turun dan kepada pekebun-pekebun kecil yang mempunyai hanya 6 ekar ke bawah yang tidak menikmati bertanam semula, cess seperti ini adalah mengambil sebahagian daripada pendapatan mereka.

Saya tidak berhajat mengsyorkan setakat mana cess ini diturunkan, tetapi saya suka mengsyorkan bahawa Badan atau pihak yang berkuasa yang akan ditubuhkan kelak hendaklah mengkaji semula kedudukan cess dan bayaran Pentadbiran bagi tanaman semula, yang diambil daripada wang cess sebanyak \$10 juta setahun itu.

Saya juga sedar bahawa sekiranya cess ini diturunkan maka tidaklah semestinya wang yang diberi balik itu diterima semula oleh pekebun-pekebun kecil—saya faham hal ini, kerana kebanyakan mereka menjual getah mereka kepada estet-estet atau pekebun-pekebun kecil yang lebih besar kawasannya. Pada umumnya, sekiranya cess diturunkan $1\frac{1}{2}$ sen sahaja, pendapatan pekebun-pekebun kecil akan bertambah 5-7% lagi.

Di masa yang lepas saya selalu mendengar rungutan-rungutan bahawa biji-biji getah yang bermutu yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil telah ditukarkan dengan biji-biji getah yang kurang mutunya. Biji-biji getah yang bermutu itu dijual kepada orang-orang lain. Saya tidak tahu samada rungutan-rungutan atau tuduhan-tuduhan itu betul atau tidak. Tetapi saya percaya dengan adanya Pihak-Berkuasa yang akan ditubuhkan itu perkara ini boleh diatasi sekiranya telah berlaku.

Pekebun-pekebun kecil di negara kita mempunyai kira-kira 4.4 juta ekar tanah. Ini termasuk 2.65 juta ekar getah; 1 juta ekar padi; 460 ekar kelapa dan 340 ekar tanaman-tanaman lain. Jumlah keluarga dari pekebun-pekebun kecil ini ialah satu juta. Sekiranya satu keluarga sahaja mempunyai 6 orang (sebelum perancang keluarga berkesan), maka 6 juta orang adalah golongan daripada peladang-peladang termasuk penanam getah, padi, kelapa dan tanaman-tanaman yang lain.

Selain daripada itu, ada kira-kira pula 70,000 lagi orang nelayan di negara kita ini jadi kalau diambil 6 orang pada seorang nelayan, maka ini menjadikan golongan peladang-peladang kecil dan nelayan tidak kurang daripada 6.4 juta. Mereka adalah golongan miskin—dalam subsistence level of living—dan seperti yang kita semua maklum, Dasar Ekonomi Baru Kerajaan adalah ditujukan kepada kumpulan rakyat yang miskin di bandar dan di desa dengan tidak mengira bangsa dan ugama.

Golongan peladang-peladang kecil seramai 6.4 juta itu, iaitu yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil getah, nenas, kelapa, penanam-penanam padi dan nelayan-nelayan merupakan sebahagian besar daripada kumpulan rakyat miskin itu. Ini bermakna sekiranya 6.4 juta dapat diberi jaminan hidup yang sempurna, maka Dasar Ekonomi Baru akan hampir seratus peratus berjaya.

Kerajaan telah membuat langkah-langkah di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk mengatur rancangan-rancangan bagi mencapai tujuan menghapuskan kemiskinan itu. Mithalnya, Lembaga Padi dan Beras Negara ditugaskan untuk membela penanam-penanam padi; FAMA bagi hasil tanaman-tanaman lain; FIMA dan Kilang-kilang Nenas Kerajaan bagi pekebun-pekebun kecil nenas; Jemaah Pemasaran Ikan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi nelayan-nelayan, dan sekarang ini pula akan terdiri suatu Lembaga baru—Pihak-Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah—bagi pekebun-pekebun kecil getah.

Dari segi rancangan pembelaan golongan peladang dan nelayan seramai 6.4 juta ini, nampaknya tiap-tiap seorang peladang, pekebun kecil atau nelayan ada tempat harapan dan perlindungannya dibawah Kerajaan yang ada ini.

Ini bermakna Badan-badan Berkanun ini telah diberi tanggungjawab-tanggungjawab dan tugas-tugas yang amat berat untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru bagi menghapuskan kemiskinan itu.

Pihak-Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah akan memasuki Kelab Badan-badan Berkanun ini, dan adalah diharapkan Badan baharu yang akan ditubuhkan ini tidak dilupakan oleh Kerajaan, terutamanya pihak Perbendaharaan. Ianya ditubuhkan untuk mencapai satu-satu matlamat yang tertentu, dan kejayaannya mestilah diukur dari segi sama ada tercapainya atau tidak matlamat itu, iaitu menghapuskan kemiskinan—dan bukannya diukur hanya dari segi sama ada wang pinjaman boleh dibayar balik kepada Perbendaharaan dengan faedah 6% setahun. Saya bercakap ini ialah dari segi pengalaman.

Tuan Yang di Pertua, begitu juga sebaliknya Pihak-Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah jangan pula lupakan diri dan menghampakan harapan hampir-hampir dua juta pekebun-pekebun kecil getah

yang mempunyai kebun-kebun getah yang tidak ekonomi luasnya dan dari segi pengeluaran dan keluasan kebun mereka.

Penghampaan ini boleh timbul sekiranya Badan ini hanya mengikut garis-garis lama dan tidak mempunyai imajinasi yang luas. Tetapi mengikut apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri pada masa membentangkan tadi ia mempunyai harapan yang baik kerana katanya Kerajaan sengaja berusaha menubuhkan badan ini untuk membetulkan keadaan yang tidak seimbang dan diharapkan supaya pekebun-pekebun kecil mengubah sikapnya. Tentang mengubah sikap ini, kedua-dua pihak kena ubah sikap. Bukan saja pekebun-pekebun kecil tetapi pihak yang sebelah lagi itu pun patut mengubah sikap. Jangan disalahkan pekebun-pekebun kecil sahaja. Mithalnya, dalam perbincangan Rang Undang-undang mengenai penubuhan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, saya telah mengesyorkan pada minggu yang lalu (hari Jumaat) supaya diadakan GMP atau Harga Minima Terjamin bagi getah keluaran pekebun-pekebun kecil sebagai satu langkah menstabilkan harga getah (price stabilization). Dalam masa mengulung perbincangan atas Rang Undang-undang ini di minggu lepas, Menteri Perusahaan Utama telah menolak syor ini dengan beberapa sebab bersandarkan bahawa getah adalah berlainan daripada padi dan lain-lain, susah mengira dan sebagainya, mengikut penasihat-penasihat Yang Berhormat Menteri itu. Saya sendiri sudah berfikir bukan saya hendak mendatangkan syor dengan mendadak sahaja di dalam Dewan yang mulia ini. Fikiran dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini janganlah disingkirkan begitu sahaja dengan mudah, bukanlah hanya penasihat-penasihat dan pegawai-pegawai yang menasihatkan Menteri itu saja yang memikirkan di atas hal ini yang bijak, tetapi kita juga bukan mengeluarkan syor dengan mendadak dengan tidak berfikir. Kita juga bertanggungjawab dan berat tanggungjawab kita terhadap masyarakat dan rakyat yang kita wakili di sini. Jadi saya berharap, walau Menteri mana pun jangan dengan mudah saja menolak dan dengan tidak memikirkan lagi. Hari ini saya bercakap, hari esok terus ditolak—dalam satu malam saja memikirkan hal ini, pada hal saya sudah memikirkan banyak malam.

Tuan Yang di Pertua, dalam hal ini saya sendiri pun faham bahawa G.M.P. adalah rumit diadakan dikalangan pekebun-pekebun kecil getah. Maka dengan sebab rumit itulah adanya badan-badan ini, ada pegawai-pegawainya, adanya R.R.I., adanya macam-macam badan getah di dalam keluarga getah ini yang berkait antara satu dengan lain. Tetapi G.M.P. adalah suatu langkah yang berkesan untuk mencapai kestabilan harga bagi apa-apa juga pengeluaran pertanian. Bagaimana pun G.M.P. bukannya matlamat kita dan saya telah menegaskan dalam ucapan saya minggu lalu bahawa ini bukan suatu matlamat dan satu ikhtiar yang akhir. G.M.P. adalah suatu langkah sementara sahaja. Kalau G.M.P. bagi getah pengeluaran pekebun-pekebun kecil ditolak oleh Menteri Perusahaan Utama tanpa mengadakan apa-apa kajian tentang kemungkinan dan implikasinya dari segi politik, pentadbiran, social dan kewangan, maka apakah garisan-garisan baru atas lunas-lunas baru yang boleh diharapkan tumbuh dalam Badan Baharu ini untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan hampir-hampir dua juta anak buah pekebun-pekebun kecil getah ini.

Tuan Yang di Pertua, langkah-langkah menstabilkan harga (price stabilization) bukannya perkara baru. Setahu saya banyak negara besar di dunia ini seperti Australia, Kanada dan Amerika Syarikat saya negara besar sahaja dan tak payah saya sebutkan negara-negara kecil lagi—telah berhampas pula mengadakannya semenjak sebelum Perang Dunia II lagi. Berbagai-bagai Perjanjian dan Majlis-majlis Perhimpunan Antarabangsa adalah bertujuan untuk menstabilkan harga-harga pengeluaran bahan-bahan utama atau primary commodities. Ini termasuklah bahan-bahan seperti bijih, kopi, teh, tembaga, gula, gandum dan juga wool (bulu) daripada binatang-binatang. Berbagai-bagai langkah sedang diambil dari satu masa ke satu masa oleh negara-negara yang menjadi ahli-ahli perjanjian-perjanjian atau majlis-majlis antarabangsa ini supaya sesuai dengan keadaan pengeluaran yang dengan kehendak masa dan pasaran dunia.

Bijih misalnya mempunyai harga rendah terjamin atau dikatakan "international Floor Price" antarabangsa. Langkah ini memberikan kesan yang sama seperti G.M.P. juga. Semua negara pengeluar bijih mengadakan tabung wang untuk memastikan bahawa

harga bijih tidak jatuh ke bawah daripada harga serendah-rendah atau "floor price" itu. Getah tidak mempunyai peraturan G.M.P. seperti bijih. Tetapi kita semua tahu dan Dewan ini telah meluluskan peruntukan untuk membolehkan Kerajaan membeli getah asli di pasaran dunia sebagai satu langkah mengelakkan kejatuhan harga getah. Ini telah kita luluskan dalam sidang yang lalu.

Ini adalah langkah yang elok, baik dan berjaya. Tetapi kalau Kerajaan boleh membeli getah pengeluaran negara-negara lain terutamanya negara-negara daripada Indonesia dan Sri Lanka di pasaran dunia, tanpa caruman daripada mereka, mengapakah, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan tidak boleh memikirkan satu rancangan "Price stabilization" bagi getah pekebun-pekebun kecilnya sendiri?

Tuan Yang di Pertua, saya mengulangkan soal kestabilan harga atau "price stabilization" kepada pekebun-pekebun kecil ini ialah kerana saya yakin dan percaya bahawa sekiranya pendapatan pekebun-pekebun kecil yang mempunyai keluasan di bawah daripada 5 atau 6 ekar yang saya katakan minggu lepas itu tidak terjamin, mereka tidak akan menanam semula. Sudah 20 tahun mereka tidak menanam semula. Ini bermakna satu juta ekar yang tinggal lagi itu tidak akan menikmati hasil pengeluaran yang lebih daripada 250 pound seperti sekarang ini pada satu ekar berbanding dengan lebih kurang 1,000 pound sekiranya ditanam semula.

Apakah daya mereka untuk mengelakkan kelaparan dan kebuluran sekiranya mereka dipaksa menanam semula tetapi had bayaran tanaman semula tidak berubah, harga getah semakin turun, cess tidak dikurangkan dan G.M.P. kepada mereka ditolak terus.

Tanggungjawab-tanggungjawab dan tugas-tugas yang Pehak-Berkuasa ini memang berat. Dan saya anggap dengan sebab berat diadakan satu badan khas untuk memerhatikan dan menimbangkannya serta mentadbirkannya. Harga getah pada ramalan saya memang di jangka semakin turun—turun sehingga 34 sen satu pound di akhir tahun tujuh puluhan ini. Sekiranya Pehak-Berkuasa ada mempunyai rancangan menghapuskan kemiskinan, buatlah sekarang sebelum terlambat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di Pertua, saya adalah menyokong di atas Rang Undang-undang ini, tetapi tidak hendak bercakap panjang-panjang cuma tiga empat perkara yang penting.

Sebagaimana saudara saya Ahli dari Muar Dalam tadi telah berkata pekebun-pekebun kecil adalah sebanyak 63% banyaknya di Malaysia ini, selainnya adalah pekebun-pekebun besar, daripada itu lebih kurang $\frac{1}{2}$ juta terdiri daripada pekebun-pekebun kecil.

Pada masa sekarang mereka ada persatuan buruh, persatuan pekerja-pekerja dan juga ada persatuan-persatuan lain untuk membela nasib rakyat di Tanah Melayu ini, tetapi persatuan pekebun-pekebun kecil ini nampaknya kurang sangat mendapat sambutan. Dengan sebab itu, saya fikir baharu-baharu ini saya telah mendengar dan membaca dalam akhbar tentang persatuan pekerja-pekerja telah mendapat lesen untuk menubuhkan sebuah bank di Malaysia ini bagi meninggikan taraf hidup pekerja-pekerja di kilang-kilang, dengan sebab itu, maka $\frac{1}{2}$ juta manusia yang hidupnya bergantung kepada getah mereka ini adalah orang-orang yang miskin belaka yang mempunyai lebih kurang di antara tiga dengan lima ekar seorang. Sudah bertahun-tahun mereka telah bekerja daripada pagi hingga sampai ke petang, pendapatan mereka terutamanya sekali pada hari ini sangat-sangat kecil.

Pada hari ini boleh dikatakan mereka makan cuma satu hari sekali sahaja. Dalam Rancangan Lima Tahun Kedua ini Kerajaan hendak membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, di antara rakyat-rakyat yang lain ini terdiri 500,000 saya katakan tadi pekebun kecil. Jadi bagaimana untuk meninggikan taraf hidup, satu daripadanya saya fikir iaitu oleh kerana persatuan pekerja-pekerja tadi telah mendapat lesen untuk mendirikan bank di Malaysia ini, sepatutnya Kerajaan juga menimbang persatuan pekebun-pekebun kecil juga mendapat satu lesen bank supaya dapat mereka ini meninggikan taraf hidup mereka. Jika mereka ini dapat lesen bank maka pada satu hari akan datang barangkali lima tahun yang akan datang

pekebun-pekebun kecil ini bolehlah mengubah nasibnya untuk meminjam wang bagi membesarkan lagi kebun mereka ataupun membuat perniagaan yang lain.

Yang kedua iaitu berkenaan dengan kilang-kilang. Pada hari ini Kerajaan mendirikan kilang-kilang, saya nampak di kawasan-kawasan pekebun-pekebun kecil, tetapi saya ingatkan kepada Kementerian yang bertanggungjawab ada juga orang-orang yang hendak masuk ke dalam kawasan-kawasan ini untuk mendirikan kilang. Apabila mereka ini masuk Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen untuk mendirikan kilang-kilang di dalam kawasan pekebun-pekebun kecil, maka tujuan Kerajaan akan kecewa kelak. Dengan sebab itu, saya harap Menteri yang bertanggungjawab ini mengambil perhatian yang berat oleh kerana Kerajaan sekarang bermati-matian untuk membasmi kemiskinan, untuk mendapat grade getah yang lebih baik lagi untuk mendirikan kilang haveacrum di kawasan-kawasan luar bandar di mana banyaknya pekebun-pekebun kecil.

Yang ketiga iaitu berkenaan dengan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Barat. Saya harap Menteri yang bertanggungjawab untuk mengiktiraf satu sahaja persatuan pekebun-pekebun kecil Malaysia ini, Malaysia Barat, oleh kerana banyak badan-badan yang kecil lagi. Jadi diharap untuk mengiktiraf satu badan ini sahaja oleh kerana badan ini mempunyai lebih kurang 320,000 orang registered members dan paid members 20,000 orang.

Yang keempat berkenaan dengan rubber cess tadi, sebagaimana saudara saya Ahli dari Muar Dalam tadi menyatakan rubber cess dipotong $4\frac{1}{2}$ sen tiap-tiap satu paun getah. Jika ada bank persatuan kebangsaan pekebun-pekebun kecil ini maka wang itu ditaruh dalam bank ini sahaja. Pada hari ini, saya ingat berjuta-juta ringgit adalah kepunyaan pekebun-pekebun kecil dan wang itu bolehlah dibesarkan lagi, ataupun diperniagakan lebih besar lagi untuk persatuan pekebun-pekebun kecil di Malaysia Barat atau Malaysia Timor. Saya tidaklah hendak bercakap panjang di atas perkara ini, kerana dua tiga hari dahulu saya telah mengambil bahagian di atas perbincangan bagi perkara-perkara ini juga, maka dengan sebab itu saya berharap sangat kepada Menteri yang bertanggungjawab supaya

memikirkan dapat ditubuhkan satu bank kepunyaan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Barat ataupun Timor.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong penuh Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Kumpulan Wang Perusahaan Getah, 1972.

Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan jika dapat dipertimbangkan bantuan penuh kepada Pekebun-pekebun Kecil.

Semenjak 1952 hingga sekarang Kerajaan hanya memberi bantuan kepada Pekebun-pekebun Kecil sebanyak $\frac{1}{3}$ sahaja. Dahulunya Pekebun-pekebun Kecil yang mempunyai lebih daripada 10 ekar, diberi bantuan hanya $\frac{1}{3}$ dan yang mempunyai 5 ekar ke bawah diberi bantuan penuh. Saya merayu dalam hal ini jika dapat Kerajaan memberi bantuan penuh sehingga kepada 20 ekar. Bantuan kepada bakinya, iaitu $\frac{1}{3}$ lagi patut Kerajaan menimbangkannya supaya dapat mereka mendapat bantuan penuh. Oleh sebab keadaan taraf hidup dan segala-segalanya sudah naik pada masa sekarang ini, maka saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi bantuan lebih daripada dahulu sekurang-kurangnya \$1,250 seekar.

Tuan Yang di Pertua, jumlah tanam semula Pekebun-pekebun Kecil semenjak tahun 1952 hingga sekarang ini ialah 1.3 million ekar. Penanaman sebanyak 1.3 million ekar ini sudah pun berjaya dan diucapkan terima kasih kepada Kerajaan. Sebahagian daripada bantuan getah tanam semula yang saya sebut di atas, mereka ini tidak mendapat benih getah yang baik. Dalam masa 20 tahun ini banyak perubahan telah dan sedang berlaku, umpamanya benih-benih getah yang diberi dahulu tidak begitu bagus kalau dibandingkan dengan sekarang. Oleh yang demikian Kerajaan patut membuat siasatan untuk mengkaji bagaimana Kerajaan boleh menolong Pekebun-pekebun Kecil dalam usaha mereka untuk meninggikan pendapatan mereka.

Cadangan ini bukan sahaja boleh meninggikan taraf pendapatan Pekebun-pekebun Kecil, tetapi juga boleh mengeluarkan lebih

hasil getah daripada masa-masa yang lalu. Apabila Rang Undang-undang Pasaran telah diluluskan saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan untuk memberi tumpuan kepada Pekebun-pekebun Kecil.

Sekian, Tuan Yang di Pertua, terima kasih.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah yang telah dimajukan oleh Yang Berhormat Menteri.

Maksud Rang Undang-undang ini ialah dengan tegasnya menolong pekebun-pekebun kecil. Saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, kalau tidak adanya Rancangan Malaysia Yang Kedua yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri barangkali untung nasibnya pekebun-pekebun kecil ini terus terbiar. 20 tahun luput—20 tahun hilang, kita berbalek ke tapak yang lama. Kononnya, Tuan Yang di Pertua, di kalangan pekebun-pekebun kecil penanaman semula getah telah pun dimajukan 60%. Saya tidak berani hendak berkata adakah statement itu betul atau tidak, tetapi mengikut undang-undang tanam semula, penanaman sampai 15 tahun, maka kawasan itu berhak ia memohon menanam semula. Jadi berulang-ulang, bermusim-musim, berpusing-pusing, harus 60% yang telah dinyatakan ditanam itu tidak sampai 60%. Oleh sebab itulah penderitaan di kalangan pekebun-pekebun kecil sangat terok, sangat berat.

Di dalam hal ehwal memerhatikan kedudukan pekebun-pekebun kecil ini yang telah lampau, Tuan Yang di Pertua, telah pun diharapkan kepada satu Jawatankuasa sebanyak 17 orang dinamakan Rubber Producers Council. Pengerusinya ialah seorang Melayu, tidak usah saya sebutkan namanya. Kemudian daripada Rubber Growers Association ada 4 orang, Malayan Estate Owners Association 3 orang, United Plantation of Malaya 3 orang, Smallholders Association 5 orang, daripada FELDA seorang, jumlahnya 17 orang.

Saya sangat-sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana susunan RISDA yang ada di hadapan kita masa ini, maka diberi peluang yang lebih luas kepada ahli-ahli atau wakil-wakil daripada pekebun-pekebun kecil. Saya berpendapat,

Tuan Yang di Pertua, sungguhpun begitu luas ladang Pekebun-pekebun Kecil 5 orang, saya maseh tidak yakin yang 5 orang ini boleh membantu pekebun-pekebun kecil yang begitu ramai orangnya dan yang mana saya telah menyatakan terlebih dahulu tadi untung nasib mereka itu terbiar selama ini. Rancangan yang telah dijalankan menelan belanja berjuta-juta ringgit tidak sampai ke mana. Jadi usaha yang 20 tahun ini langsung tidak memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil. Pendek kata, Tuan Yang di Pertua, 5 orang ini tidak cukup bagi orang-orang yang akan memerhati kedudukan pekebun-pekebun kecil. Saya mengesyorkan sekurang-kurangnya 10 orang mesti diberi kepada wakil pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di Pertua, dalam cara bertanggungjawab kami Ahli-ahli Parlimen pun, bukan orang Melayu sahaja, saya tidak suka sebutkan di sini nama mereka itu dan saya tidak suka duduk dalam bakul untuk mengangkat diri sendiri, kerana menolong untung nasib orang-orang yang tidak begitu nasib baik. Kita telah berjalan secara diam-diam hampir-hampir dua tahun dan pada 14hb Ogos, 1972 ini kita telah berjaya mengumpulkan seramai 16,831 orang ahli yang membayar. Seorang ahli membayar yuran masuk ialah \$1.00 dan yuran seumur hidup \$10.

Ahli yang ramai sekali ialah datang daripada negeri Perak, iaitu seramai 6,128 orang berbanding, dengan ahli yang berjalan selama 20 tahun; negeri Perak cuma ada dua orang ahli sahaja, negeri Pahang ada 136 orang, negeri Johor ada 420 orang, Negri Sembilan ada 130 orang, dan negeri Melaka ada 10 orang. Jumlahnya 698 orang.

Tuan Yang di Pertua, oleh sebab itulah saya telah nyatakan terlebih dahulu tadi terbiarnya untung nasib pekebun-pekebun kecil ini kepada Jawatankuasa yang mana pekebun-pekebun kecil sudah pun memberi mandat kepada mereka itu sepenuhnya melihat mereka itu, tetapi mereka tidak menjalankan tanggungjawab mereka itu dan saya terasa berat hati hendak menyebutkan nama Setiausahanya di sini, kerana berasa embarrassing juga, tetapi beliau tahu bahawa ahli daripada negeri Perak cuma ada dua orang, walaupun pekebun-pekebun kecil dalam negeri Perak beribu-ribu orangnya. Beliau biar juga dua orang ini berjalan sampai 20

tahun di depan mata beliau. Oleh sebab itu, saya rasa orang-orang ini, yang duduk di dalam Rubber Producers Council yang selama 20 tahun ini mereka telah mengkhianati kedudukan pekebun-pekebun kecil. Oleh sebab itulah pekebun-pekebun kecil sangat menderita.

Dengan susunan yang baharu ini, yang saya telah nyatakan terlebih dahulu, kita mempunyai 16,000 lebih ahli-ahli, saya mengambil peluang dalam Dewan yang bertuah ini kerana dengan daya usaha Ahli Yang Berhormat dari Temerloh, dibantu oleh Pegawai-pegawai Menanam Semula dan rakan-rakannya Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri, dapat menolong pekebun-pekebun kecil dengan secara bersar-besaran.

Tuan Yang di Pertua, kami daripada pihak pekebun-pekebun kecil juga mengambil peluang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kerana telah dapat janji dan setengah-setengahnya sudah dapat tanah, tanah hutan belantara, yang mana kami akan usahakan bagi pehak pekebun-pekebun kecil, sampai hari ini kita telah dijanjikan 150,000 ekar, maka dengan sokongan daripada ahli-ahli pekebun-pekebun kecil kita, kita akan majukan satu rancangan yang berkesan kepada Yang Berhormat Menteri, di mana pekebun-pekebun kecil yang tidak ada economic holding, kita akan berikan secara bonus share di tanah-tanah yang baharu ini, di mana kita telah dapat tahu pekebun-pekebun kecil ini enggan menanam semula tanaman mereka itu di tanah mereka masing-masing kerana cuma itulah sahaja harta mereka yang ada pada sisi mereka itu masing-masing. Kalau mereka tumbangkan tanaman-tanaman ini dan di tanami dengan yang baharu, maka pendapatan mereka itu akan tertutup sama sekali. Berpanduan pada pendapat ini, Tuan Yang di Pertua, kami telah majukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tanah hutan di mana kita akan tanami tanah-tanah ini dan apabila tanah-tanah yang baharu itu mengeluarkan hasil, maka tanah yang lama ini, pekebun-pekebun kecil masing-masing atau pun menerusi Syarikat Kerjasama akan memajukan kebun-kebun yang asal itu. Kami percaya dengan jalan ini satu daripada caranya yang kita akan dapat menolong orang-orang yang tidak begitu bernasib baik dikalangan kita dan juga menolong Kerajaan sekali. Barang diingat, Tuan Yang di Pertua, banyak juga Ahli-ahli PEKEMAS di negeri

Perak, daripada P.P.P., daripada D.A.P., iaitu dari Sitiawan, sudah banyak memasuki Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia Barat ini. Jadi, hendaknya, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Batu jangan menuduhkan kami mengatakan ini ialah rancangan untuk UMNO sahaja. Beliau sendiri bolehlah duduk diam-diam di Kuala Lumpur ini dan kami akan usahakan untuk faedah partinya di sana.

Tuan Yang di Pertua, pada muka 5, Fasal 9, saya tidak berapa sedap hati sedikit di sini, iaitu saya minta kebenaran Tuan Yang di Pertua, membaca, iaitu berbunyi:

"I. Pehak-berkuasa itu hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan-arahan"

Saya berpendapat Yang Berhormat Menteri tidak berapa tegas. Daripada mula-mula Menteri tidak berapa tegas. Barangkali Menteri yang muda ini telah pun di salah-nasehatkan oleh pegawai-pegawainya. Saya berpendapat pada diri Menteri itu kuasanya sudah longgar. Sepatutnya, perkataan "Pehak-berkuasa itu hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri dan" hendaklah dipotong. Dan "Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan-arahan". Jadi jangan lagi orang yang di bawah bertanggungjawab terhadap orang yang di atas. Orang yang di atas sepatutnya memberi hukuman kepada yang di bawah, baharulah nasib pekebun-pekebun kecil ini dapat di bela, Tuan Yang di Pertua. Apa lagi hendak berliku-liku, terus bagi arahan kepada Jawatankuasanya. Saya harap pandangan saya ini dapat perhatian daripada pihak Menteri.

Di muka 2, saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, Fasal 4 (f) Pengarah Pusat Penyelidikan Getah Malaysia; dan mana-mana Pengarah pun selalunya bijak. Berpandukan kepada pengalaman saya yang sudah-sudah, Tuan Yang di Pertua, saya takut dan curiga terhadap orang-orang yang bijak-pandai bagini duduk di dalam Jawatankuasa ini. Saya berpendapat, orang yang bijak bagini biar beliau duduk di luar conference room. Kalau kita hendak apa-apa pertolongan, kita minta daripada beliau. Jangan dibiarkan beliau duduk di situ. Kalau beliau duduk di situ, semua ahli-ahli boleh dipengaruhi oleh beliau seorang sahaja, Tuan

Yang di Pertua. Saya harap Pengarah Penyelidikan itu tinggal di luar. Jangan dimasukkan menjadi ahli. Kita co-opt beliau bila-bila kita hendak tetapi jangan beliau berusaha dan duduk di dalam Jawatankuasa, beliau boleh mempengaruhi, pandai, bijak, pintar dan Undang-undang ini tidak boleh berjalan. Tinggalkan beliau dan gantikan dengan orang yang lain.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di Pertua, saya suka mendatangkan syor di sini, iaitu jangan kita mengusahakan cuma menanam semula. Pehak R.R.I. telah berbangga dengan pendapatan mereka, dengan Tj. I dan sebagainya. Saya rasa kalau saya tidak silap, kalau saya silap tolong betulkan, usaha yang pertama Tj. I dan sebagainya datang daripada Indonesia, kita di sini cuma copy-cat sahaja. Daripada situlah kita dapat tree, part tree dan sebagainya. Itu semuanya perkara baharu sahaja, tetapi pokoknya kita dapat daripada Indonesia. Daripada itu kita lebihkan sedikit. Kita tidak boleh berasa bangga sangat.

Saya mendatangkan pandangan, Tuan Yang di Pertua, iaitu bukan kita tanamkan baharu sahaja bahkan memikirkan orang-orang yang di luar bandar dan orang-orang yang tidak ada economic holding ini. Apabila pokok-pokok itu telah ditanam dan membesar dan memberi hasil, jangan kita berhenti di situ sahaja bantuan dan nasihatnya, bahkan kita beri baja ataupun perkara-perkara yang lain supaya hasilnya selalu, sentiasa mengeluarkan hasil yang berpatutan dan lebih lagi kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di Pertua, saya pun bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor memikirkan banyak sangat Persatuan Pekebun-pekebun Kecil, dan berbagai-bagai pertubuhan yang ada dan di setengah pertubuhan itu cuma ada seorang dua sahaja. Mereka membayar wang, oleh itu, saya berfikir ialah \$500 bayarannya pada tiap-tiap tahun kepada Persatuan itu dan mereka dapatlah menghantar wakil mereka. Wakil mereka itu tidak lain dan tidak bukan bahkan mereka sendiri.

Oleh sebab itu, orang-orang ini yang bogus representative, saya harap Menteri mengambil pandangan yang berat di atas telatah orang ini dan cuma mengiktirafkan satu sahaja Persekutuan Pekebun-pekebun Kecil yang wang simpanannya ada pada hari ini sehingga 14hb Ogos, 1972 berjumlah besarnya ialah

\$159,775. Wang ini datangnye daripada kocik ahli masing-masing. Saya tegaskan, saya menyokong kuat pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor supaya Yang Berhormat Menteri mengikhtiraf cuma ini satu iaitu Persekutuan Pekebun-pekebun Kecil untuk faedah pekebun kecil untuk memperjuangkan untung nasib mereka itu pada hari yang akan datang apabila luasnya Bil ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya cuma hendak membangkitkan dalam perkara-perkara yang mungkin tidak dibangkitkan oleh rakan sejawat saya dan juga ada beberapa perkara yang perlu saya berikan sokongan.

Tujuan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di Pertua, ialah Undang-undang bagi Pehakkuasa Kemajuan Pekebun kecil Perusahaannya Getah bagi memajukan pekebun-pekebun kecil kita. Saya akan memberikan rumusannya kalau hendak memajukan pekebun-pekebun kecil kita ini.

Yang pertama sekali, baja hendaklah cukup dan menjaganya dengan sempurna.

Yang kedua, menoreh getah dengan teknik baharu.

Yang ketiga, memproses getah cara bentuk baharu.

Yang keempat, pasaran yang wajar dan adil.

Yang kelima hendaklah diwujudkan Bank Persatuan Pekebun-pekebun Kecil kita sebagaimana yang dikemukakan oleh rakan sejawat saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor baharu sebentar tadi.

Tuan Yang di Pertua, berbalik kita pada masaalah hendak memajukan pekebun kecil ini yang penting sekali ialah bantuan, bantuan yang ada sekarang \$750 tidak mencukupi, hendaklah ditambah sekurang-kurangnya \$1,000. Sebab keadaan ini, kalau berkehendakkan pekebun-pekebun kecil ini maju hendaklah kita tambah, sebab keadaan tanahnya menghendakkan baja yang lebih, keadaan tanahnya berkehendakkan pagar, keadaan tanahnya berkehendakkan parit, keadaan barang hari-hari mahal. Jadi dengan bantuan yang kita beri sebanyak \$750 atas

rancangan ini, ianya tidak akan memajukan pekebun-pekebun kecil kita. Saya telah mengutarakan dalam Dewan yang lalu asalnya pekebun-pekebun kecil ini mendapat \$600, saya syorkan sampai \$750 atau \$800 sekarang saya sokong rakan sejawat saya supaya diberi tambahan. Ini bukan wang Kerajaan, wang cess daripada pekebun-pekebun kecil, kerana memajukan pekebun-pekebun kecil, kenapa Lembaga ini mesti lokek pada memberikan masaalah bantuan ini.

Satu perkara lagi, saya fikir pegawai menanam semula yang ada sekarang tidak begitu sempurna. Banyak juga kemajuan kita telah terima, tetapi pada masa akan datang hendaklah diberikan mereka itu latihan-latihan seperti pegawai-pegawai lain selain daripada dia menyampaikan baja, memeriksa tanah hendaklah diberi dia satu kursus yang boleh menasihatkan pekebun-pekebun kecil ini supaya getah itu subur dan baik. Kalau langkah ini kita buat, insha' Allah hasrat tujuan Undang-undang ini akan dapat dilaksanakan. Kalau kita gunakan keadaan Pegawai-pegawai Tanam Semula Getah sekarang atau penasihat yang ada sekarang, akan keciwa juga pekebun-pekebun kecil kita. Kita berikan mereka latihan, apa salah pakar-pakar semuanya ada. Ini demi kepentingan pekebun-pekebun kecil.

Satu perkara lagi, saya hendak memperkatakan dalam masaalah ini iaitu dalam masaalah pokok getah bahawa pokok getah ini satu pokok yang telah Tuhan jadikan di alam Malaysia ini kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala di antara 100 lebih negara-negara dalam dunia ini cuma 17 buah negara sahaja yang boleh ditanam pokok getah, yang paling suburnya di Malaysia dengan adanya badan research kita—R.R.I. kita akan mengkayakan negeri ini, akan mengkayakan rakyat dengan baiknya diperbetulkan pekebun-pekebun kecil kita ini. Jadi yang ada pada pokok getah itu satu tahun kita boleh toreh hanya 8 bulan. R.R.I. ini kena kaji, siasat, selidik masa kesemasa.

Pertamanya tidak boleh ditoreh dengan sebab tengkujuh.

Yang keduanya, tidak boleh ditoreh dengan sebab daun itu gugur. Tengkujuh atau hujan ini, kita tidak boleh tahan, tetapi di pokok getah yang boleh menahan daripada dialir oleh air. Jadi kita tahan pokok

getah itu daripada dialir—Pokok getahnya boleh ditoreh. Ini boleh diusahakan oleh Ahli-ahli teknik, ahli-ahli pakar teknologi, ahli sains kita.

Yang keduanya, pokok getah yang satu tahun gugur daunnya satu kali, kita cari ikhtiar supaya daunnya gugur tiga kalikah, atau empat tahun sekalikah, jadi dengan itu susunya kita dapat ambil tiap-tiap tahun lebih 8 bulan atau 9 bulan. Ini satu perkara yang saya fikir ahli sains boleh buat.

Satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan dalam masalaah ini ialah getah kita yang ditanam oleh pekebun-pekebun kecil ini boleh ditoreh dalam masa 6 tahun. Ahli-ahli pakar, ahli sains, ahli rubber research kita cuba buat kajian supaya daripada 6 tahun kita boleh toreh 4 tahun, cari benih yang baik—mutu yang baik. Jadi kalau 4 tahun kita untung, Tuan Yang di Pertua, kita untung 2 tahun pada menjaga dan memelihara dan mengeluarkan hasil.

Saya memberi tahniah kepada Kerajaan yang telah mengharamkan benih yang disebut Tj. I dan juga satu benih yang dinamakan benih Cantas. Satu lagi saya minta dengan kerjasama badan ini memberitahu Lembaga Tanah Kebangsaan supaya pada masa akan datang siapa juga hendak menanam getah dalam negeri ini diharamkan jangan tanam getah para. Hendaklah dibuat syarat dalam grannya ditanam getah baka yang moden, diharamkan dia tanam getah para sebab orang kampung ini, dia tahu asal ada getah, dia cocok, tanam—habis cerita; ada hasil tak ada hasil, tunggu dia kata sudah bagus. Katanya dia ada kebun getah 6 ekar, tetapi bila ditoreh cuma dapat 6 kati sehari. Keadaan ekonominya sentiasa susah. Kita hendak betulkan. Dan Lembaga ini hendaklah menunjukkan berapa ekar getah yang ekonomi ditanam oleh penanam-penanam getah kita. Kita jangan benarkan ditanam tiga empat ekar lagi sekurang-kurang 8 ekar. Dengan keadaan ini dapatlah perubahan hidup, dapatlah menikmati kemajuan pada pekebun-pekebun kecil kita. Dan saya mengesyurkan kepada Lembaga ini supaya memberikan benih-benih biji getah yang disebut PBIG, ini memang terpuji—diakui, jarang-jarang pekebun-pekebun kecil dapat, yang dapat ialah ladang-ladang besar. Benih ini hendaklah kita berikan kepada pekebun-pekebun kecil.

Lagi satu kita beri pokok yang telah ada dikahwinkan—sudah ada tunasnya. Ertinya kita akan membuat tempat semaian yang begitu banyak daripada tempat semaian ini kita akan tawarkan kepada pekebun-pekebun kecil kita samada dia mengambil PBIGkah atau mengambil tunggul yang sudah dikahwinkan. Tunggul yang sudah dikahwinkan kalau diberi kepada pekebun-pekebun kecil, Tuan Yang di Pertua, boleh pantas—boleh ditoreh dalam masa lima tahun. Ini telah diamalkan, tetapi tidak ada dinasihatkan kepada pekebun-pekebun kecil. Pekebun-pekebun kecil mengambil benih luar-luar, lima tahun boleh ditoreh. Saya harap Lembaga ini berbuat begitu juga, dan masa menghantar benih ini hendaklah mendengar nasihat tempatan, sebab kadang kadang kawasan itu, katalah di Kuala Lumpur ini hujan, tetapi kami di Johor sana panas—kemarau jadi hendaklah didengar nasihat Pegawai Tanam Semula di tempat itu. Kalau tempat ini sudah sesuai boleh dihantar benih-benih ini, tidaklah membazir. Sekarang dihantar dengan mata tunas, mata tunas ini macam-macam masalaahnya akan timbul. Saya harap cadangan saya ini dapat difikirkan; saya ini bukan expert tetapi telah saya alami pada pekebun-pekebun kecil, dia tanam tunggul yang ada tunas ini berjaya.

Lagi satu, Tuan Yang di Pertua, saya sangat menyokong rancangan menanam getah semula berhubung dengan kahwin hijau. Kahwin hijau ini, dia boleh pantas mengeluarkan hasil 5 tahun sahaja. Anaknyanya kita tanam baharu 5 bulan kita boleh kahwinkan, namanya kahwin hijau, ini sangat baik. Kita boleh cadangkan kepada pekebun-pekebun kecil atas tiga benih yang boleh memajukan—yang boleh menderaskan mendapat hasil dan mengurangkan kerja membersihkan kawasan itu.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, satu perkara yang saya hendak cakapkan dalam masalaah ini juga, dalam Bill ini, sekarang pehak yang berkenaan juga pekebun getah ini kurang memberi perhatian kepada penyakit-penyakit yang kena kepada kebun getah pekebun-pekebun kecil.

Pertama, sekarang penyakit getah ini yang saya tahu penyakit cendawan. Dia boleh merebak sampai berpuluh batang.

Yang kedua, ada satu penyakit, penyakit kulit getah itu tidak ada susu. Bila ditoreh dua tiga tahun sudah tidak ada susu.

Yang ketiga, satu penyakit batang reput bila dipukul ribut taupan berpuluh-puluh ekar dan beratus-beratus ekar.

Pada pokok yang dipukul ribut ini mestilah tidak boleh tahan. Ini kejadian alam, tetapi pehak RRI, dia boleh mengkaji pokok itu supaya dilitkan sadikit. Ada jenis pokok getah yang liat. Ertinya dipukul ribut, dia tidaklah boleh patah dengan pantas. Ini, Tuan Yang di Pertua, kalau satu kawasan baru ditanam boleh ditoreh satu tahun dua tahun dipukul ribut, menangis hamba Allah itu. Bagi pehak badan ini bolehkah tanggung, bayar sagu hati? Kata hendak memajukan pekebun-pekebun kecil. Lebih lain masalah beribu-beribu ekar. Kalau 900 ekar ditumbangkan, 100 ekar dia ada. Tetapi dalam pekebun-pekebun kecil kita, kalau 5 ekar di tiup ribut taupan, 5 ekar jahanam. Melarat nasib hidupnya. Ini semua kita hendak fikirkan. Menurut hemah saya, Tuan Yang di Pertua. Dalam masalah ini juga kadang-kadang Lembaga research yang kita bayar gaji masing-masing dengan mahal itu adakah sudah sampai kepada pekebun kecil atau pun kalau sudah disampaikan, adakah sudah diterima oleh pekebun-pekebun kecil? Kalau tidak terima, apa sebab tidak diterima? Jadi dengan sebab itu kita mesti cari satu jalan macam mana barang yang kita hendak sampaikan kepada pekebun-pekebun kecil ini diterimanya, sebab pehak research itu berbangga dengan usaha yang dibuat bertahun-tahun itu sudah berjaya. Bukan berjaya bagi dia, berjaya hendak disampaikan kepada pekebun-pekebun kecil untuk memberi hasil negara. Tetapi kalau pekebun-pekebun kecil tidak terima macam mana boleh dapat kejayaan itu?

Dengan sebab itu, usaha ini juga mesti kita cari jalan. Cari jalan dengan pekebun kecil, cari jalan dengan pegawai-pegawai kita. Jadi saya nampak dalam masalah ini, Tuan Yang di Pertua, penasihat-penasihat penyelidikan getah di daerah-daerah itu, dia hendaklah berkerja kuat. Dalam menasihati getah itu jangan kena penyakit, yang kena rosak dan juga dalam masalah penyampaian benih-benih getah yang dihantarkan baik juga pada baja, ini satu masalah yang saya hendak kata tadi. Ada sekarang baja yang dihantar oleh Lembaga Penanaman Getah Semula itu, baja tidak sampai. Boleh dikira di kedai kopi sahaja, Tuan Yang di Pertua. Baja yang sampai 10 bag, kita berkira di situ. Baja tidak sampai ke kebun. Yang sampai

masalah hendak dijual. Jadi pekebun kecil tidak boleh juga disalahkan. Ada satu badan, satu orang yang tidak bertanggungjawab. Bila dihantar sahaja baja murah, baja ini boleh dapat dalam \$4. Kalau 10 bag, Tuan Yang di Pertua, pekebun kecil itu boleh dapat \$40, bajanya lesap kemana kita tidak tahu. Itulah masalah yang kita hendak ikhtiar dan ada pula pegawai menanam getah semula. Sudah dapat 5 kali terima bantuan, Tuan Yang di Pertua, tetapi kebun yang dikatakan hendak dibantu itu masih lagi pokok hutan. Kesilapan-kesilapan kelemahan-kelemahan ini patut kita fikirkan. Dan jangan kita menuduh mudah kepada pekebun-pekebun kecil. Jadi masalah-masalah yang terjadi antara dua pehak tidak adil. Ini masalahnya yang kita hendak fikir, hendak kaji-kaji kalau betul-betul hendak berikan kemajuan kepada mereka ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di Pertua, saya hendak bangkitkan iaitu saya hendak beri peluang kepada rakan sejawat saya yang hendak bercakap atau Menteri yang hendak jawab. Kalau hendak tolong pekebun kecil ini, jangan suruh mereka tanam kelapa sawit sahaja. Jangan suruh tanam getah sahaja. Fasal apa, walau pun getah ini murah, estet tidak goyang, tidak goncang, ekonominya baik. Fasal apa? Ia memperbagaikan tanaman. Jadi kita sekarang dengan adanya rancangan kelompok yang diketuai oleh Yang Berhormat rakan sejawat saya dari Temerloh, kita ada rancangan menanam getah besar-besaran secara berkelompok. Kita jangan tumpukan kepada kelapa sawit sahaja. Jangan kita tumpu getah sahaja, kita boleh tanam kelapa juga, kita boleh tanam barang-barang yang boleh mendatangkan hasil bahkan pada pekebun-pekebun kecil ini dalam kawasannya kita boleh menternak lembu.

Kumpulan Dunlop Estet, Tuan Yang di Pertua, selain daripada dia tanam getah, dia tanam kelapa sawit. Selain daripada ber-tanam koko, dia ternak lembu, ternak ayam. Dengan keadaan yang semacam ini, pekebun-pekebun kecil kita nasibnya terjamin, kalau kita chontohi.

Satu perkara yang saya fikir sekarang, Tuan Yang di Pertua, dalam hal hendak maju-maju ini, perkara yang tidak dapat dibetulkan sekarang ialah ladang-ladang seperti ladang buat faktori, buat kilang hendak memproses kelapa sawit, memproses getah, tetapi

malangnya air daripada kelapa sawit, daripada getah itu, Tuan Yang di Pertua, dia mengalirlah kesungai-sungai, mengalirlah ke-parit-parit. Biasanya yang menerima parit dan sungai ini ialah orang luar bandar, orang kampung. Pokok getah yang kena ayer cuka ini mati, air getah itu busuk, bukanlah sahaja busuk, Tuan Yang di Pertua, sampai kepada manusia kena air kilang; ini menjadi mudarat, menjadi gatal. Jadi ini juga badan penyelidik ini kena cari satu jalan macam mana ayer daripada kilang diberi ubat kimia supaya tidak masam supaya dia tidak busuk, supaya dia tidak memusnahkan manusia dengan busuknya atau pun dengan masamnya itu.

Lagi satu, Tuan Yang di Pertua, saya hendak contohkan di sini mengenai kawasan Yang Berhormat dari Segamat Utara ada satu kawasan kumpulan Dunlop telah membuat satu kilang kelapa sawit dalam kawasan sebanyak 7,000 ekar dibuat kilang kelapa sawit ini daripada kilang itu air kelapa sawit ini keluar pada satu sungai. Sungai itu mengalir masuk kesungai besar—Sungai Muar. Kerana bau busuk, Tuan Yang di Pertua, airnya masam mematikan ikan. Bukan ikan yang dalam paya itu mati, Tuan Yang di Pertua, ikan yang dalam sungai itu yang jauh 20 batu itu ikannya mati, udangnya mati, sampai menghilangkan mata pencarian penangkap-penangkap ikan tidak kurang daripada 300 orang. Jadi usaha yang semacam ini kita sudah sampai ilmu sains, kita cari jalan macam mana kelapa sawit ini boleh jadi tidak masam dan ahli-ahli teknologi kita ini kasar sangat kerja-nya. Dia cuma ambil minyak sawit kelas satu sahaja, kelas dua kelas tiga dibuangnya. Jadi masalah ini membazirkan negara juga. Kita mesti kaji kelapa sawit ini berguna kelas satu, kelas dua, kelas tiga ini ada guna melalui ilmu kajian, ilmu penyelidikan. Kalaulah hendak suruh pekebun-pekebun kecil dia tidak ada usaha, tidak berupaya. Jadi dengan adanya Menteri yang muda yang cergas ini, saya fikir, perkara-perkara yang saya bangkitkan ini, dia akan fikir dan diatasi akan meyenangkan seluruh pekebun-pekebun kecil baik di Malaysia Timur dan juga di Malaysia Barat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil bahagian sama dalam membahaskan Rang Undang-undang untuk menubuhkan dan memperbadankan Pehak

berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun kecil Perusahaan Getah.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang telah ditegaskan oleh beberapa orang pembicara dalam Dewan yang mulia ini bahawa sesungguhnya pekebun-pekebun kecil adalah lebih menguasai dari sudut luas tanah yang dimiliki oleh mereka berbanding dengan orang lain di dalam Malaysia ini. Sungguhpun, demikian, nasib mereka adalah tidak begitu terbela dengan sebab cara-cara mereka melaksana dan menjalankan perusahaan-perusahaan getah samada menanam, memproses dan sebagainya adalah tidak dengan cara yang moden.

Tuan Yang di Pertua, dengan adanya beberapa Akta dan beberapa Rang Undang-undang yang di bawa oleh pehak Kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini mungkin di satu masa untuk memodenkan pengeluaran perusahaan getah oleh pekebun-pekebun kecil akan dapat dijalankan sedikit demi sedikit oleh pihak Kerajaan. Namun begitu sebagai apa yang dibentangkan di hadapan kita pada hari ini menunjukkan bahawa sebuah Lembaga pekebun-pekebun kecil akan dibentuk semula bagi menggiatkan usaha-usaha yang telahpun dijalankan di masa yang lalu dan tidak mendatangkan puas hati oleh pihak Kerajaan dan pihak Pembangkang. Maka dengan adanya Rang Undang-undang ini Inshak Allah akan lebih menitekberatkan tentang kemajuan-kemajuan mereka.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang kita tahu bahawa pekebun-pekebun kecil menghadapi banyak masalah untuk memodenkan cara-cara mereka memiliki, menanam dan memproses getah.

Pertama, Tuan Yang di Pertua, ialah dengan sebab mereka memiliki kawasan yang sedikit, atau pun kecil keluasan yang dimiliki oleh mereka. Antara mereka hanya memiliki dua ekar dan antara mereka yang lain memiliki 3 ataupun 4 ekar sahaja. Untuk menjayakan tanah seluas ini sudah tentu tidak dapat dijalankan dengan lebih baik. Dengan sebab bagi menjalankan usaha-usaha kemajuan dan pemodenan ini harus digunakan dengan wang yang banyak dan cara serta nasihat yang lebih teratur tetapi sebagaimana caranya mereka hendak menjalankan usaha-usaha

saperti ini sedangkan keadaan mereka sendiri sudahpun tidak ekonomik lagi

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok.

PENANGGUHAN

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

HOSPITAL DI PULAU PINANG— MENAMBAHKAN

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, the population of the State of Penang has increased tremendously since the General Hospital there was built. Since then, the mental attitudes of the population towards going to the Hospital for medical treatment have also undergone a change. Where previously sick people preferred to take traditional medicine, or take the medicine prescribed by itinerant medicine men, they now seek treatment from the Hospital. Therefore, the General Hospital is always over-crowded.

Mr Speaker, Sir, there are more in-patients in the hospital than the hospital can accommodate. Therefore, we find that beds have been placed in the corridors of the various wards. There are, in fact, almost twice as many beds in the wards than the wards were meant to accommodate. This is clear proof, Mr Speaker, Sir, that the General Hospital is too small to cope with the demand for the hospital beds there. As a result of this, Mr Speaker, Sir, many patients were asked to leave earlier than necessary because there are insufficient beds in the hospital.

I know of a case where an individual broke his leg and his leg was put into plaster, but three days later he was asked to leave the hospital. Had there been more beds in the hospital, in the normal course of events, he

would have been allowed to stay longer. As a result of over-crowding in the wards also, Mr Speaker, Sir, there is a lot of noise and this is not conducive to the early recovery of the patients. Patients do not have proper sleep because of the incessant noise. Further, because of this over-crowding, the place gets dirtier than usual which is also not healthy for the patients. I have seen, Mr Speaker, Sir, cobwebs in the wards.

During visiting hours, a lot of visitors and relatives come to visit the patients. If the hospital authorities had not placed more beds than the wards could accommodate, there would not be such an over-crowding when visitors or relatives come to visit the patients. But because more beds have been placed, wards are packed and crowded and therefore very noisy. As a result of all this, very often tempers in the wards tend to go up all round—tempers of patients and that of the staff—and at times there are arguments in the wards which would not do any good to anybody.

Mr Speaker, Sir, the out-patients clinic in the General Hospital is always over-crowded. In today's paper, we read that about 800 to 1,000 people daily go to the out-patients, clinic in the General Hospital, Penang. Mr Speaker, Sir, I have seen out-patients who have had to wait for more than an hour, sometimes two hours, before they are attended to, simply because there are insufficient doctors, though the Ministry claims that there are five doctors at any given time in the hospital, which I do not accept. Very often, a lot of patients who are poor and who have to work cannot wait so long and they have to go to private doctors outside and pay these private doctors a few dollars which they can hardly afford.

The out-patients clinic, Mr Speaker, Sir, is always over-crowded and it resembles, very often, a market place because the out-patients clinic where the out-patients have to wait is very small. The place is crowded and, as I have said, it resembles more a market place than an out-patients clinic. As a consequence of all this, doctors and staff are always in a rush and in such situations, it does happen that the patients at times get wrongly treated, as had happened recently, where 15 persons were given the wrong medicine. This was a case where patients who were suffering from asthma were

given the wrong medicine. Therefore, Mr Speaker, Sir, there is an urgent need for another hospital in Penang.

I read from yesterday's papers that the Government intends to build a new block in the hospital, which I welcome, but what the public of Penang wants to know, Mr Speaker, Sir, is when will this new block be built and when will it become operational. Thank you.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, saya telah mengambil makluman akan ucapan dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya suka memberi tahu Ahli Yang Berhormat iaitu Hospital Besar, Pulau Pinang tidaklah selalunya sesak.

Hospital Besar, Pulau Pinang mempunyai tempat tidur sebanyak 839 buah. Hitung panjang pada tiap-tiap hari hanya 730 buah tempat sahaja digunakan oleh pesakit.

Hospital Bersalin mempunyai tempat tidur sebanyak 120 buah. Hitung panjang sehari 100 buah tempat tidur sahaja digunakan oleh pesakit-pesakit.

Pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan di hospital akan dimasukkan walaupun kita terpaksa membuat aturan sementara untuk mereka ini tinggal. Adalah tidak wajar bagi Kementerian ini menolak pesakit-pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan.

Di Jabatan Pesakit Luar di Hospital Besar, Pulau Pinang lebih kurang 7-8 pegawai perubatan bersedia untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit ini. Pada hari-hari yang ramai, bilangan pesakit-pesakit luar adalah lebih kurang 1,000 orang dan bilangan ini turun kepada 800 orang pada tiap-tiap hari dalam seminggu. Dalam setengah masa ada juga sedikit kelewatan di Jabatan Pesakit Luar ini tetapi selalunya pesakit adalah dirawat dengan secepat mungkin. Kementerian saya sentiasa cuba untuk menghapuskan kelewatan di Jabatan Pesakit Luar ini.

Bagi semua kes-kes kecederaan, Hospital Besar ini, telah mengadakan satu bahagian yang berasingan iaitu Bahagian Kecemasan di mana pegawai perubatan yang khas merawat mereka-mereka yang mendapat kemalangan ini setiap waktu 24 jam sehari. Di masa-masa yang sibuk perkhidmatan ini

ditambah dengan pegawai perubatan pelatih untuk membantu menjalankan tugas-tugas di Bahagian Kecemasan ini.

Di samping menjalankan perkara di atas, saya suka memberi tahu Ahli Yang Berhormat selaras dengan objective Kementerian saya untuk memperbaiki segala aspek perkhidmatan menjaga pesakit-pesakit kita juga sedang melaksanakan rancangan yang berikut untuk membesarkan dan memajukan Hospital Besar Pulau Pinang ini:

- (i) Satu blok baru untuk surgical dan Pesakit Luar akan diadakan dalam Rancangan Malaysia Kedua ini. Kerja-kerja pembinaan dijangkakan akan bermula dalam tahun 1973. Blok baru ini apabila siap akan meluaskan lagi kemudahan fizikal di Hospital Besar lebih kurang 100-150 tempat tidur.
- (ii) Sebuah kelinik T.B. ward untuk 80 buah tempat tidur akan didirikan di Jalan Perak dan akan dilancar dalam tahun 1973. Ini akan membolehkan tempat tidur yang digunakan oleh T.B. ward sekarang ini di Hospital Besar Pulau Pinang dapat digunakan untuk tujuan-tujuan umum.
- (iii) Satu pusat regional psychiatric untuk Pulau Pinang dengan tempat tidur sebanyak 100 buah telah dirangka untuk dibina. Ini akan membolehkan tempat tidur yang digunakan oleh pesakit jiwa sekarang di Hospital Besar ini akan digunakan untuk umum, oleh itu dengan tambahan ini akan menambahkan lagi keperluan tempat tidur di Hospital Besar Pulau Pinang.
- (iv) Kerja-kerja untuk pembinaan 3 poliklinik di Jalan Mac Alister, di Jalan Vale of Tempe dan di Jalan Ayer Hitam akan dijalankan pada tahun ini. Pembinaan Poliklinik-poliklinik ini akan mengurangkan kerja-kerja yang banyak di Jabatan Pesakit Luar di Hospital Besar, Pulau Pinang.
- (v) Kerja-kerja di atas poliklinik di Mak Mandin, Butterworth dimulakan dalam tahun 1972 ini. Ini juga akan meringankan kerja yang banyak di Jabatan Pesakit Luar Hospital Besar Pulau Pinang.

(vi) Satu ward T.B. dengan 52 tempat tidur telah siap dibina di Bukit Mertajam. Pesakit-pesakit T.B. dari kawasan ini boleh mendapat rawatan di Bukit Mertajam, oleh itu mengurangkan kesibukan di Hospital Besar, Pulau Pinang.

(vii) Sebuah Hospital Baru akan dibina di Bagan Serai, Province Wellesley dengan peruntukan \$0.5 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti dan tanah untuk projek ini akan dibeli dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Hospital Besar Pulau Pinang bukan sahaja untuk faedah Pulau Pinang dan kawasan di sekelilingnya sahaja, tetapi adalah juga untuk kawasan yang berhampiran dengannya di Tanah Besar ini.

Dengan adanya rancangan-rancangan ini dijalankan dan pembinaan hospital-hospital dan Poliklinik-poliklinik yang berhampiran di Pulau Pinang dan kawasan-kawasan yang berhampiran di Tanah Besar ini dan perluasan rancangan Hospital Besar ini sendiri tidak sahaja mengurangkan kerja yang banyak di hospital ini juga akan menambahkan lagi keperluan tempat-tempat tidur yang berselaras dengan objective Kementerian saya untuk meluaskan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit. Terima kasih.

POLITIK HAL EHWAL LUAR NEGERI—PERUBAHAN PESAT

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Sir, President Nixon's visit to China and Russia has reduced world tension and given fresh hopes for a more peaceful world. It was a breath-taking, epoch-making great mission, just almost the wisest move any statesman anywhere has ever attempted. It speaks well for the largeness of mind and the inherent greatness of the American people.

But what about us in Malaysia? Can we match up, in our small way, to the task of establishing a more secure peace in our country and our region? President Nixon, Premier Chou En-Lai and Mr Breshnev could do no more but lay the larger framework for a world order. But that does not guarantee the non-eruption of local and regional conflicts. All that the Superpowers have agreed in essence is not to fight each other and destroy the world in a nuclear

holocaust. But local conflicts will continue as the war in Vietnam is continuing, as guerilla warfare also continues in Thailand and unfortunately also in Malaysia.

What, therefore, must we do? I propose, Sir, that the Government make the following moves:

- (1) Consolidate further our existing good relationship with Britain, Australia and the United States.
- (2) Establish closer ties with Soviet Russia, Japan and the People's Republic of China to give meaning to our Neutralisation concept.
- (3) Immediately send a delegation consisting of Members of Parliament, from both sides of the House, on a goodwill visit to China and invite a Chinese delegation here.
- (4) Follow this up with a summit trip to Peking by our Prime Minister. The absence of diplomatic relationship between the U.S. and China did not prevent President Nixon from going to China. The Government should, therefore, not use this as an excuse for not doing so.
- (5) Repair the damage done to our neutral image caused by our impetuous walk-out from the non-aligned nations conference in Guyana recently.
- (6) Soft-pedal our claim to the Straits of Malacca and pursue our aims through the United Nations peacefully and without threats as we are in no position to threaten or control anybody big in the Straits of Malacca.
- (7) Show sincerity and consistency in our desire for the Neutralisation of South East Asia by being really and consistently neutral and adopting genuine neutral policies.
- (8) Adopt and develop the closest of ties with our immediate neighbours, specifically Thailand, Singapore and Indonesia. We must be their closest friends and allies for reasons of security and trade. And in the case of Singapore and Indonesia, because we are related so closely by ties of culture, geography, history and family.

Sir, this is my 8-point plan, and I hope the Government could develop the will and find the capacity to implement it.

The Guyana walk-out by Malaysia was particularly unwise. It gives the impression that we are against Sihanouk and the Vietcong both of which enjoyed, whether we like it or not, more support from their own people and the rest of the world. We are championing an unpopular cause if the reason for the walk-out is to support the present Lon Nol and Thieu Governments. By doing so, I submit, Sir, that our neutrality looks suspect when in fact we really and genuinely want neutrality.

I urge the Government, therefore, not to get mixed up in other people's quarrels in Cambodia and South Vietnam. In this regard, the training of South Vietnamese and Cambodian Police personnel and possibly Army officers in our Jungle Warfare School is unwise and it would be to the interest of Malaysia not to continue to do so.

Finally, Sir, the Kuala Lumpur Declaration is a good start, though defective in many ways. Our best hope, Sir, lies in implementing that Declaration with skill and with consistency. Thank you.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab ucapan Ahli Yang Berhormat, saya suka terangkan bahawa Malaysia mengalu-alukan lawatan President Nixon ke People's Republic of China kemudian ke Soviet Russia kerana kita fikirkan kedua-dua lawatan ini adalah mewujudkan perhubungan yang lebih baik di antara kuasa-kuasa besar dan ini akan mengendurkan ketegangan di antara mereka dan perkara ini akan membawa kepada keamanan dunia, khususnya di Asia ini. Bagi pihak Malaysia kita sentiasa mengambil langkah-langkah yang difikirkan patut untuk hendak membawa keamanan, khususnya kepada wilayah kita di Tenggara Asia ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui satu dasar kita yang penting ialah Neutralisation for South East Asia dan kita sukacita telah mendapat sukungan boleh dikatakan sebahagian besar daripada kuasa-kuasa dunia ini.

Berkenaan dengan 8-point yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kebanyakan daripada 8-point itu memang telahpun

dijalankan oleh pihak Kerajaan. Kita telah menguatkan persahabatan kita dengan Britain, Australia, New Zealand dan juga persahabatan kita dengan negara-negara seperti Russia dan bulan hadapan saya akan membuat lawatan rasmi ke Russia pada kali yang pertama dan begitu juga tahun dahulu saya telah membuat lawatan ke negeri Jepun dan juga ke negeri Amerika.

Berkenaan dengan perhubungan kita dengan People's Republic of China, saya telah terangkan dalam Dewan ini dan kita telah menunjukkan perasaan persahabatan kita kepada People's Republic of China dengan memberi sukungan yang kuat kepada Kerajaan China memasuki Badan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dan berkenaan dengan perhubungan diplomatik dengan Komunis China, saya telah terangkan juga di sini, iaitu kita telah mendapat persetujuan dengan sahabat-sahabat kita di dalam ASEAN iaitu perkara ini mustahaklah ditimbang bersama dan ditimbang dalam context neutralisation.

Berkenaan dengan masalah kita yang dikatakan walk-out daripada Non-aligned Conference di George Town, Guyana, saya harap Ahli Yang Berhormat faham perkara ini, sebab telah diterangkan dengan lanjut bahawa delegation kita berundur daripada mesyuarat itu bukan kerana kita hendak menyebelah mana-mana pihak ialah di atas perinsip iaitu perinsip consensus atau mesyuarat dalam masalah hendak memasukkan PRG menjadi Ahli Non-aligned Conference. 23 negeri yang menyokong, 8 negeri menentang dan negara-negara lain tidak berpeluang hendak bercakap. Jadi daripada 8 negeri itu 5 daripada Asia, 4 dari Tenggara Asia dan 2 daripada 4 negeri itu iaitu Indonesia dengan Laos ialah founder members of the non-aligned. Nyatalah dengan keadaan yang semacam itu tidak ada consensus dalam perkara ini. Jadi kalau dijalankan juga keputusan dengan tidak ada consensus, kita berpendapat bahawa ini akan memecahbelahkan perkumpulan non-aligned. Dengan sebab itu, kita membantah atas perkara ini.

Dan lagi terhadap kedudukan di Vietnam, kita berpendapat oleh sebab usaha-usaha sedang dijalankan untuk hendak memulihkan keamanan di situ dan pihak ASEAN pun telah mengambil langkah untuk hendak mencari persetujuan daripada semua pihak supaya diadakan perundingan untuk damai. Kita fikir tidaklah bijak pada masa ini hendak

diambil apa-apa langkah untuk menye-
belah mana-mana pihak. Dengan sebab itu,
kita fikir, kita terpaksa mengundurkan diri
hendak menunjukkan kepada Perhimpunan
Non-aligned itu dan kepada Chairman khas-
nya yang membuat keputusan atas hal ini
iaitu mustahak kalau Non-aligned Movement
itu hendak kekal iaitu prinsip yang penting
consensus hendaklah dijunjung tinggi dan
diamalkan bagi setiap masa.

Jadi, itulah sebabnya bukan kita menye-
belah atau menentang mana-mana pihak.
Perkara ini telah di terangkan dengan lanjut
dan saya fikir tidaklah payah saya terangkan
lagi lebih lanjut daripada itu di sini. Dan
seperti saya terangkan dalam Dewan ini,
iaitu kita sebenar-benarnya menjalankan
dasar non-aligned dan dasar berkecuali. Ini
semua negara-negara tahu, negara-negara

besar pun mengetahui kita tidak menyebelah
mana-mana pihak dan menurut Kuala
Lumpur Declaration, kita akan mengambil
apa-apa juga usaha yang patut untuk hendak
menghasilkan tujuan-tujuan kita hendak men-
jadikan negara Asia ini kawasan yang bebas,
berkecuali dan aman .

Iniilah langkah-langkah yang kita ambil.
Jadi 8-point yang dikatakan oleh Ahli Yang
Berhormat itu boleh dikatakan telah pun
dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-
setujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dewan
ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul
2.30 petang esok, 22hb Ogos, 1972.

Dewan ditangguhkan pukul 6.58 petang.